

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
---	-------------

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 2006

Jawatankuasa:

Jadual

Maksud B. 1 hingga B. 9 dan B. 40

(Halaman 14)

Maksud B. 10, B.11 dan B. 12

(Halaman 75)

USUL-USUL:

Usul Anggaran Pembangunan 2006

Jawatankuasa:

Maksud P.6 dan P.7

(Halaman 14)

Maksud P.10 dan P.70

(Halaman 75)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib, PSM., SPCM., AMN., JP. (Pasir Salak) - UMNO

“ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, PJN., PIS. (Kulai) - MCA

“ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Yusof bin Yacob, PGDK., ADK. (Sipitang) - UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) - UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) - UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.P. (Tanjong Piai) - MCA
4. “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput) - MIC
5. “ Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas) - GERAKAN
6. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Ranau) - UPKO
7. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz, S.P.M.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) - UMNO
8. “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) - UMNO
9. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) - UMNO
10. “ Menteri Penerangan, Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.H.M.S., P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu) – UMNO
11. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn, D.C.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) - MCA
12. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) - UMNO
13. “ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Seri Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) - UMNO
14. “ Menteri Pelajaran, Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembong) - UMNO
15. “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jejebu) - UMNO

16. Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai) - UMNO
17. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) - UMNO
18. “ Menteri Pengangkutan, Dato' Sri Chan Kong Choy, S.S.A.P., D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang) – MCA.
19. “ Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop
20. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Dato' Seri Utama Mohd. Isa bin Abdul Samad, P.S.M., S.P.N.S., D.S.N.S., P.M.C. (Jempol) – UMNO
21. “ Menteri Pelancongan, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah) - PBB
22. “ Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP
23. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) - UMNO
24. “ Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat) – UMNO
25. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S., D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M., D.P.M.P., D.S.D.K. (Shah Alam) - UMNO
26. “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasar Gudang) - UMNO
27. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Mustapa bin Mohamed (Jeli) - UMNO
28. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) - UMNO
29. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Sri Adenan bin Satem (Batang Sadong) – PBB
30. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) - PBS
31. “ Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Chua Soi Lek (Labis) - MCA
32. “ Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina binti Othman Said (Pengerang) - UMNO
33. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin (Besut) - UMNO

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Kerk Choo Ting (Simpang Renggam) – GERAKAN
2. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) - PBB
3. “ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak) - MCA

4. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor) - MIC
5. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) - MCA
6. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato’ Seri Mohd. Shariff bin Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor) – UMNO
7. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai) - UMNO
8. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato’ Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) - UMNO
9. “ Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Anifah bin Haji Aman (Kimanis) - UMNO
10. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading) - SPDP
11. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P. (Raub) - MCA
12. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) - UMNO
13. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato’ Hon Choon Kim (Seremban) - MCA
14. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas, P.J.N. (Taiping) - PPP
15. “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan) - MCA
16. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Dato’ Fu Ah Kiow (Kuantan) – MCA
17. “ Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin (Merbok) – UMNO
18. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato’ Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) - UMNO
19. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato’ Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Lenggong) – UMNO
20. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) - GERAKAN
21. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato’ S. G. Sothinathan (Telok Kemang) - MIC
22. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P, A.M.N. (Tapah) - MIC
23. “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Dato’ Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru) - MCA
24. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato’ Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani) - UMNO
25. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) - UMNO
26. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO

27. Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu) - SUPP
28. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato’ Joseph Salang Gandum (Julau) - PBDS
29. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato’ Kong Cho Ha (Lumut) - MCA
30. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Mah Siew Keong (Telok Intan) - GERAKAN
31. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato’ Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Sepang) – UMNO
32. “ Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato’ Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin) – UMNO
33. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Dato’ Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Setiawangsa) - UMNO
34. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azizah binti Mohd. Dun (Beaufort) – UMNO
35. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Marang) - UMNO
36. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato’ Dr. Awang Adek bin Hussin (Bachok) – UMNO
37. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) - PBDS
38. “ Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang (Hulu Terengganu) – UMNO

SETIAUSAHA PARLIMEN

1. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Mohd Johari bin Baharum (Kubang Pasu) - UMNO
2. “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Mashitah binti Ibrahim (Baling) - UMNO
3. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato’ Seri Dr. Hilmi bin Yahaya (Balik Pulau) - UMNO
4. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Wira Abu Seman Yusop (Masjid Tanah) - UMNO
5. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr S. Subramaniam (Segamat) - MIC
6. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Dato’ Yong Khoo Seng (Stampin) - SUPP
7. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Klang) – MCA
8. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, Dato’ Zainal Abidin bin Osman (Nibong Tebal) - UMNO
9. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupar) - PBB

10. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Puan Noriah binti Kasnon (Sungai Besar) - UMNO
11. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato’ Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim (Pokok Sena) - UMNO
12. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran, Puan Komala Devi (Kapar) – MIC
13. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara) - MCA
14. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani (Bukit Katil) – UMNO
15. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Hoo Seong Chang (Kluang) - MCA
16. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, Tuan Yew Teong Look (Wangsa Maju) - MCA
17. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat (Batu) - GERAKAN
18. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham bin Baba (Tenggara) - UMNO
19. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman (Silam) - UMNO
20. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tuan Sazmi bin Miah (Machang) - UMNO
21. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato’ Lee Kah Choon (Jelutong) - GERAKAN
22. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Tuan Sa. Vigneswaran (Kota Raja) - MIC

AHLI-AHLI

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) - PBDS
2. “ Brig. Jen. (B) Dato’ Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Parit Buntar) - UMNO
3. “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron (Rantau Panjang) - PAS
4. “ Datuk Abdul Ghapur bin Salleh (Kalabakan) - UMNO
5. “ Dato’ Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa) - PAS
6. “ Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO
7. “ Dato’ Abdul Rahman bin Ariffin (Jerlun) - UMNO
8. “ Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud (Kota Samarahan) - PBB
9. “ Dato’ Abu Bakar bin Taib (Langkawi) - UMNO
10. “ Tuan Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) - UMNO
11. “ Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) - PBB
12. “ Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz (Titiwangsa) - UMNO
13. “ Dato’ Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin (Jerai) - UMNO

14. Yang Berhormat Tuan Baharum bin Mohamed (Sekijang) - UMNO
15. “ Tuan Bernard S. Maraat @ Ben (Pensiangan) - PBRs
16. “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) - PBDS
17. “ Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) - UMNO
18. “ Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman (Kuala Nerus) – UMNO
19. “ Dato Haji Che Min bin Che Ahmad (Pasir Puteh) - PAS
20. “ Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) - DAP
21. “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) - DAP
22. “ Tuan Chong Hon Min (Sandakan) - BEBAS
23. “ Dato’ Chor Chee Heung (Alor Star) - MCA
24. “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) - DAP
25. “ Dato’ Chua Jui Meng (Bakri) – MCA
26. “ Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy (Cameron Highlands) - MIC
27. “ Tuan Donald Peter Mojuntin (Penampang) – UPKO
28. “ Ir. Edmund Chong Ket Wah (Batu Sapi) - PBS
29. “ Tuan Eric Enchin Majimbun (Sepanggar) - SAPP
30. “ Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) - PBB
31. “ Dato’ Firdaus bin Harun (Rembau) - UMNO
32. “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) - DAP
33. “ Cik Fong Po Kuan (Batu Gajah) - DAP
34. “ Dato’ Ghazali bin Ibrahim (Padang Terap) - UMNO
35. “ Dato’ Goh Siow Huat (Rasah) - MCA
36. “ Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) - UMNO
37. “ Datuk Haji Hasan bin Malek (Kuala Pilah) - UMNO
38. “ Tuan Hashim bin Jahaya (Kuala Kedah) - UMNO
39. “ Ir. Hasni bin Haji Mohammad (Pontian) - UMNO
40. “ Tuan Henry Sum Agong (Bukit Mas) - PBB
41. “ Tan Sri Dato’ Hew See Tong (Kampar) - MCA
42. “ Tuan Huan Cheng Guan (Batu Kawan) - GERAKAN
43. “ Datuk Haji Idris bin Haji Haron (Tangga Batu) - UMNO
44. “ Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib (Maran) - UMNO
45. “ Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau) - UMNO
46. “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas) - PAS
47. “ Datuk Ismail Sabri bin Yaakob (Bera) - UMNO
48. “ Dato’ Jacob Dungau Sagan (Baram) - SPDP
49. “ Dr. James Dawos Mamit (Mambong) - PBB
50. “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu) - PBDS

51. Yang Berhormat Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) - SPDP
52. “ Tuan Jimmy Donald (Sri Aman) - PBDS
53. “ Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) - PBS
54. “ Dr. Junaidy bin Abdul Wahab (Batu Pahat) - UMNO
55. “ Datuk Juslie Ajirol (Libaran) - UMNO
56. “ Tan Sri Dato’ Dr. K.S. Nijhar (Subang) - MIC
57. “ Dato’ Kamarudin bin Jaffar (Tumpat) - PAS
58. “ Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor) - DAP
59. “ Tuan Lau Yeng Peng (Puchong) - GERAKAN
60. “ Tan Sri Law Hieng Ding (Sarikei) - SUPP
61. “ Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Padang Serai) - MCA
62. “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan) - DAP
63. “ Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timor) - DAP
64. “ Dato’ Liow Tiong Lai (Bentong) - MCA
65. “ Tuan Loh Seng Kok (Kelana Jaya) - MCA
66. “ Dato’ Loke Yuen Yow (Tanjong Malim) - MCA
67. “ Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat) - DAP
68. “ Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh (Putatan) - UPKO
69. “ Tuan Markiman bin Kobiran (Hulu Langat) - UMNO
70. “ Dato’ Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan (Sabak Bernam) – UMNO
71. “ Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad (Ketereh) – UMNO
72. “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) - UMNO
73. “ Tuan Mohamad Shahrum bin Osman (Lipis) - UMNO
74. “ Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat, J. P. (Kuala Krai) - UMNO
75. “ Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim (Kota Bharu) - UMNO
76. “ Tuan Mohd. Daud bin Tarihep (Kuala Selangor) - UMNO
77. “ Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang) - PAS
78. “ Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof (Jasin) - UMNO
79. “ Dato’ Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh) - UMNO
80. “ Tuan Mohd. Yusop bin Majid (Setiu) - UMNO
81. “ Tuan Nasaruddin bin Hashim (Parit) - UMNO
82. “ Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) - UMNO
83. “ Datuk Dr. Rahman bin Ismail (Gombak) - UMNO
84. “ Tuan Raimi Unggi (Tenom) – UMNO
85. “ Dato’ Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut) - UMNO
86. “ Tan Sri Dato’ Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib (Pasir Salak) - UMNO
87. “ Tuan Razali bin Ibrahim (Muar) - UMNO

88. Yang Berhormat Dato' Razali bin Ismail (Kuala Terengganu) – UMNO
89. “ Datuk Richard Riot anak Jaem (Serian) - SUPP
90. “ Datuk Ronald Kiandee (Beluran) – UMNO
91. “ Datuk Rosli bin Mat Hassan (Dungun) - UMNO
92. “ Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin (Papar) – UMNO
93. “ Dr. Rozaidah binti Talib (Ampang) - UMNO
94. “ Tuan Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian) - PAS
95. “ Datuk Salleh bin Tun Said (Kota Belud) – UMNO
96. “ Ir. Shaari bin Hassan (Tanah Merah) – UMNO
97. “ Dato' Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
98. “ Tuan Shim Paw Fatt (Tawau) - SAPP
99. “ Datuk Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman (Paya Besar) – UMNO
100. “ Dato' Suhaili bin Abdul Rahman (Labuan) – UMNO
101. “ Tuan Syed Hood bin Syed Edros (Parit Sulung) – UMNO
102. “ Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail (Arau) – UMNO
103. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) - MCA
104. “ Dato' Dr. Tan Kee Kwong (Segambut) - GERAKAN
105. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras) - DAP
106. “ Cik Tan Lian Hoe (Bukit Gantang) - GERAKAN
107. “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) – DAP
108. “ Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) - MCA
109. “ Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor (Putrajaya) - UMNO
110. “ Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang) – UMNO
111. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) – DAP
112. “ Tan Sri Dato' Seri Dr. Ting Chew Peh (Gopeng) - MCA
113. “ Dato' Seri Tiong King Sing (Bintulu) - SPDP
114. “ Tuan Tiong Thai King (Lanang) - SUPP
115. “ Datuk Wahab bin Haji Dollah (Kuala Rajang) - PBB
116. “ Dato' Wan Adnan bin Wan Mamat (Indera Mahkota) - UMNO
117. “ Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Permatang Pauh) - KEADILAN
118. “ Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin (Sik) – UMNO
119. “ Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh (Gerik) – UMNO
120. “ Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Santubong) - PBB
121. “ Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam) - MCA
122. “ Tuan Wilfred Madius Tangau (Tuaran) - UPKO
123. “ Tuan Wong Nai Chee (Kota Melaka) - MCA

124. Yang Berhormat Dato' Yap Pian Hon (Serdang) - MCA

125. " Datuk Dr. Yee Moh Chai (Kota Kinabalu) - PBS

MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)

1. Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN****Setiausaha Dewan Rakyat**

Dato' Abdullah bin Abdul Wahab

Ketua Penolong Setiausaha

Roosme binti Hamzah

Ruhana binti Abdullah

Riduan bin Rahmat

Pegawai Undang-undang

Muzalni bin Soid

Penolong Setiausaha

Muhd Sujairi bin Abdullah

Lavinia a/p Vyveganathan

Bazlinda binti Bahrin

Farah Nurdiana binti Azhar

PETUGAS-PETUGAS**PENERBITAN PENYATA RASMI (HANSARD)**

Azhari bin Hamzah

Hajah Paizah binti Haji Salehuddin

Supiah binti Dewak

Mohamed bin Osman

Hajah Kamisah binti Sayuti

Abd. Talip bin Hasim

Hadzirah binti Ibrahim

Saadia binti Jamaludin

Jamilah Intan binti Haji Bohari

Hairan bin Mohtar

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Marzila binti Muslim

Habibunisah binti Mohd. Azir

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Nurul Asma binti Zulkepli

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Rabu, 26 Oktober 2005

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Puan Tan Lian Hoe [Bukit Gantang]** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan berapakah kementerian dan agensi kerajaan yang telah berjaya mengambil 30% daripada tenaga pekerja wanita sebagai membuat dasar dan keputusan yang dihasratkan oleh Perdana Menteri kita.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk G. Palanivel]: Tuan Yang di-Pertua, dasar sekurang-kurangnya 30% wanita di peringkat membuat keputusan di sektor awam telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 25 Ogos 2004. Di bawah dasar ini pegawai-pegawai wanita yang berkeelayakan dan berkebolehan layak dipertimbangkan untuk dilantik ke jawatan membuat keputusan iaitu jawatan utama sektor awam.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sehingga Jun 2005, terdapat seramai 314 pegawai wanita ataupun 18.8% dilantik memegang jawatan utama sektor awam berbanding seramai 1,356 orang iaitu 81.2 %. Angka ini telah meningkat berbanding statistik tahun 2000 di mana wanita mewakili hanya 14.9% ataupun 82 orang berbanding dengan lelaki 85.1% yang dilantik sebagai pegawai JUSA. Dari segi bilangan jumlah wanita dilantik sebagai pegawai JUSA telah meningkat hampir empat kali ganda daripada 82 orang pada tahun 2000 kepada 314 pada tahun 2005. Sekian, terima kasih.

Puan Tan Lian Hoe: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih timbalan menteri. Daripada jawapan timbalan menteri walaupun ada peningkatan tetapi kita dapati bahawa penyertaan wanita di dalam kementerian dan agensi kerajaan masih jauh daripada hasrat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Kita memang ingin melihat bahawa terdapatnya 30% penyertaan wanita dalam kementerian dan kalau kita bandingkan dengan jumlah mahasiswi di institusi pengajian tinggi dengan mahasiswa kita dapati nisbahnya ialah 60:40. Soalannya sejauh manakah usaha kementerian dalam mencari sebab-sebab atau punca-punca kenapa kementerian dan agensi kerajaan kurang mengambil pekerja wanita sebagai pembuat dasar dan keputusan dan sejauh manakah usaha kementerian juga untuk memastikan 30% pembuat dasar dan keputusan terdiri daripada wanita tercapai dan bilakah jangka masa yang akan ditetapkan untuk mencapai sasaran ini supaya jurang *gender bias* di negara kita dapat dirapatkan. Sekian.

Datuk G. Palanivel: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kementerian dan kerajaan mengakui bahawa penglibatan wanita dalam sektor membuat keputusan tidak memuaskan. Walau bagaimanapun, kerajaan yakin bahawa dasar dan langkah-langkah serta program-program kepekaan *gender* yang telah dilaksanakan oleh kerajaan boleh membantu dalam pencapaian 30% ini tidak lama lagi dan angka-angka yang kita nampak dari tahun 2000 hingga 2005 menunjukkan bahawa kita adalah dalam hala tuju yang baik untuk mencapai *target* 30% ini. Sekian, terima kasih.

Puan Lim Bee Kau: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih timbalan menteri. Saya ingin mendapat sedikit pandangan ataupun fahaman sama ada pihak kementerian mempunyai satu objektif atau pun satu sistem, satu pelan, satu rancangan untuk mencapai matlamat ini dan adakah kementerian berhasrat mewujudkan satu sistem

quota di mana 30% peratus ini diwajibkan seperti yang berlaku di beberapa negara supaya matlamat ini dapat dicapai dengan lebih cepat lagi. Terima kasih.

Datuk G. Palanivel: Tuan Yang di-Pertua, kementerian tidak berhasrat mewajibkan pencapaian 30% ini dengan hadkan satu masa atau cara-cara lain tetapi kementerian akan mengambil langkah-langkah pentadbiran dan lain-lain langkah untuk menggalakkan kebolehan kemampuan dan kelayakan wanita mendapat jawatan-jawatan tertinggi dalam kerajaan. Sekian, terima kasih.

2. **Datuk Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]** minta Menteri Pelajaran menyatakan sekolah-sekolah di luar bandar mengalami masalah kekurangan guru bahkan sekolah dalam bandar mempunyai lebih guru. Apakah tindakan kementerian supaya guru-guru yang berkecukupan dihantar ke kawasan luar bandar sedangkan di luar bandar tidak mempunyai kemudahan asas.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Puan Komala Devi]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran tidak menafikan terdapat ketidakseimbangan guru yang mengajar di bandar dan di luar bandar. Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan kekurangan guru di luar bandar antaranya guru yang berpindah mengikut suami, pertukaran guru yang telah lama berkhidmat di kawasan luar bandar atau pedalaman dan guru yang menyambung pelajaran.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat masalah kekurangan guru di kawasan luar bandar dan pedalaman ini banyak berlaku kepada *subjects* tertentu yang kritikal seperti *subject* bahasa Inggeris dan *subjects* aliran Sains. Sehubungan itu bagi mengatasi masalah tersebut Kementerian Pelajaran telah melaksanakan beberapa pendekatan seperti:

- (i) mengeluarkan surat siaran bertarikh 29 Januari 2005 antara lain kandungan surat tersebut menyatakan -
 - (a) penempatan guru-guru baru yang telah tamat pengajian hendaklah ditempatkan mengikut keperluan perkhidmatan; dan
 - (b) penempatan hendaklah diutamakan di luar bandar, jika keperluan perkhidmatan amat tinggi di luar bandar dan ia mestilah berasaskan keutamaan.
- (ii) dari segi pemilihan dan pengambilan guru untuk mengikuti program pendidikan guru pra perkhidmatan, kementerian mengamalkan dasar pengambilan guru dengan mengutamakan calon tempatan yang memenuhi syarat kelayakan minimum; dan
- (iii) guru-guru yang berkhidmat di kawasan pedalaman juga diberi pelbagai insentif antaranya -
 - (a) elaun insentif pedalaman sebanyak 10% daripada gaji pokok;
 - (b) guru pedalaman yang menduduki kuarters guru yang daif akan dibayar penuh elaun tetap perumahan; dan
 - (c) kementerian sedang mempertimbangkan cadangan pemberian insurans keselamatan serta yuran tajaan pengajian ke pusat pengajian tinggi;
 - (d) Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, kementerian telah merancang untuk memperbanyak pembinaan rumah guru terutama di luar bandar dan akhirnya memberi pengiktirafan dan penghargaan di atas jasa

guru-guru yang berkhidmat di luar bandar seperti ketika sambutan hari guru dan ketika perayaan. Dengan usaha-usaha ini diharapkan guru-guru akan lebih bersedia untuk menabur bakti mereka di kawasan luar bandar dan pedalaman. Terima kasih.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang saya kemukakan ini ialah soalan mengenai sekolah-sekolah di luar bandar yang kekurangan guru, dalam bandar kelebihan guru kerana mereka yang berpengalaman mereka tidak pergi ke luar bandar. Jadi, jawapan daripada kementerian memang elok, tapi saya mahu supaya mungkin kementerian boleh memberi tahu Dewan ini. Kalau tidak ada data yang sekarang ada di sini, mungkin secara bertulis kepada saya, saya mahu tahu berapa banyakkah kekurangan guru di seluruh negeri Sabah ini yang di luar bandar itu pertama.

Keduanya, insentif yang dibagi 10% tidak mencukupi, kalau mereka gaji RM1,500.00 - RM150 mereka tak pergi luar bandar, mereka dalam bandar, mereka boleh dapat mengambil budak-budak untuk mengajar tuisyen lebih dari 10%. Jadi, kita minta supaya mungkin kajian yang telah dibuat ini dilaksanakan dengan serta-merta dengan insentif lebih daripada 10%. Ini saya cadangkan, kalau kementerian setuju dengan cadangan ini. Terima kasih.

Puan Komala Devi: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih di atas cadangan yang bernas itu, memang seperti saya telah sebut tadi, beberapa insentif telah pun dihulurkan oleh kerajaan sebagai memberi pengiktirafan atas jasa guru-guru yang sedia berkhidmat di kawasan luar bandar.

Seperti saya katakan tadi kami di antara lebih daripada insentif tetap perumahan, kementerian juga sedang buat kajian tentang pemberian insurans keselamatan dan juga yuran tajaan untuk guru-guru yang sedang berkhidmat di kawasan pedalaman tetapi ingin meneruskan pelajaran di institusi pengajian tinggi. Saya rasa yang cadangan 10% insentif pedalaman ini kalau difikirkan kurang memang kita boleh kaji balik peratus insentif dan saya tidak mempunyai maklumat terperinci untuk kekurangan di Sabah tetapi saya akan sampaikan secara bertulis. Terima kasih.

Tuan Salahuddin bin Ayub: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah menjadi dasar Kementerian Pelajaran melonggokkan guru-guru pakar ini di bandar-bandar dan melonggokkan guru-guru pakar ini di sekolah-sekolah pilihan, sekolah berasrama penuh? Adakah ini dasar kerajaan, kerana saya rasa masalah yang dihadapi oleh sekolah luar bandar ini adalah masalah yang berpanjangan. *It is a long standing issue*, dengan izin.

Jadi, adakah kerajaan tidak melihat perkara ini dengan serius, di mana kita perlu melatih guru-guru baru, ambil tempat guru-guru yang sudah ada pengalaman ke mengajar di sekolah yang baik ini dan guru yang baik ini dihantar ke sekolah-sekolah luar bandar. Ini sebagai satu bentuk penyelesaian. Jadi saya minta adakah ini dasar kerajaan hantar guru yang terbaik di sekolah terbaik? Sekolah luar bandar diteruskan dengan keadaan guru yang dikatakan *second-class*. Adakah itu yang berlaku? Terima kasih.

Puan Komala Devi: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menegaskan di sini, memang tidak ada dasar di kementerian untuk sengaja tempatkan guru yang baik di kawasan bandar dan hantar yang kurang baik ke kawasan luar bandar. Seperti yang saya katakan tadi, antara sebabnya kita kekurangan guru-guru di kawasan luar bandar adalah atas sebab guru yang berpindah mengikut suami, juga pertukaran guru yang telah lama berkhidmat di kawasan pedalaman dan juga guru-guru yang ingin meneruskan pelajaran di institusi tinggi. Tetapi seperti saya telah sebutkan tadi, mengikut pekeliling baru, mulai tahun depan kementerian akan sangat *strict*, dengan izinnya, mengikut penempatan guru, mengikut keperluan perkhidmatan dan juga seterusnya mengikut keperluan opsyen. Terima kasih.

3. **Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]** minta Menteri Kewangan menyatakan rasional pihak kerajaan khasnya Lembaga Hasil Dalam Negeri memperkenalkan sistem baru menghantar terus Borang Tafsiran Tahunan ke ibu pejabat di Kuala Lumpur. Apa jaminan bahawa borang tersebut selamat diterima dan bagaimanakah ia dapat menyelaraskan fail individu setempat dengan ibu pejabat.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, rasional Lembaga Hasil Dalam Negeri memperkenalkan sistem baru supaya pembayar cukai menghantar terus Borang Tafsiran Tahunan ke ibu pejabat di Kuala Lumpur adalah supaya selaras dengan usaha Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) mengguna teknologi komputer bagi memodenkan pengurusan percukaian negara. LHDN memberi jaminan borang-borang yang dihantar tersebut selamat diterima kerana LHDN sendiri akan memungut borang-borang yang dihantar di pejabat pos untuk dihantar ke pusat pemprosesan. Fail individu setempat dengan ibu pejabat diselaraskan melalui elektronik oleh LHDN Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Eric Enchin Majimbun: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya soalan ini saya kemukakan oleh kerana beberapa kawan karib saya yang telah mengatakan bahawa mereka tidak dapat pasti sama ada borang itu telah sampai di ibu pejabat atau tidak. Saya sendiri bila saya menghubungi, mereka tidak dapat memastikan bahawa borang saya itu telah sampai di ibu pejabat. So, soalan sekarang ialah oleh kerana kita mempunyai pejabat-pejabat di daerah masing-masing, kenapakah ini tidak boleh dilakukan di pejabat kita sendiri, misalnya di Kota Kinabalu dan sebagainya? Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, pembayar-pembayar cukai apabila telah mengisi borang-borang mereka, boleh menghantar borang mereka ke pusat-pusat yang ada, di pejabat-pejabat wilayah di banyak negeri yang ada atau menghantar terus melalui pos. Pihak LHDN akan mengutip sendiri, mengambil sendiri dan bawa ke Kuala Lumpur ataupun bila dia sampai dengan pos, pejabat LHDN akan mengambil sendiri, menghantar ke Pandan Indah, tempat pusat pemprosesan. Di sana, akan dikey in, dengan izin ke dalam komputer dan direkodkan.

Jadi, kalau tidak sampai, sebenarnya kewajipan untuk menentukan borang itu sampai atau tidak, adalah kewajipan ke atas pembayar cukai itu sendiri mengikut undang-undang. [Disampuk] Memang mengikut undang-undang, memang menjadi kewajipan kepada pihak pembayar cukai untuk menentukan. Tetapi dalam hal ini Lembaga Hasil Dalam Negeri membantu untuk memastikan borang itu sampai. Kalau tidak sampai pun, seperti yang saya telah jawab sebelum ini, banyak soalan sebelum ini, kalau tidak sampai pihak LHDN akan membuat taksiran sendiri mengikut *return* tahun sebelum itu. Jadi, tidak timbul masalah. Jadi kalau memanglah kalau kita tidak hantar borang, memang kesalahannya dendalah, kena denda.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, salam sejahtera, selamat pagi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ini ada kaitan dengan *tax*. Ini *service tax*, *government tax*. Beberapa orang berangkat, yang berulang-alik daripada Kuala Lumpur ke utara, utara ke Kuala Lumpur dan ada juga tulisan di akhbar yang merasai bahawa *service tax* yang diambil di RR Tapah umpamanya, dia menekan golongan orang yang singgah, minum makan di warung-warung seperti inilah.

Dia golongan orang miskin, orang berpendapatan rendah yang singgah di sini tetapi dia kena bayar. Jadi apa rasionalnya kalau di gerai-gerai, di RR umpamanya di Tapah ini, dikenakan *service tax*, *government tax* yang menyebabkan harga lebih tinggi dibandingkan di tempat-tempat yang lain dan apakah *service tax* ini benar-benar sampai kepada kerajaan atau pandai-pandai tauke warung itu sahaja, mengambil kesempatan untuk meningkatkan harga, masuk poket sendiri. Begitu juga macam *service tax*, *government tax* di hotel-hotel, apakah semua wang ini dapat kepada kerajaan atau pandai-pandai tuan punya itu sahaja.....

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Menteri jawab.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:..... untuk meninggikan dia punya harga dan ini menekan, betapa menyusahkan rakyat yang ramai. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya *service tax* ini di bawah kastam, bukan di bawah Lembaga Hasil Dalam Negeri. Walau bagaimanapun, saya cuba jawablah. Memang sebenarnya tiap-tiap *outlet* restoran sama ada di hotel, hotel kalau lebih daripada 25 bilik memang dia kena *service tax* dan ada restoran di hotel tersebut, kalau lebih daripada 25 bilik ataupun di luar daripada hotel, macam di kedai-kedai makanan yang lain, kedai restoran yang lain, kedai nasi kandar ke atau di mana-mana, dia *threshold* iaitu pendapatan jualan RM500,000 satu tahun. Maka dia kena *service tax*. Maknanya satu hari lebih kurang RM1,300, jualan dia kena *service tax* 5%. Sebab itu kita lihat ada macam kedai di Tapah ke, di manakah, ada kedai yang tidak kena *service tax*. Ada kedai yang dikenakan *service tax*, ada kedai yang tidak kena. Mungkin sebelah menyebelah. Yang ini kena, yang sebelah ini tidak kena. Maknanya yang tidak kena, jaluannya belum sampai RM500,000 setahun. Ini kadar yang telah ditetapkan lamalah. Jadi perkara ini memang berlaku. Kadang-kadang nampaknya tidak adil. Ada kedai-kedai yang sehingga sekarang ini tidak menjual rokok misalnya. Rokok RM6.50 sudah jadi RM6.40 kerana tambah lagi 5 sen. Itu berlaku.

Memang untuk memastikan *collection* ini sampai kepada kerajaan, memang pihak kastam akan memeriksa dari masa ke semasa dari segi jualan, resit ini semua kena ada. Kalau didapati kadang-kadang mereka dikenakan *backdated*, dia kena bayar RM200,000 *backdated* kerana dia sendiri tidak daftar dengan kastam. Jadi untuk mengenakan *service tax* 5% ini, dia mesti mendapat lesen daripada kastam dahulu sebelum dia boleh kutip. Kalau tidak, dia kena pamerkan di kedai dia. Kalau tidak, dia tidak boleh kutip Tuan Yang di-Pertua.

4. **Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]** minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan fungsi dan bidang liputan Pusat Sumber Sains dan Teknologi Kebangsaan. Apakah perancangan dan kesulitan yang dihadapi ke atas pelaksanaan tentang penubuhan pusat tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi [Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan kepada Ahli Yang Berhormat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bangunan pejabat Akademi Sains Malaysia yang sedia ada sedang diubahsuai untuk menempatkan Pusat Sumber Sains dan Teknologi Kebangsaan untuk dijadikan tempat rujukan para penyelidik, para akademik, *scientist* dan mereka yang berminat untuk mendalami sesuatu perkara secara lebih ilmiah.

Selain menempatkan bahan-bahan rujukan, pusat ini juga diharap dapat dijadikan tempat berkumpul tokoh-tokoh sains terkemuka tempatan termasuk yang telah bersara dan juga luar negara untuk memberikan pendapat dan juga pandangan mereka berhubung sesuatu perkara yang berkaitan sains dan teknologi. Setakat ini, perancangan penubuhannya berjalan lancar, di mana kerajaan telah pun meluluskan sebanyak RM2.8 juta di bawah Rancangan Malaysia Kelapan untuk membangunkan Pusat Sumber Sains dan Teknologi Kebangsaan berkenaan. Terima kasih.

Tuan Loh Seng Kok: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih di atas jawapan yang diberi oleh Setiausaha Parlimen tentang penubuhan Pusat Sumber Sains dan Teknologi Kebangsaan ini. Saya terkejut dengar apabila Setiausaha Parlimen menjawab bahawa Akademi Sains Malaysia sekarang ini diubahsuai untuk menempatkan Pusat Sumber Sains dan Teknologi Malaysia ini kerana mengikut Rancangan Malaysia Kelapan, Pusat Sumber Sains dan Teknologi Kebangsaan sepatutnya disiapkan pada tahun 2003 dan apabila kerja-kerja awal pecah tanah dimulakan pada tahun 2001, projek tersebut tertangguh sementara dan selepas isu tapak diselesaikan, dilaporkan bahawa projek

pembinaan berjalan mengikut jadual dalam tahun 2002 dan dijangka siap pula pada tahun 2004. Sekarang pula dikatakan menempatkan pusat ini di dalam Akademi Sains Malaysia. Mengikut laporan, projek ini pernah ditangguhkan lagi semasa *Mid-Term Review* Rancangan Malaysia Kelapan dan untuk kita, akan dibina dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada kementerian, apakah masalahnya beberapa kali tangguh sehingga ditangguhkan Rancangan Malaysia Kesembilan atas alasan untuk penangguhan, pada masalah kontraktor, masalah tanah kerana pernah berlaku isu perubahan tapak projek tersebut. Apakah kos yang terlibat semasa penangguhan tersebut?

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Loh Seng Kok: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya betul seperti yang telah dimaklumkan oleh Yang Berhormat tetapi tidak ada masalah utama sebenarnya. Masalahnya adalah peruntukan. Di dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelapan dan juga cadangan projek Malaysia Kesembilan, sebenarnya telah diputuskan pembangunan yang sepatutnya, sebelumnya dianggarkan sebanyak RM10 juta perlu dikecilkan skop pembiayaannya hanya menjadi RM2.8 juta sahaja. Jadi, oleh kerana skopnya telah dikecilkan dan juga peruntukan telah dikecilkan, jadi Akademi Sains Malaysia membuat keputusan bahawa tidak ada bangunan baru boleh didirikan dengan peruntukan yang sekecil itu. Jadi, mereka membuat keputusan untuk mengubahsuai sebahagian daripada *space* Akademi Sains Malaysia yang ada untuk ditempatkan di Pusat Sumber Sains dan Teknologi Kebangsaan. Ini adalah masalah peruntukan. Terima kasih.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, kita dapat mendengar dan melihat sendiri yang Perdana Menteri kita bersungguh-sungguh untuk memastikan negara kita tidak ketinggalan di dalam pembangunan dan perkembangan sains dan teknologi ini sehingga di bawah pentadbiran beliau, Yang Berhormat Perdana Menteri menubuhkan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, pada ukuran kementerian, adakah perancangan yang telah digariskan serta dasar-dasar yang telah digariskan oleh kementerian ini bakal mencapai apa yang dihasratkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk meletakkan Malaysia sebagai sebuah negara yang dihormati dan disegani oleh rakan dan lawan di dalam arena sains, teknologi dan inovasi ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya fungsi utama Pusat Sumber Sains dan Teknologi Kebangsaan ini telah difokuskan kepada untuk mengumpulkan koleksi-koleksi *report* penyelidikan, laporan-laporan penyelidikan daripada penyelidik-penyelidik tempatan dan luar negeri dan juga setengah jurnal-jurnal yang berkaitan dengan sains dan teknologi. Untuk pengetahuan, kita ada Perpustakaan Negara dan kita juga sebenarnya ada perpustakaan daripada 17 IPTA yang pada pandangan saya, tidak ada masalah di perpustakaan universiti-universiti ini, telah ada jurnal bertaraf antarabangsa yang terkini.

Sekarang ini kebanyakannya kita menggunakan elektronik jurnal, iaitu kita membaca secara elektronik, tidak perlu mendapatkan satu *hard copy*. Jadi, saya rasa dalam kes Kerajaan Malaysia kita memang telah mempunyai kemampuan untuk menyediakan semua *report* penyelidikan dan juga sumber sains dan teknologi bertaraf antarabangsa. Kita telah pun ada 17 IPTA dan juga di sini adalah sebagai *complimentary* ataupun pencukup kepada sumber-sumber jurnal ataupun laporan pendidikan yang sedia ada di bawah Kementerian Pengajian Tinggi. Terima kasih.

[Soalan No. 5 – Y.B Tuan Henry Sum Agong (Bukit Mas) tidak hadir]

6. **Dr. James Damos Mamit [Mambong]** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan jumlah spesies tumbuh-tumbuhan dan hidupan liar yang telah pupus di negara kita. Nyatakan strategi pemeliharaan (*conservation strategy*) untuk membendung kepupusan spesies yang lain.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar [Tuan Sazmi bin Miah]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, tidak ada spesies tumbuh-tumbuhan dan hidupan liar laut yang diisytiharkan pupus di Malaysia. Walau bagaimanapun, dua spesies hidupan liar *terrestrial* telah pupus di Malaysia iaitu badak jawa dan merak hijau. Badak jawa yang terakhir telah ditembak mati oleh orang Inggeris di Perak dalam tahun 1932, sementara kali terakhir burung merak hijau ditemui ialah pada tahun 1960-an.

Strategi pemuliharaan yang sedang dijalankan oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar bagi mengelakkan kepupusan antara lain ialah untuk flora:

- (i) Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) dengan kerjasama Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) telah mengambil langkah-langkah mengenal pasti status spesies-spesies flora, sama ada yang akan terancam atau jarang ditemui untuk tujuan rekod melalui inventori secara berkala;
- (ii) Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia juga telah memasukkan dan mengenakan pelbagai syarat di dalam pemberian lesen pembalakan seperti menyenaraikan flora-flora yang tidak boleh ditebang dan menggunakan kaedah pembalakan secara lestari;
- (iii) dalam Rancangan Malaysia Kelapan dan Kesembilan, JPSM telah mewujudkan program pemuliharaan pelbagai hayat;
- (iv) Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia juga berusaha memperkukuhkan kedudukan kawasan perlindungan dengan pewujudan hutan taman-taman negeri, hutan taman simpanan dara, kawasan rekreasi dan tadahan air;
- (v) Institut Penyelidikan Perhutanan (FRIM) telah mendraf pelan strategik pemuliharaan nasional bagi tumbuh-tumbuhan dan pelan ini merupakan sebahagian daripada polisi nasional kepelbagaian biologi.

Dan, untuk fauna *terrestrial*, yang pertama dengan meningkatkan usaha penguatkuasaan undang-undang kawasan keliaran hidupan liar yang terancam dan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar (PERHILITAN) telah menubuhkan unit khas, *WCU-Wildlife Crime Unit*, dengan izin, dalam menangani masalah pencerobohan dan pemburuan haram di setiap negeri di seluruh Semenanjung pada awal tahun ini.

Pihak PERHILITAN juga akan meminda dan mengemas kini Akta Perlindungan Hidupan Liar 1972 untuk memberi perlindungan kepada hidupan liar yang terancam dan juga yang tidak terancam. Dan, kerjasama dengan pelbagai agensi kerajaan juga dipergiatkan di dalam menangani pencerobohan hutan dengan pihak Angkatan Tentera Malaysia, Jabatan Polis Diraja, Jabatan Imigresen dan Jabatan Kastam.

Juga mewujudkan unit-unit khas bagi menjalankan kerja-kerja kawalan dan kajian terhadap spesies terancam seperti badak sumatera, gajah, harimau, seladang, burung kuang, botak upeh dan sebagainya.

Membangunkan pusat-pusat pemuliharaan di beberapa buah negeri di Semenanjung Malaysia untuk membiak spesies-spesies terancam seperti burung kuang,

seladang, harimau, cipan, burung enggang, tuntung dan lain-lain lagi. Dan, juga menjalankan program pelepasan semula spesies terancam ke kawasan perlindungan yang telah dikenal pasti dan juga mempergiatkan program komuniti *outreach*, dengan izin, bagi memberi kesedaran kepada orang ramai tentang pentingnya hidupan liar.

Untuk fauna *marine life*, dengan izin,

- menjalankan kegiatan pembiakan untuk penyu bagi tujuan pelepasan semula (*restocking*), di enam buah negeri;
- mengadakan enakmen dan peraturan untuk mengawal pengutipan semua jenis telur penyu yang menghadapi kepupusan;
- menjalankan pengurusan kawasan laut di lima pusat pengurusan taman laut yang terletak di Kedah, Terengganu, Pahang dan Johor;
- menjalankan pembiakan semula jadi iaitu *in-situ hatchery*, dengan izin, untuk spesies kerang gergasi di dua lokasi;
- mengumpul data inventori kepelbagaian spesies haiwan dan tumbuhan di perairan 40 buah pulau yang telah diwartakan sebagai taman laut, dan terakhir sekali; dan
- membentuk pelan strategik dan pengurusan taman laut dan pelbagai pelan tindakan untuk memastikan supaya khazanah *biodiversiti* negara terpelihara. Terima kasih.

Dr. James Damos Mamit: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen atas jawapan itu tadi. Saya memang mengalu-alukan usaha-usaha kerajaan untuk melindungi spesies-spesies di negara kita kerana spesies kepelbagaian biologi ini adalah amat penting kepada negara. 40% ekonomi kita bergantung kepada kewujudan spesies-spesies dan kepelbagaian biologi dan 80% keperluan rakyat di luar bandar bergantung kepada kepelbagaian biologi.

Saya merasa hairan kerana IUCN mengatakan bahawa kemusnahan hutan di negara kita adalah 237 ribu hektar setahun. Dan, jika inilah kadar kehilangan hutan, bagaimanakah spesies tidak pupus ataupun tidak hilang? Daripada pengawasan oleh badan antarabangsa, kenapa kita mengatakan tidak ada spesies yang pupus, tetapi mereka mengatakan spesies tumbuh-tumbuhan sekurang-kurangnya lima peratus di negara kita, sudah pupus.

Jadi, bagaimanakah kementerian mengatakan bahawa tidak ada spesies yang pupus? Ini saya merasa hairan, tolong beri penjelasan, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

Tuan Sazmi bin Miah: Terima kasih di atas maklumat yang diberikan oleh Yang Berhormat bagi Mambong. Dalam rekod kita memang tidak ada yang pupus, yang berkurangan memang betul daripada spesies-spesies tumbuhan ini. Dan, yang kita belum kenal pasti pun kita ada ribuan lagi spesies flora di dalam negara yang masih belum kita inventorkan. Jadi, saya rasa tidak timbul sama ada pupus atau tidak, cuma berkurangan, memang betul.

Dan, dari segi kehilangan 270 ribu hektar setiap tahun memang betul, ini adalah hasil daripada pembalakan dan juga pembalakan berkala (*cycle*), 30 tahun dan sebagainya, catuan tahunan dan sebagainya tetapi kita juga menambah *reforestation of our forest*, maksudnya pembalakan secara lestari, apa yang kita tebang, kita tanam balik. Dan, ini apa yang kita buat dan kita telah mendapat pujian di peringkat antarabangsa dalam pembalakan ini. Terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Yang di-Pertua: Pelbagai pendapat, ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Hah? Ya, ya. Soalan Yang Berhormat bagi Mambong itu memang baik saya sering kali bertanya.....

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Dr. Tan Seng Giaw: Saya tanya kerap kali sudah, soalan yang sama, bolehkah Yang Berhormat menerangkan, hah ini soalan.....

Beberapa Ahli: Tanyalah.

Dr. Tan Seng Giaw: Burung merak sudah pupus. [Ketawa] Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat menerangkan

Tuan Yang di-Pertua: Merak hijau, ya!

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, ya. Sudah pupus pada tahun 50-an, sudah tidak ada. [Menyampuk] Ketereh itu, mula-mula kalau sebelum perang kedua, di Ketereh kita nampak merak tetapi selepas perang kedua, hilang sama sekali. Bolehkah Yang Berhormat menerangkan selain daripada spesies terancam yang disebutkan tadi, bilangan spesies terancam sama ada fauna atau flora, yang pertama. Yang kedua,

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Dr. Tan Seng Giaw: Tunggu sekejap la, bagi dia peluang sedikit dan beri peluang kepada saya juga. Siapa yang memantau langkah-langkah untuk memelihara ini? Saya sebutkan di sini, Tuan Yang di-Pertua, saya ada pengalaman, pergi ke Taman Negara, saya nampak walaupun bilangan pelancong sudah bertambah tetapi kawalan ke atas flora dan fauna kurang, termasuklah keberkesanan PERHILITAN.

Ini bukan sahaja di darat, di laut juga....

Tuan Yang di-Pertua: Apa soalnya, Yang Berhormat?

Dr. Tan Seng Giaw: Karang sudah mati, ada di sesetengah tempat. Bolehkah Yang Berhormat terangkan siapa yang memantau penguat kuasa-penguat kuasa di seluruh negara, bukan sahaja di darat tapi juga di laut?

Tuan Sazmi bin Miah: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Kepong. Sebanyak 739 spesies flora dan 259 spesies hidupan liar *terrestrial* termasuk mamalia, *avifauna*, reptilia dan amfibia di bawah *IUCN Red Data Book*, yang dikira sebagai terancam. Dan, satu spesies mamalia laut, dugong, empat spesies penyu iaitu penyu belimbing, penyu agar, penyu lipas dan penyu karah serta cangkerang, iaitu kerang gergasi atau *tridacna gigas* dan hidupan liar marin di klasifikasi sebagai terancam di bawah *Convention on International Trade in Endangered Species of Wild Fauna and Flora (CITES)*.

Dan, kawalan seperti taman negara dan hidupan liar ini adalah terletak di bawah PERHILITAN. Sememangnya saya akui sebelum pada ini kita menghadapi kekurangan pegawai di dalam menguatkuasakan hutan-hutan kita dan hidupan liar kita, tetapi awal tahun ini kita sudah mendapat tambahan lebih kurang 600 pegawai baru untuk menjaga dan memastikan hidupan liar kita tidak terancam. Ini di bawah PERHILITAN.

Untuk laut, kita ada 44 buah pulau yang diwartakan sebagai taman laut dan ianya sebelum daripada ini di bawah pengawasan seksyen taman laut di bawah Jabatan Laut. Selepas penubuhan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar seksyen tersebut hanya 80 orang dimasukkan di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dan insya-Allah pada tahun hadapan kita telah pun meminta seksyen tersebut dijadikan sebagai sebuah jabatan sebab keadaan 80 orang hendak jaga 40 buah pulau ini memang tidak dapat kita lakukan. Terima kasih.

7. **Datuk Juslie Ajirol [Libaran]** minta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyatakan apakah fungsi sebenar Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan bagaimanakah ia berfungsi membantu koperasi yang berjumlah 5,052 koperasi kesemuanya dalam menguruskan dana mereka.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Dato' Khamsiyah binti Yeop]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, Suruhanjaya Koperasi Malaysia yang ditubuhkan untuk menjalankan fungsi-fungsi yang berikut:

- (i) untuk menggalakkan serta memelihara kestabilan sektor koperasi;
- (ii) bertanggungjawab dalam memantau, menyelia dan mengawal selia koperasi dan sektor koperasi;
- (iii) menggalak dan mempromosi pembangunan koperasi dan sektor koperasi yang kukuh dan teratur;
- (iv) memelihara nilai dan prinsip koperasi;
- (v) mengadakan persekitaran yang kondusif bagi koperasi menjalankan aktiviti;
- (vi) mendaftar dan membatalkan koperasi;
- (vii) bertindak sebagai pemegang amanah untuk mengurus apa-apa skim pembiayaan Islam atau kemudahan kredit yang ditubuhkan oleh Kerajaan Malaysia untuk koperasi; dan
- (viii) memberi nasihat kepada Menteri mengenai perkara yang berkaitan dengan koperasi dan sektor koperasi; seterusnya
- (ix) menjalankan apa-apa fungsi di bawah mana-mana undang-undang bertulis dan seperti yang ditetapkan oleh Menteri melalui notis dan disasarkan dalam warta.

Tuan Yang di-Pertua, bagi membantu 5,052 koperasi mengurus dana mereka, Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) akan melaksanakan pendekatan yang berikut:

- (i) mengawal selia semua koperasi berdaftar termasuk 583 buah koperasi asas tani dan perikanan yang pada masa ini terletak di bawah penyeliaan Lembaga Pertubuhan Peladang dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia;
- (ii) mengamalkan penyeliaan yang berbeza ke atas koperasi di mana koperasi berisiko tinggi seperti koperasi kredit dan koperasi bersaiz besar dikawal selia dengan lebih ketat dan rapi;
- (iii) mengenakan peraturan berhemat seperti keperluan modal minimum, tahap minimum mudah tunai dan lain-lain peraturan bagi mengawasi aktiviti pemberi pinjaman, pengambilan deposit, pelantikan ketua pegawai eksekutif dan sebagainya; dan
- (iv) memastikan koperasi menerapkan nilai-nilai dan prinsip koperasi dalam urusan pentadbirannya.

Datuk Juslie Ajirol: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Timbalan Menteri. Koperasi ditubuhkan oleh kerajaan sudah begitu lama dan kita tahu penubuhan koperasi ini adalah untuk membantu rakyat termiskin. Saya mengambil satu contoh, koperasi ladang-ladang di Sabah misalnya, banyak ladang-ladang koperasi yang terbiar begitu lama sehingga mereka dibebani oleh hutang cukai tanah sehingga mereka mengambil jalan singkat berusaha sama dengan pihak-pihak swasta di mana usaha sama ini adalah berat sebelah. Contohnya, ada yang 20% sahaja kepada koperasi-koperasi ini.

Soalan saya, kenapakah kementerian selama ini tidak melihat potensi ladang-ladang yang saya sebutkan tadi. Baru-baru ini FELCRA mengambil peranan melihat potensi ini di mana ladang-ladang koperasi telah memberi bukan sahaja keuntungan kepada FELCRA tetapi kepada ahli-ahli koperasi. Kenapakah kementerian tidak mewujudkan satu agensi yang boleh membantu ahli-ahli koperasi dalam menangani masalah yang saya sebutkan tadi. Terima kasih.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya sebab itulah kita merangka untuk menubuhkan Suruhanjaya Koperasi Malaysia kerana sebelum ini Koperasi Perladangan dan Perikanan adalah di bawah Lembaga Pertubuhan Peladang dan perikanan adalah di bawah Kemajuan Perikanan Malaysia. Kini Suruhanjaya Koperasi Malaysia adalah berfokus ke arah keusahawanan (*entrepreneurship*). Mana-mana ladang apabila kita wujudkan Suruhanjaya Koperasi Malaysia nanti, kita akan mempunyai dua dana yang kita panggil Dana Kecairan Pusat (CLF) yang mana koperasi-koperasi yang menghadapi masalah kecairan kewangan boleh meminjam daripada CLF. CLF ini adalah dipertanggungjawabkan oleh koperasi-koperasi yang difikirkan layak untuk mengurusnya.

Kedua, kita mempunyai dana Akaun Deposit Koperasi (CDA) di mana koperasi-koperasi yang ingin menjalankan pembiayaan pinjaman boleh meminjam daripada CDA. Dalam Suruhanjaya Koperasi Malaysia nanti akan menentukan keseluruhan koperasi-koperasi yang ada dengan dana-dana berlebihannya akan didepositkan di bawah satu sektor kewangan yang diurustadbirkan oleh koperasi, kerana pada masa ini koperasi-koperasi mempunyai dana dan aset yang banyak tetapi kita telah letakkan di bank-bank komersial yang mana faedahnya tidak terkumpul untuk faedah koperasi sendiri.

Dengan adanya dua dana ini, kita dapat kontrol seluruh dana koperasi yang nilai asetnya hari ini melebihi RM21 bilion untuk kita laburkan semula kepada ahli-ahli koperasi yang ingin memajukan perniagaan sektor-sektor koperasi apa juga bidang sama ada kecil atau besar dan kita boleh memberi pinjaman daripada urus tadbir kita sendiri. Terima kasih.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh: Tuan Yang di-Pertua, bercerita fasal koperasi, mungkin timbalan menteri boleh memberi jawapan yang secepatnya, kalau tidak mungkin secara bertulis. Sebuah koperasi ditadbir oleh sebuah jawatankuasa koperasi, apa kuasa untuk mereka membelanjakan wang koperasi dan berapa limitnya yang mereka boleh belanjakan tanpa mesyuarat agung? Itu saya mahu tahu.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Sebenarnya jawatankuasa tidak boleh belanja sewenang-wenangnya, mereka mestilah memutuskannya di dalam mesyuarat agung. Sebab itulah kita berkehendakkan suruhanjaya supaya kita dapat kawal selia dan kita boleh melantik CEO ataupun pengurusnya untuk menjalankan bidang perniagaan dan sebagainya. Ahli-ahli Lembaga Pengarah yang terlantik hanyalah merupakan pemantau atau penyelia atau *check and balance* apa juga pengurusan yang berlaku dalam koperasi.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tadi itu saya mahu berapa limit mesyuarat agung boleh luluskan, sejuta? Dua juta? Tiga juta?

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Yang Berhormat, angka itu saya tidak dapat berikan kepada Yang Berhormat. Saya akan beritahu secara bertulis.

8. **Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]** minta Menteri Kesihatan menyatakan:-

- (a) apakah kajian telah dibuat berkenaan status pengetahuan orang ramai terhadap HIV dan penyakit AIDS; dan
- (b) sekiranya kajian telah dilakukan bagaimanakah tahapnya dan apakah tindakan yang akan dilakukan oleh kementerian untuk meningkatkannya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' Lee Kah Choon]: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan bahagian;

- (a) beberapa kajian telah dijalankan oleh Kementerian Kesihatan berkaitan tahap pengetahuan rakyat khususnya di kalangan remaja tentang HIV dan penyakit AIDS. Kajian-kajian tersebut ialah:
 - (i) Kajian Remaja dan AIDS yang dijalankan pada tahun 1996; dan

- (ii) Penilaian Intervensi Sosial PROSTAR Terhadap Kesedaran AIDS Di kalangan Remaja yang dijalankan pada tahun 2001.
- (b) hasil-hasil kajian tersebut mendapati tahap pengetahuan terhadap penyakit dan cara jangkitan HIV/AIDS adalah tinggi tetapi tahap pengetahuan terhadap cara-cara pencegahan HIV/AIDS adalah agak rendah.

Sehubungan dengan itu, bagi meningkatkan lagi tahap pengetahuan rakyat berkaitan HIV/AIDS, perancangan dan pelaksanaan kempen promosi kesihatan HIV/AIDS bagi tahun 2005 sehingga 2008 telah disediakan. Perancangan dan pelaksanaan kempen ini dilaksanakan melalui kelulusan peruntukan khas Kabinet sebanyak RM5 juta setahun bagi menangani isu berkaitan HIV/AIDS. Objektif kempen yang akan dilakukan ini ialah untuk:

- (i) meningkatkan pengetahuan masyarakat umum mengenai cara-cara HIV berjangkit dan pencegahan HIV termasuk kaedah pengurangan mudarat;
- (ii) menggalakkan kumpulan sasaran mendapatkan perkhidmatan kaunseling dan ujian HIV *voluntary counseling* dan *testing*; dan
- (iii) menggalakkan penghidap HIV/AIDS mendapatkan perkhidmatan rawatan dan penjagaan yang disediakan.

Adalah menjadi hasrat Kementerian Kesihatan melalui usaha yang telah dirancang ini dapat meningkatkan lagi pengetahuan dan tindakan rakyat dalam menangani isu berkaitan HIV/AIDS. Sekian.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, saya ingin memohon penjelasan. Kita tahu bahawa pengetahuan mengenai HIV/AIDS ini penting kerana kalau pengetahuan tidak betul membawa dua permasalahan. Permasalahan yang pertama ialah pencegahan itu akan terus gagal, dan terus tidak akan mencapai objektifnya. Yang kedua, ini akan memberikan stigma yang negatif kepada penghidap-penghidap HIV/AIDS kalau pengetahuannya tidak betul dan Malaysia yang dikatakan di ambang wabak HIV/AIDS, perkara ini harus ditangani dengan lebih serius.

Salah satu komponen ataupun elemen pencegahan yang paling penting ialah pendidikan kesihatan. Saya lihat pendidikan kesihatan ini harus dilibatkan kesemua lapisan masyarakat, harus kita libatkan imam-imam, harus kita libatkan pengerusi JKK, harus kita libatkan pemimpin KRT dan pelbagai pemimpin masyarakat dan juga NGO, dan apakah keseriusan Kementerian Kesihatan Malaysia di dalam melatih kumpulan-kumpulan ini, pemimpin-pemimpin masyarakat ini supaya pendidikan kesihatan ini lebih berkesan.

Dato' Lee Kah Choan: Terima kasih Yang Berhormat. Kementerian memang sedar berkaitan dengan keseriusan perkara ini kerana kita dapati setakat ini kita telah mempunyai 65,000 rakyat kita yang telah menghidap HIV/AIDS ini. Tindakan-tindakan yang telah kita jalankan seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat iaitu melalui pendidikan kita telah, sedang dan akan menjalankan program-program ini terutamanya melalui sekolah kerana kita faham melalui pendidikan ini, saluran yang terbaik ialah melalui sekolah dan berkaitan dengan penyebaran maklumat ini melalui NGO seperti Majlis AIDS Malaysia, kerajaan telah salurkan banyak peruntukan kepada NGO ini supaya mereka dapat menjalankan projek-projek dan juga usaha pendidikan mereka kepada semua pertubuhan termasuklah kariah-kariah dan masjid-masjid di negara kita.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya senang sahaja, adakah kementerian mempunyai statistik yang menyatakan kalangan orang yang menghidap HIV/AIDS ini peratusan bertambah atau berkurang?

Dato' Lee Kah Choon: Yang Berhormat, berkaitan dengan statistik yang kita ada ini, pada tahun 2003 kita mempunyai lebih kurang 6,700 orang yang baru menghidap HIV/AIDS ini dan pada tahun 2004 kita mempunyai lebih kurang 6,400 orang. Ini bermakna angkanya adalah stabil pada masa sekarang. Tetapi kita mesti berjaga-jaga kerana kalau kita seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi, kalau kita tidak berjaga-jaga bermakna barangkali angka-angka tadi itu akan melompat.

9. **Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan berapakah jumlah kos pihak kementerian untuk melaksanakan pemasangan kamera-kamera pengesanan had laju di semua lebuh raya di seluruh negara.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Ir Mohd. Zin bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, syarikat-syarikat konsesi lebuh raya telah diarah mengkaji cadangan memasang kamera pengesanan had laju di lebuh raya di seluruh negara. Tujuan dan matlamat pemasangan kamera ini adalah untuk membuktikan bahawasanya kemalangan jalan raya adalah disebabkan oleh pemanduan tidak berhemah dan bukannya disebabkan oleh reka bentuk lebuh raya. Pemasangan kamera ini juga secara tidak langsung akan mengurangkan jumlah pemandu yang memandu melebihi had laju yang ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini syarikat konsesi sedang mengkaji kos yang terlibat bagi tujuan pemasangan kamera mengesan had laju di setiap lebuh raya. Memandangkan ianya melibatkan kos yang tinggi, prosedur penguatkuasaan dan perundangan yang tepat malah kerjasama jabatan lain diperlukan, maka kajian terperinci perlu dibuat terlebih dahulu.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah apakah tidak ada kontrak dalam konsesi ketika projek lebuh raya ini dilaksanakan. Kalau ada kenapa ianya tidak diteruskan, kalau tidak kenapa ia tidak dimasukkan dan apakah impak tentang pemasangan kamera ini walaupun kita tahu kecuaiannya bukan disebabkan kemalangan ini 100% tetapi disebabkan oleh pembinaan projek lebuh raya ini.

Dato' Ir Mohd. Zin bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setiap lebuh raya adalah direka bentuk mengikut piawaian yang sedia ada. Kepada lebuh raya yang tertutup yang ditadbir uruskan oleh Lembaga Lebuh Raya ini dan cara pelaksanaannya melalui konsesi dan semakan yang dibuat bahawa dalam perjanjian konsesi itu tidak termaktub perkara-perkara yang berhubung kait tentang pemasangan kamera litar ini.

Sebagaimana yang saya jelaskan bahawasanya pemasangan litar kos ini bertujuan untuk mengenal pasti bahawa pemandu yang tidak mematuhi had laju jalan raya dan dengan izin Tuan Yang di-Pertua, kamera ini berfungsi boleh disifatkan sebagai *road intelligence start*. *Road intelligence start* ini adalah satu perkara yang boleh kita pasang dalam *reflector* itu yang mengandungi kamera, tetapi kos pembangunan untuk meletakkan kamera itu bukanlah satu kos yang terlalu mahal tetapi dengan izin, *backbone* untuk menyediakan ini satu perkara yang agak mahal dan ia memerlukan satu pembangunan *backbone* yang berasaskan kepada *information technology* (IT) dengan mempunyai terminal. Yang ini menyebabkan kos pembangunannya cukup tinggi. Dan oleh kerana ia tidak termaktub dalam perjanjian konsesi, jadi persoalannya siapakah yang hendak menanggung kos tanggungan ini. Kalau kita pulangkan kepada pihak konsesi, akhirnya pihak pengguna akan menanggung dan jikalau kerajaan hendak membayar, maka dia perlu mendapat kelulusan daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan. Sekian, terima kasih.

Tuan Razali bin Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya, dia ada satu yang tidak berapa kena di sini. Yang pertama, kos tinggi. Kemalangan kita tidak boleh jangka di mana untuk pasang di seluruh lebuh raya ini adalah mustahil. Saya yakin kamera ini dipasang di tempat-tempat yang kita jangkakan sahaja.

Yang kedua, kemalangan di lebuhraya ini tidak tinggi berbanding dengan kawasan-kawasan luar kalau kita tengok pada statistik. Jadi sekali lagi pemasangan kamera ini menjadi tanda tanya, kalau betul untuk mengelakkan kemalangan sepatutnya dipasang di luar lebuhraya.

Yang ketiga, had laju, saman dikenakan oleh PDRM, pihak polis. Bagaimana koordinasi saman yang dikendalikan oleh konsesi lebuhraya dengan pihak polis yang mengeluarkan saman kalau pemanduan lebih dari had laju. Terima kasih.

Dato' Ir. Mohd. Zain bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat minta penjelasan bahawasanya apakah asas pertimbangan utama kajian ini dilakukan. Sebagaimana jawapan asal bahawa ini di peringkat kajian dan sama ada dia akan menambah nilai kepada kepenggunaan lebuhraya ini dan akhirnya memberikan kebaikan dan manfaat kepada orang ramai, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *bottom line* dia soal *costing* dan sebagaimana yang dijelaskan bahawa kos pembangunannya adalah satu kos pembangunan yang agak tinggi dan saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat dan saya telah pun menjelaskan bahawa jikalau perkara ini hendak dilaksanakan bahawa Lembaga Lebuhraya tidak ada kuasa untuk menyaman pengguna yang melanggar peraturan undang-undang, ini adalah bidang kuasa PDRM. Dan dengan tidak mengadakan kamera ini pun, saya ingat saman ekor dan juga saman tembak ini boleh dilaksanakan. Atas saranan Yang Berhormat, sama ada ini patut dilaksanakan, sebagaimana yang saya jelaskan bahawa kajian terperinci harus dilakukan untuk menentukan bahawa *cost effectiveness* dalam pembangunan yang dimaksudkan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekian sahaja masa untuk sesi soal jawab lisan telah cukup untuk pagi ini.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2006

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 2006

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 2006 dan Anggaran Pembangunan 2006 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." **[Hari Ketiga]**

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Maksud B.1, B.2, B.3, B.4, B.5, B.6, B.7, B.8, B.9 dan B.40 [Jadual] –
Maksud P.6 dan P.7 [Anggaran Pembangunan 2006] –**

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B.1 hingga B.9 dan B.40 dan Kepala Pembangunan P.6 dan P.7 di bawah Jabatan Perdana Menteri. Saya minta Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk menyambung ucapan.

11.05 pagi.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya akan menjawab isu-isu yang dibangkitkan oleh

Ahli-ahli Yang Berhormat semasa perbahasan Bajet 2006 peringkat Jawatankuasa yang berkaitan dengan Parlimen, Badan Pencegah Rasuah, Suruhanjaya Pilihan Raya, Jabatan Peguam Negara, Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah dan Agensi Penguat Kuasa Maritim Malaysia. Sesungguhnya Jabatan Perdana Menteri menghargai pandangan, teguran, saranan dan cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat itu.

Pertamanya, Yang Berhormat bagi Jasin yang telah menyatakan bahawa beliau mengharap supaya Agensi Penguat Kuasa Maritim Malaysia (APMM) tidak akan mengambil alih kuasa polis dan jabatan berkaitan yang lain. Tuan Pengerusi, APMM mempunyai kuasanya sendiri seperti terkandung di dalam Akta APMM, Akta 633, Zon Maritim Malaysia merangkumi perairan, pendalaman, laut wilayah, pelantar, benua, zon ekonomi eksklusif dan perairan perikanan Malaysia dan termasuk ruang udara di atas zon itu iaitu sehingga 200 batu nautika. Jadi adalah menjadi hasrat kerajaan untuk melihat iaitu agensi ini akan menjadi agensi yang tunggal untuk menguatkuasakan semua undang-undang Persekutuan di zon maritim Malaysia. Oleh yang demikian tidak timbul soal pengambilan kuasa mana-mana agensi. Jadi bermakna, dia berkuasa penuhlah dan kalau hendak dikatakan hendak mengambil alih kuasa polis dan jabatan berkaitan dalam kawasan itu memang ya, dia akan mengambil alih kuasa ini.

Tuan Pengerusi, APMM juga akan memulakan operasinya pada 30 November 2005 secara terhad memandangkan ianya satu agensi yang baru. APMM sememangnya akan memberikan tumpuan kepada kawasan Selat Melaka yang bukan sahaja yang melibatkan ancaman lanun, tetapi juga masalah pendatang tanpa izin, penyeludupan dan sebagainya. Sudah tentunya kerajaan akan memastikan peruntukan yang diberi dibelanja dengan secara berhemah.

Berkenaan dengan di Parlimen, Yang Berhormat bagi Jerai, tidak tidur ya? [Ketawa] Dia telah mencadangkan supaya pegawai Parlimen yang bertugas mengikut seperti amalan dahulu yang memakai tudung ketika bertugas di Dewan. Untuk makluman Yang Berhormat, Yang di-Pertua Dewan Rakyat telah memberikan pilihan '*option*' sama ada hendak memakai skarf ataupun tidak semasa menjalankan tugas-tugas di dalam Dewan. Kedua-dua pegawai bukan Islam tersebut telah memilih untuk tidak memakai skarf. Perkhidmatan Parlimen tidak boleh mengenakan syarat yang lebih kepada kakitangan dari apa yang telah ditentukan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam. Kita mahu melihat lebih ramai lagi orang-orang bukan Melayu menyertai perkhidmatan Parlimen dan syarat ini boleh menjadikan halangan kepada mereka.

Kedua-dua pegawai tersebut telah pun membuat keputusan dan kita menghormati keputusan mereka. Jadi Yang Berhormat tak usah rasa bimbang, usah rasa terhina sebab saya secara peribadi menyokong keputusan mereka ini kerana bagi kita yang memahami Islam, sebenarnya tidak ada paksaan dalam agama kita tentang satu-satu perkara yang hendak dikenakan kepada mereka yang bukan Islam.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih. Minta penjelasan. Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Menteri, sebenarnya benda ni dulu-dulu sudah dipakai dah, daripada zaman dulu dok pakai dah, cuma akhir-akhir ini sahaja. Memakai selendang atau pun skarf ini bagi orang Islam menutup aurat tetapi bagi bukan Islam di Malaysia ini adalah satu kebudayaan, kebudayaan rasmi Malaysia. Jadi apa salahnya kalau benda ini yang sudah berlaku turun menurun daripada dulu diteruskan.

Kalau kita masuk mahkamah, tok hakim dia kena pakai dia punya pakaian untuk hakim, jadi apakah benda yang berlaku ini ada teguran kita pinda, sedangkan benda ini bukan benda yang mengganggu-gugat kawan itu. Kalau dia pakai rasa demam ke, resah ke, tidak apalah, ini hanya untuk hendak menghormati. Kalau pegawai-pegawai Tuan Pengerusi menutup kepala dengan songkok dan pegawai-pegawai pun menutupnya, apa salahnya. Benda ini bagi saya tidak langsung memudaratkan seseorang itu memakai itu, malah menghormati Dewan yang mulia ini.

Jadi apakah pandangan atau pun mungkin Yang Berhormat boleh *adjust* balik supaya perkara ini dipersetujui oleh Tuan Speaker supaya benda ini diteruskan dan saya nampak kalau seorang wanita itu menutup kepalanya, yang pertama Tuan Pengerusi, dia

nampak muda, yang keduanya dia nampak *very sweet looking*, dengan izin. [Ketawa]
Terima kasih Tuan Pengerusi.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, kalau ianya berlaku dahulu, itu adalah di atas pilihan mereka bukan paksaan. Bermakna jikalau dahulu mereka ada pakai, kata macam Bentara pun ada pakai, itu atas pilihan mereka, mereka hendak pakai. Jadi kalau sekarang mereka memilih untuk tidak pakai, itu hak mereka jugalah. Kita tidak boleh hendak paksa dan saya sebut sebentar tadi, tidak ada dalam peraturan JPA yang mensyaratkan bahawa mereka yang bukan Islam itu kalau hendak berkhidmat dengan kerajaan, maka kena pakai itu, tidak ada. Sebab itu kita kena menghormati keputusan mereka dan saya rasa ini menunjukkan bahawa Malaysia sebagai sebuah negara yang sememangnya bukan sahaja menyatakan dalam Perlembagaan bahawa kita mengamalkan kebebasan beragama tetapi kita benar-benar bertindak tentang perkara ini. Kalau di mahkamah pun, kita tengok bukan semua pakai *wig*, ada yang pakai songkok, ada Benggali pakai serban dia, jadi kita bagi pilihan mengikut fahaman masing-masing.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Lipis menyebut tentang bunga raya yang diletak di atas *carpet*, kita mengakui kesilapan kita dan kita akan mengambil tindakan tapi cumanya baru saja kita letak *carpet* ini, tetapi bagi kita sedikit masa untuk kita membetulkan keadaan dalam Dewan ini. Terima kasih di atas teguran Yang Berhormat. Memang betul bunga raya merupakan di antara lambang negara kita dan tidak sepatunya kita letaknya di atas lantai. Kita membuat pengakuan di atas kesilapan kita.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Rantau Panjang bangkit berkenaan dengan bekas Ahli Parlimen Kota Bharu Hilir dalam tahun 60'an dulu, memang betul iaitu nama kawasan Parlimen pun sudah tidak ada. Sekarang ini jadi Kota Bharu, yang Hilir itu kot jadi Pengkalan Chepa, saya pun tidak tahulah. Tetapi kita akan menyemak perkara ini dan akan memaklumkan kepada Yang Berhormat akan kedudukan yang sebenarnya dan kita akan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Yang Berhormat bagi Beluran bangkit dengan *projector*. Untuk makluman Yang Berhormat bagi Beluran..... [memandang ke arah tempat Ahli Yang Berhormat Beluran] Yang Berhormat bagi Beluran sudah tidak ada? *Projector* ini masih lagi berfungsi dengan baik, tapi penggunaannya dihentikan pada masa ini kerana ianya mengganggu perjalanan Dewan di pihak Yang di-Pertua Dewan Rakyat. Sebab dia atas kepala tu, dia mengganggu sikit, sebab itu kita tidak meneruskan buat ketika ini.

Kemudian berkenaan dengan ICT, untuk makluman Yang Berhormat, projek pengkomputeran Parlimen memang sedang dilaksanakan. Projek ini dilaksanakan mengikut fasa dan sebahagiannya telah pun selesai seperti laman web *Hansard*, Aturan Urusan Mesyuarat dan juga *digital recording* bagi perbahasan Dewan seperti apa yang Yang Berhormat dapat lihat sekarang, manakala *voting system* dan *multimedia indexing of minutes* sedang diusahakan oleh pihak kontraktor yang sedang menjalankan kerja-kerja pengubahsuaian.

Yang Berhormat bagi Beluran juga bangkit dengan mengatakan bahawa *marble*, lantai yang dipasang di Parlimen tidak bermutu, bukan *first classlah*. Untuk makluman, kemas marmar yang dipasang di lobi dan laluan keluar utama bangunan Parlimen adalah bermutu tinggi. Secara umumnya, kemas marmar yang digunakan adalah jenis *Persian Plato, Rosa ala Cante dan Black Markina*. Jadi untuk meyakinkan Yang Berhormat, marmar yang sama juga dipasangkan di Istana Negara. Jadi takkanlah Agong kita, kita bagi yang murah kan, kalau boleh dipasang di Istana Negara, maknanya mutu baiklah. Jadi tidak betul kalau dikatakan bahawa mutunya tidak baik.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan, mengenai beberapa perkara, mengenai Parlimen, kekurangan tenaga dan kecacatan, bolehkan kita diberi satu senarai penuh mengenai *renovation* yang berbelanja RM99 juta supaya kita dimaklumkan mengenai butiran-butiran belanja, kualiti dan lain-lain.

Datuk Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya ingat tidak ada masalah. Saya akan maklumkan kepada pihak pentadbiran Parlimen dan sebaik sahaja senarai itu ada, kita berikan kepada Yang Berhormat, tidak ada masalah.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Ipoh Timor juga sebut iaitu berkaitan dengan Parlimen. Beliau mencadangkan iaitu *Parliamentary Services Act* (PSA) yang dimansuhkan pada tahun 1992 dikembalikan semula oleh kerajaan tanpa perlu merujuk kepada Jawatankuasa Dewan. Saya hendak mengatakan di sini, bahawa salah satu cara untuk disusuli cadangan mengembalikan semula *Parliamentary Services Act* untuk tindakan kerajaan adalah melalui ketetapan Jawatankuasa Dewan yang akan mengambil kira pandangan Ahli-ahli Parlimen, dan kajian dibuat dengan secara menyeluruh dan teratur. Kita ikutlah macam mana yang telah diatitkan, sebab ini peraturan kita.

Tuan Lim Kit Siang: Minta penjelasan. Kalau mengenai mengembalikan *Parliamentary Services Act* yang sepatutnya diserahkan kepada Dewan yang mulia ini, bukannya ada lagi satu cara alternatif ialah untuk *Parliamentary Services Act* ini dibentang oleh *House Committee* dan diputuskan oleh Dewan yang mulia ini, dan tidak perlu pergi balik ke Kabinet, oleh kerana ini hal ehwal Parlimen dan kalau kerajaan menghormati keputusan dan hasrat Dewan yang mulia ini, tidak perlu *House Committee* membuat suatu *recommendation*, kalau *House Committee* membuat *recommendation* untuk memulihkan *Parliamentary Services Act*, laporan dikemukakan kepada *Full House* dan *Full House* dengan akta yang diattach diluluskan, bukannya ini sudah cukup mengadakan satu *restoration of Parliamentary Services Act*.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya setuju, sebab itu *House Committee* jumpa dahulu. *House Committee* jumpa, buatlah keputusan sendiri dan maklumkan kepada pihak kita. Tidak ada masalah sebab itu saya kata, *House Committee* bermesyuarat dahulu.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Tuan Pengerusi, boleh?

Tuan Pengerusi: Sila.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Menteri. Soalan saya ialah, bolehkah Yang Berhormat Dato' ulangkan balik sedikit sejarah bagaimana Akta Perkhidmatan Parlimen ini ia dimansuhkan dalam tahun 1992 dahulu, apakah juga ia melalui proses *House Committee* atau Jawatankuasa Dewan ataupun hanya dengan makluman daripada Speaker sahaja maka ia terus boleh digunakan? Apakah proses yang sama boleh dibuat?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Apa cara sekali pun yang dilakukan untuk *trigger* inisiatif ini dia mestilah datang daripada Dewan, sama ada *House Committee* ataupun daripada Speaker sendiri, pokoknya kena datang daripada Dewan. Saya tidak boleh, sebagai seorang menteri (eksekutif) cuma memetik daripada perbahasan ini di sini, dan saya sendiri *initiate* tidak boleh kerana itu juga akan dipandang sebagai campur tangan daripada pihak eksekutif. Sebab itu, apa sekalipun dia mesti datang daripada Dewan sama ada menerusi *House Committee* atau pun menerusi Speaker. Inilah caranya. *Detailnya* berkenaan dengan apa yang telah berlaku pada tahun 1992 tidak ada dalam makluman saya. Apa yang saya ada cuma boleh membaca *Hansard* sahaja. Tetapi saya percaya sudah tentunya ia datang daripada pihak Dewan Rakyat menerusi Speakernya.

Tuan Pengerusi, kemudian Yang Berhormat juga bangkit berkenaan

Tuan Lim Kit Siang: Oleh kerana mustahak mengenai memulihkan *Doctrine of the Separation of Powers*, kebebasan Parlimen. Adakah Yang Berhormat ada dapat maklumat daripada apa yang saya ucapkan semalam mengenai latar belakang kenapa *Parliamentary Services Act* adalah dimansuhkan oleh kerana *stalemate* lima tahun antara masa itu Tuan Yang di-Pertua dan Setiausaha Dewan Rakyat – “Zahir” yang ada sebut. Dan bukanlah masalah sekarang ialah dengan segera memulihkan kedudukan di mana Parlimen adalah dilihat boleh bergerak dengan bebas, dan oleh kerana kita sekarang ada masalah di mana anggota-anggota dalam *House Committee*, iaitu Yang Berhormat bagi Larut, Yang Berhormat bagi Kapar semua tidak begitu bertanggungjawab. Jadi, kita minta mesyuarat yang segera diadakan dan Yang Berhormat bagi Cheras berkali-kali meminta supaya mesyuarat diadakan.

Dewan yang mulia ini perlu ada cara-cara yang lain selain daripada mereka *resign* supaya digantikan dengan ahli-ahli yang baru, barulah *House Committee* boleh bergerak. Selain anggota daripada Cheras, anggota Ahli-ahli Parlimen yang lain semua tidak bertanggungjawab.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, pertamanya Yang Berhormat sebut semalam "Zahir vs Zahir". "Zahir" ini dahulu dia Speaker dan seorang lagi "Zahir" itu dia Setiausaha Dewan. Ini hal Dewan Rakyat bukan hal kami. Bukannya Zahir vs Mahathir. Kalau Zahir vs Mahathir, mungkin Yang Berhormat boleh sebut balik sejarah ini sebagai campur tangan kita.

Tetapi kalau sudah Zahir vs Zahir, itu *entirely* masalah Dewan bukan masalah kami. Apa juga keputusan yang diambil, itu maknanya keputusan daripada Dewanlah. Kemudian juga berkenaan *House Committee*, Yang Berhormat kena fikir sendirilah jangan hendak tanya saya. Kalau saya cadangkan nanti, Yang Berhormat kata saya campur tangan pula. Sebab itu saya kena serah ini terpulang kepada *House Committee*, terpulang kepada Ahli Dewan Rakyat untuk menyelesaikan masalah ini dahulu dan tidak perlu datang kepada eksekutif untuk mendapat penyelesaian.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, sungguhpun isu ialah Zahir dengan Zahir, tetapi Mahathir sokong satu Zahir, menentang Zahir yang Setiausaha di mana kedua-duanya pun ada bersabit dengan rasuah di mana ACA ada ambil bahagian. Kedua-duanya terlibat sehingga *jammed estimate* di sana. Masa itu menunjukkan tidak ada bertanggungjawab kalau kedua-dua bersabit dengan rasuah, kenapa tidak diambil terhadap kedua-duanya oleh kerana Mahathir sokong satu Zahir yang ada, yang memberi perkhidmatan dalam *Judicial Tribunal* dan lagi satu pukulan yang hebat *Doctrine of the Separation of Powers* terhadap sistem kehakiman. Itulah latar belakang dan kenapa kita membenarkan Parlimen atau *Doctrine of the Separation of Powers* bersabit dengan Parlimen menjadi mangsa. Itulah sejarah dan itulah kenyataan. Tentu Yang Berhormat Menteri dapat dimaklumkan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kalau apa sekali pun seperti rasuah yang menjadi masalah kepada kedua-dua Zahir ini, kedua-dua Zahir itu merupakan orang dalam Dewan Rakyat, tidak ada kena-mengena dengan kita. Untuk Yang Berhormat hendak tuduh Tun Mahathir terlibat, saya ingat tidak adil tidak ada (*right to a fair hearing*) dan *natural justice* pun tidak membenarkan membuat tuduhan tanpa orang yang dituduh ada dalam Dewan untuk mempertahankan diri dia.

Saya sukar untuk menyatakan soal itu, kerana saya sendiri pun tidak tahu. Mungkin dalam hal ini Tun Mahathir lebih tahu. Untuk berlaku adil, saya ingat tidak perlulah bangkitkan perkara ini kerana orang yang dituduh tidak ada di sini untuk membela diri dia, *let's be fair*.

Tuan Lim Kit Siang: Terakhir, terakhir dalam perkara ini. Okey kita *fair*. Kita mesti *fair* dan apa yang mustahak ialah bahawa *fair* kepada Parlimen dan bolehkah lagi satu cara ialah, adakah suatu siasatan kenapa *Parliamentary Services Act* dimansuhkan, kenapa? Latar belakang dan kita boleh adakan suatu jawatankuasa memanggil Tun Mahathir datang untuk memberi keterangan, adakah beliau campur tangan. Kalau beliau tidak campur tangan, bagaimana *Parliamentary Services Act* boleh dimansuhkan? Masa itu beliau seorang yang berkuasa. Oleh kerana dia dapat Zahir (Speaker) itu dapat sokongan Tun Dr. Mahathir masa itu, barulah berlaku *Parliamentary Services Act* dimansuhkan tanpa sokongan *House Committee*, tanpa apa-apa cara yang sepatutnya diadakan. Kita *investigation*.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, kalau kita guna otak logik pun, kalau Zahir (Speaker) lawan dengan Zahir (Setiausaha Dewan), menanglah Zahir (Speaker), sebab dia tidak perlu sokongan daripada Dr. Mahathir selaku Perdana Menteri semua orang tahu.

Tuan Lim Kit Siang: Kerana ada *corruption*. *Corruption* terlibat sebab itu dia *offer to resign* dan Perdana Menteri tolak. Itu siasat, kita boleh siasat. Siasat benar-benar.... [Dewan riuh] Siasat!.... Siasat. Jangan lari dari kenyataan. Itu *Doctrine of the Separation of Powers*.....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Pengerusi, tidak baik Tuan Pengerusi, di bulan Ramadan kita mengungkit-ungkit dan memburuk-burukkan orang yang telah meninggal dunia dan kita tidak tahu sama orang itu buat atau tidak buat. Jadi adalah sedikit bertimbang rasa kerana dalam Islam dan juga agama lain tidak boleh kita hendak memburuk-burukkan sedangkan benda ini tidak terbukti, apatah lagi orang itu telah pun tidak ada di dunia ini.

Tuan Lim Kit Siang: Patut ada siasatan. Diadakan siasatan yang terbuka.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Jadi, saya mintalah Ipoh Timor gunakanlah sedikit budi bicara dia sebagai seorang pemimpin. Menghormati, menghormati.

Tuan Lim Kit Siang: Siasatan diadakan atau panggil ACA buat satu laporan. Itu siasatan. Kita adakan suatu siasatan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Kita tidak mahu, tidak lama, Ipoh Timor mati, kita maki dia juga. Betul tidak? Kita tidak akan buat begitu. Kita akan menghormati dia.

Tuan Lim Kit Siang: Kita adakan suatu siasatan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Kalau dia sudah mati, kita hormat dia. Dia belum mati, kita gaduh tidak apa.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat, bukan Wakil Rakyat Tanjung Rambutan. Orang mati tidak boleh siasat sudah. Di bawah undang-undang mana sekalipun walau termasuk kes membunuh, kalau orang yang disiasat itu sudah mati, kes itu ditutup terus. Hendak siasat apa lagi ini? Sampai kita hendak pergi tengok, gali kubur dia, tengok tulang dia, dia rasuah atau tidak.

Tuan Lim Kit Siang: Laporan daripada ACA lah jangan begitu. Laporan dari ACA daripada rekod-rekod dalam Parlimen, mesti ada rekod-rekod Parlimen. *[Dewan riuh]*

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Beberapa Ahli Pembangkang: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, hari ini saya fikir tidak perlu melibatkan orang yang sudah meninggal dunialah. Teruskan jawapan.

Beberapa Ahli: Ya, ya!

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya siasat dalam senarai, tidak ada MP dari Tanjung Rambutan. Tetapi ada nampaknya ada orang yang bertindak macam MP dari Tanjung Rambutan, tidak mahulah ...*[Disorak]* *[Tepuk]* Tuan Pengerusi, kemudian kalau hendak buat apa badan sekalipun, buatlah. Parlimen buatlah. Tanyalah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, kalau hendak buat, buatlah. Jangan tanya saya. Saya kata ya, nanti kata saya macam campur tangan pihak eksekutif pula. Saya tidak akan campur tangan dalam hal ini.

Kemudian Yang Berhormat, berkenaan dengan *Parliamentary Caucus* untuk biro-biro dan perkara-perkara tertentu, kita semua tahu iaitu bahawa *caucus* di dalam Dewan Rakyat dan mana-mana Dewan sekali pun, selalunya ditubuhkan atas minat beberapa Ahli Parlimen tentang isu-isu berkenaan. Sama ada kita hendak wujudkan ataupun tidak, itu terpulanglah kepada Ahli-ahli Parlimen masing-masing atas inisiatif mereka ke atas isu-isu yang menjadi minat kepada mereka, kerana ia bukan merupakan penubuhan jawatankuasa-jawatankuasa yang termaktub dalam Peraturan Majlis Mesyuarat.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Kelana Jaya membangkitkan berkenaan dengan SPR bertanya iaitu

Tuan Ahmad Shabery Cheek: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kemaman.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Tuan Pengerusi, saya tertarik dengan konsep *caucus* yang disebutkan oleh Yang Berhormat Dato' Menteri tadi. Dalam Parlimen lain misalnya ada beberapa jawatankuasa tertentu yang dianggap penting. Misalnya *Parliamentary Committee on Foreign Affair* misalnya, dianggap antara yang paling penting dalam Parlimen-parlimen lain. Begitu juga *Parliamentary Committee* ataupun Jawatankuasa Parlimen mengenai perkara-perkara tertentu yang bukan bersifat seperti sekarang ini mungkin ada *caucus* bersifat kepartian ataupun yang *cross party* pun ada ataupun pelbagai parti dan sebagainya. Itu adalah perkara yang tidak diiktiraf secara rasmi sebagai sebahagian daripada institusi dalam Parlimen kita.

Apakah kemungkinan di suatu masa nanti, jawatankuasa-jawatankuasa begini secara tetap bukannya seperti Jawatankuasa Pilihan (*Select Committee*), dengan izin Tuan Pengerusi. Tetapi yang tetap begini kemungkinankah suatu masa nanti akan diadakan bagi mengukuhkan lagi institusi Parlimen kita?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, kita mengamalkan amalan Parlimen yang bebas. Sebenarnya soalan seperti itu tidak boleh diutarakan kepada saya kerana akhirnya kalau saya kata, "Boleh", bermakna Parlimen terpaksa minta kepada eksekutif dan kita cakap kita hendak bebas, tetapi dalam masa yang sama minta kepada kita.

Saya rasa cara yang paling baik ialah untuk Ahli-ahli Parlimen dan *cross party* berkumpul atas minat masing-masing dan membuat keputusan dan boleh berbincang dengan Speaker, dan kita bincang dengan pihak Perdana Menteri. Itu cuma hendak mendapatkan peruntukan dan sebagainya. Ini banyak terpulang kepada Ahli Parlimen.

Saya rasa tidak ada salahnya. Saya juga turut akan berasa bangga kalau sekiranya kita juga ada *Permanent Select Committee on Foreign Affair*. Seperti Parlimen di Indonesia pun ada, saya rasa ini akan lebih menambahbaikkan Parlimen kita. Biarlah saya rasa bahawa Ahli-ahli Parlimen, mereka mengambil keputusan dan sebagai hendak memaklumkan kepada Perdana Menteri buat *appointment* dengan dia dan ceritakan perkara ini supaya dapat diberikan peruntukan bagi mengadakan *committee* seperti ini. Sudah tentu saya percaya belanjanya akan bertambah kalau kita buat ini.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan. Saya mengalu-alukan sikap yang terbaru ini, yang ditunjukkan oleh Yang Berhormat Menteri, di mana beliau kata ini terpulang kepada Ahli-ahli Parlimen oleh kerana sampai sekarang nampaknya perlulah izin daripada eksekutif sebelum sesuatu jawatankuasa diadakan. Apa Yang Berhormat bagi Kemaman sebut sebenarnya ialah *Standing Committee*, *Standing Committee* mengenai berbagai-bagai subjek yang pernah diutarakan dan pun ada di antara *recommendations* yang dibuat oleh 'Profesor Sharouk Faroki'.

Adakah sekarang Yang Berhormat Menteri dan kerajaan rela menerima bahawa pandangan Ahli-ahli Parlimen, *cross party* dalam perkara, cara, corak, menyusun semula gerakan *committee system* supaya Ahli-ahli Parlimen tidak kira apa parti boleh lebih fasih, lebih *conversant* berbagai-bagai aspek dasar-dasar di negara kita.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya tidak tahulah Yang Berhormat ini kalau ingatan dia dah lupa. Ini bukan sikap baru saya. Dari awal lagi saya sememangnya - ini bukan sikap baru. Daripada dahulu lagi saya memang menyokong untuk menjadikan rumah ini sebagai *the house of the people*. Yang Berhormat sendiri tahu kalau dahulu mana boleh DAP menganjurkan satu perjumpaan di sini, saya menganjurkan.

Jadi, kalau program yang DAP buat pun boleh kita benarkan tidak akanlah *select committee* untuk Dewan Rakyat tidak boleh buat. Jadi, saya hendak perbetulkan fakta ini bukan sikap baru saya. Ini satu sikap yang telah saya tunjuk lebih awal-awal lagi sewaktu saya diamanahkan untuk menjaga Parlimen walaupun tidak diterima oleh DAP pada ketika itu.

Tapi saya tetap cuba untuk mendatangkan pembaharuan dengan membenarkan kalau orang hendak berjumpa dengan Ahli Parlimen datanglah jumpa. Lagipun ini merupakan rumah rakyat, *house of the people*. Dia hendak cari wakil rakyat dia carilah tidak ada masalah. Sebab itu saya ingat saya hendak perbetul balik bukan sikap baru. Ini satu sikap yang terbuka daripada dahulu awal-awal lagi walaupun pada peringkat awal dahulu DAP tidak menerima saya, dia kata saya Menteri tandas.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak apalah, saya buat kerja saya.

Beberapa Ahli Pembangkang: *[Ketawa]*

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya bersetuju bahawa Yang Berhormat Menteri memang mempunyai sikap itu daripada lama dahulu lagi.....

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: PAS memang bagus!

Dato' Kamarudin bin Jaffar:dan antara Yang Berhormat Menteri setuju yang saya ingat dan ada sebut pada saya di luar Dewan ialah tentang apa Yang Berhormat bagi Kemaman sebutkan iaitu Jawatankuasa Pilihan untuk hal ehwal hubungan luar tapi hingga sekarang nampaknya belum lagi ada gerakan untuk menjadikan ia satu kenyataan. Saya fikir memandangkan hubungan antarabangsa, khususnya pergolakan di selatan Thai dan di beberapa tempat yang lain amat runcing, maka saya ingin sekali lagi menggesa supaya usaha ke arah penubuhan segera Jawatankuasa Pilihan tentang hal ehwal luar itu dijadikan realiti dalam masa yang terdekat.

Kedua juga, Yang Berhormat Menteri ada dahulunya menyebutkan tentang cadangan untuk meminda Peraturan Mesyuarat Dewan kita ini. Saya ingin mencadangkan supaya sekali lagi usaha itu disegerakan dan sebagaimana Yang Berhormat Ketua Pembangkang sebutkan tadi mungkin kita dapat pinda peruntukan-peruntukan berkaitan dengan jawatankuasa-jawatankuasa tadi supaya menambah jawatankuasa-jawatankuasa tetap atau *standing commits* yang hanya disebutkan sekarang ini PAC, hal ehwal dalam atau *house committee* Dewan dan *privileges committee* maka ditambah lagi jawatankuasa-jawatankuasa tetap ini kepada yang meliputi kementerian-kementerian yang terpenting seperti hal ehwal luar dan beberapa yang lain. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, seperti mana Yang Berhormat sebut saya memang terbuka dalam hal inilah. Tetapi untuk saya menerajui usaha ke arah itu saya tidak boleh lakukan kerana ada peristiwa berkenaan dengan Caucus Myanmar yang mana peringkat awal mungkin dari segi kurang pengalaman saya, saya telah duduk sebagai pengerusi Caucus Myanmar sehinggakan kita berjaya dan akhirnya pihak Kerajaan Myanmar telah pun menelefon Menteri Luar kita dan telah dimaklumkan kepada Perdana Menteri menuntut supaya saya meletakkan jawatan kerana caucus ini terbuka kepada MP.

Walaupun saya MP tapi saya menteri dan mereka mengatakan bahawa kerajaan terlibat. Sebab itu saya letak jawatan kerana tidak mahu melihat bahawa kerajaan mengetuai caucus ini. Jadi ini masalah saya. Sebab itu dalam hal-hal ini saya bermula daripada hari itu saya tidak boleh dinampakkan merupakan orang yang *initiator* kepada apa juga *select committee* ataupun caucus yang hendak ditubuhkan kerana saya tidak boleh lari daripada hakikat bahawa saya juga adalah seorang menteri. Sebab itu macam kes komiti kita berkenaan dengan *foreign committee* ini.

Jadi, saya harap supaya usaha-usaha ini dilakukan oleh Ahli Parlimen sendiri. Jangan ada penglibatan daripada saya sebagai menteri yang jaga Parlimen kerana nanti soal, katalah Selatan Thai ini sensitif saya pun orang Pattani juga.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Jadi, nanti dia kata ini usaha daripada menterilah ini yang buat forum komiti ini dan ianya akan mungkin tidak dapat

membolehkan kita bertindak dengan bebas kerana orang akan menuduh bahawa *select committee* ini di tubuh oleh seorang yang mungkin ada kepentingan dalam isu ini.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Tuan Ahmad Shabey Cheek: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Jadi sebab itu saya ingat kita serahlah kepada Ahli Parlimen sendiri untuk membuatnya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada dua Ahli Yang Berhormat bangun.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kemaman dan Yang Berhormat bagi Ipoh Timor bangun.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak apa, Yang Berhormat bagi Ipoh Timor dahulu.

Tuan Lim Kit Siang: Okay. Dengan penjelasan Yang Berhormat Menteri dan oleh kerana Pengerusi BBC ada di sini, saya harap kita boleh bincang bagaimana kita boleh adakan *standing committee* mengenai hal ehwal luar negeri, mengenai *boundary* forum, mungkin mengenai IT. Dan, dalam mesyuarat ini mungkin diharap kita boleh tubuhkan supaya kita bergerak ke depan *first world* Parlimen di mana satu Parlimen yang lebih *vibrant* dan di mana Ahli-ahli Parlimen boleh memainkan peranan yang lebih aktif.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat hendak bercakap dengan Ketua BBC cakap di luarlah.

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat Pengerusi.....

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sebab saya.....

Tuan Lim Kit Siang:BBC di sini, saya haraplah kita boleh ke depan.....

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sebab ini saya punya *floor*.....

Tuan Lim Kit Siang: Mencapai muafakat itu.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya menggulung.

Tuan Lim Kit Siang: Dengan sokongan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Hendak tanya apa-apa pun tanya saya.

Tuan Lim Kit Siang: Dengan sokongan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Hendak tanya orang lain pergilah di luar sana. Malu dengan pegawai macam kita tidak tahu peraturan pula, ya. Ya, Yang Berhormat bagi Kemaman.

Tuan Ahmad Shabey Cheek: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri, saya rasa pada hari ini kita semua sepatutnya berlapang dada dan patut rasa gembira kerana jawapan yang telah diberikan menggambarkan bahawa perkembangan dalam sistem berkerajaan kita sekarang ini semuanya menuju kepada perkara yang positif dan kita patut ucap tahniah di atas kepimpinan kerajaan kita, kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi. Semua perkara-perkara sebegini adalah perkara yang begitu positif dan disebutkan tadi sekarang ini pun sudah ada beberapa *select committee*, jawatankuasa pilihan yang kelihatan bergerak cergas di samping PAC, Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, kita ada beberapa *select committee* yang lain.

Terdapat beberapa perkara yang kemungkinan dilihat berlaku kecelaruan sedikit sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi, misalnya kehadiran beliau sendiri mengetuai Caucus Myanmar, kemudiannya dianggap tidak sesuai.

Begitu juga dengan beberapa *select committee* yang lain, misalnya *select committee* mengenai *penal code* dan *select committee* mengenai perpaduan nasional dan PLKN dan sebagainya, ia masih lagi diketuai masing-masing oleh seorang menteri yang dilihat juga masih dipimpin oleh seorang daripada anggota pentadbiran.

Apakah ini juga sesuatu perkara yang belum jelas lagi tentang apa itu *select committee* sepatutnya dan apatah lagi kalau kita membentuk *standing committee* yang tetap dan benar-benar dianggap sebagai mewakili Parlimen. Apakah perkara ini perlu dijelaskan lagi sekurang-kurangnya di kalangan kita, Ahli Parlimen sendiri tidak keliru tentang konsep committees ataupun jawatankuasa-jawatankuasa yang berkenaan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, *select committee* yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat bagi Kemaman itu adalah merupakan *select committee* yang diinitiate sendiri oleh eksekutif. Eksekutif, yang mana ini merupakan perkara-perkara eksekutif merasakan perlu mendapat tumpuan. Jadi apabila ia diinitiate oleh eksekutif, maka sudah tentulah ianya akan diketuai oleh seorang menteri.

Memandangkan iaitu bahawa kalau seorang menteri yang mengetuai *select committee* ini tentang isu yang difikirkan penting oleh pihak eksekutif, jadi agak mudahlah kita untuk mengadakan urus setia yang luar daripada Dewan, yang mana kita tahu iaitu bahawa Dewan Rakyat sendiri pun, pertamanya *constrain* bajet, keduanya kakitangan. Jadi, dengan Menteri itu menjadi pengerusi kepada *select committee* ini maka kita boleh menggunakan agensi-agensi kerajaan yang ada kaitan sebagai urusetianya dan menggunakan juga kakitangan di situ. Jadi, sebab itu *select committee* ini adalah *select committee* yang diinitiate oleh eksekutif.

Tapi saya rasa tidak ada halangan kalau sekiranya Ahli-ahli Parlimen semua bersetuju untuk mengadakan *select committee* mereka masing-masing tentang hal-hal yang mereka fikir penting seperti *foreign affairs*, *defence* atau *finance*, terpujanglah kerana saya tidak melihat bahawa ini akan menjejaskan kelicinan pentadbiran kerajaan, malah ia akan membantu kerana mereka akan mengadakan mesyuarat mendapat *feedback* daripada orang ramai dan boleh memberikan makluman kepada kita eksekutif, malah dalam ketika yang tertentu, seperti isu-isu yang tertentu mereka boleh merupakan golongan yang mendesak kerajaan luar ke untuk melakukan sesuatu yang mana kita sebagai kerajaan tidak boleh buat demikian atas sifat diplomasi.

Jadi saya ingat tidak ada masalah - sebenarnya akan membantu kerajaan. Tuan Pengerusi, SPR.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya fikir bolehlah kita alih kepada perkara yang lain.

Tuan Devamany a/l S.Krishnasamy: Tuan Pengerusi, satu sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah lama masa

Tuan Devamany a/l S.Krishnasamy: Mengenai Parliamentary reform ini. Minta izin menteri bagi saya peluang.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat bagi Seputeh dahulu kemudian Yang Berhormat bagi Cameron Highlands.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Dalam ucapan saya, saya ada bangkit tentang Parlimen haruslah lebih mesra rakyat - mesra kepada rakyat dan kalau kita pergi ke Parlimen luar negeri kita lihat macam *European Parliament* ada ramai *lobbies and* orang ramai datang ke sana. Saya memang setuju tentang kita harus mengadakan keselamatan yang agak ketat, tapi pada pendapat saya kadang-kadang khususnya wanita bukan Islam yang hendak masuk ke Parlimen sangat susah tau, mereka kalau baju ketat sedikit, mereka tidak dibenarkan masuk. Kadang-kadang mereka juga diteliti apakah material pakaian yang dipakai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bni Amiruldin: Ini Yang Berhormat hendak tunjuk ini hari dia pakai kebaya, nampak cantik dia hari ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bni Amiruldin: Terima kasih.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih. Saya rasa ini adalah sikap yang kita harus tukar sedikit dari segi ini dan juga saya ada bangkit tentang *web casting*, yang mana dicadangkan oleh Pengerusi Kelab Penyokong Kerajaan yang mana beberapa bulan lepas dikatakan akan bermula dari senat, tetapi tidak dibuat tetapi macam mana tentang sidang Dewan Rakyat adakah kerajaan akan juga memberi orang awam juga menyaksikan sidang Parlimen kita mungkin melalui internet.

Last sekali adalah saya mengalu-alukanlah cadangan Yang Berhormat Menteri yang kata *caucus* kita ini juga kita boleh pergi jumpa Yang amat Berhormat Perdana Menteri untuk minta peruntukan. Jadi Yang Berhormat sebagai pengerusi *Human Rights Caucus*, bolehkah juga bawa kita semua pergi jumpa Perdana Menteri untuk minta peruntukan *caucus* ini dan juga untuk makluman kesemua Ahli Yang Berhormat Dewan ini. Sebenarnya Parlimen kita amat dihargai dan juga dipuji apabila kita tubuhkan *Caucus Myanmar*, yang mana bila kita pergi ke *IPU Conference* di luar negeri dan juga berjumpa dengan Ahli Parlimen luar negeri mereka memang merasa sangat hairan bahawa Parlimen kita mempunyai *caucus* seperti ini dan juga telah pun menganjurkan beberapa *meeting* dalam mesyuarat antarabangsa. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Pengerusi pertamanya kalau hendak lihat daripada hendak dibandingkan dengan negara-negara lain tentang mesra rakyat saya rasa inilah Parlimen yang paling mesra rakyat sekalilah. Sebab saya pernah pergi ke United Kingdom, Westminster, Perancis dengan Itali hendak masuk bukan senang ada tenteranya yang menjaga. Jadi kita ini sesiapa pun boleh masuk dan cuma hendak *check* dekat bawah itu sahaja tidak ada yang lain. Cuma untuk memastikan supaya jangan ada bom atau apa. Itulah.

Jadi saya ingat kita mesra rakyat. Cuma tentang pakaian itu baru kali pertama saya dengar. Saya harap Yang Berhormat bangkitlah benda ini dengan Speaker sebab saya tidak boleh campur tangan dalam hal ini sebab ini kita hendak jaga kebebasan *separation of powers* kan? Kalau saya yang membangkit jadi ini tidak ada *separation of powers* lagi, ini merupakan arahan daripada eksekutif. Jadi yang ini saya cakap....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Nampaknya banyak yang tidak boleh terlibat Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yalah, kita bercakap jangan lidah bercabang kalau lidah bercabang masalah. Ada satu hal marah saya, dalam hal yang lain suruh saya buat. Tidak betul. Saya pun jadi gila nanti. Jadi saya minta janganlah, saya tak mahu jadi wakil Tanjung Rambutan, saya hendak wakil Padang Rengas. Kemudian berkenaan dengan *web casting*....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Cameron Highlands.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: *Web casting* ini - itu juga adalah terpulang kepada pihak Dewan Rakyat. Dewan Rakyat bincanglah dengan Speaker semua. Buatlah sendiri, inikan *separation of powers*. Jangan cakap pada saya sebab kalau saya hendak buat apa sekalipun akan dinampakkan sebagai campur tangan. Sebab itu saya juga hendak mengatakan *Human Rights Caucus* itu saya pun kena berhenti juga selepas ini. Walaupun Yang Berhormat cadangkan saya boleh bawa jumpa dengan PM, saya hendak berhenti sebab ini lagi iaitu orang mengatakan bahawa kalau apa juga yang *Human Rights Committee* buat tidak akan memuaskan hati orang ramai sebab pengkerusinya itu seorang menteri, sudah tentu banyak benda yang terhad.

Jadi saya rasa kita bagi kebebasan kepada Ahli Parlimen dia hendak buat melaksanakan hak dia itu terpulang kepada merekalah. Jadi saya harap Yang Berhormat bincang sesama Ahli Parlimenlah, bincang, buatlah. Saya rasa tidak ada masalah sebenarnya kalau kita hendak pergi ke arah *First Parliament* ini.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Pada pertengahan tahun lalu di bawah BNBB kita telah mengadakan satu jawatankuasa prosedur yang dipimpin oleh Yang Berhormat bagi Santubong, dan Yang Berhormat bagi Gerik pun bersama. Kami telah pun bincang dengan beberapa orang dari luar seperti yang dikatakan tadi profesor daripada MARA itu yang pakar dalam *Constitution Law* dan kami telah pun mengadakan beberapa siri perbincangan dengan pelbagai orang dan kita telah buat satu cadangan yang komprehensif dan diserahkan dan dimajukan kepada pengerusi BNBB. Oleh sebab dengan semangat Barisan Nasional kerana kami semua adalah Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional walaupun kita ada *separation of power*, tetapi kita saling berunding dan kita mencari hala tuju yang sesuai supaya perubahan (*reform*) ini dibuat secara berperingkat-peringkat.

Saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, segala syor-syor (*recommendation*) yang telah kita buat itu telah pun dimajukan kepada pengerusi dan saya rasa syor-syor itu begitu komprehensif sekali demi kepentingan dan keutuhan Parlimen. Adakah Yang Berhormat telah melihat, telah berbincang mengenai perubahan atau *reform* yang kita syorkan dan kalau belum, bilakah agaknya kita boleh duduk bincang bersama ini supaya perkara ini perlu diterima kerana kita kena lihat juga pandangan daripada eksekutif dalam proses ini. Diminta penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, sebenarnya saya dengar sahaja tetapi saya tidak pernah menerima cadangan yang dibuat oleh pihak BNBB. Mungkin jugalah saya ini "Menteri Tandas" sahaja, jadi pembangkang - bukan sahaja pembangkang, BNBB juga menganggap saya sebagai tidak ada kuasa.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Macam mana Yang Berhormat boleh sebutkan sendiri "Menteri Tandas"?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak, di sebut Tasik Gelugor, Bukit Gelugor dia sebut hari itu. Saya ada Hansard dia saya simpan sampai sekaranglah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Menteri jaga hal ehwal urusan Parlimen bukan 'Menteri Tandas'.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tak, dia kata tandas. Jadi saya hendak beritahu, saya juga tidak diberi tentang cadangan itu kepada saya. Jadi saya tidak tahu. Sebab itu jawapan saya pada hari ini saya tidak tahu tentang cadangan itu dan saya tidak pernah tengok cadangan itu dan saya tidak boleh komen kerana saya tidak pernah diberi tentang cadangan-cadangan kerana mungkin BBC lebih ada jalan yang lebih baik terus kepada Perdana Menteri saya tidak tahulah. Tetapi saya tidak pernah dapat. Saya tidak pernah dapat dan saya tidak tahu dan saya tidak boleh menjawab di dalam Dewan ini.

Tuan Pengerusi, SPR Kelana Jaya - SPR hanya membenarkan pejabat-pejabat pos untuk mendaftar pemilih baru sahaja yang bertujuan untuk mengawal kemungkinan berlaku penyelewengan dalam pendaftaran yang mana mereka membuat pendaftaran tanpa kehadiran dan pengetahuan pemilih berkenaan. Mereka perlu hadir sendiri dan bagi kes-kes pertukaran alamat pemilih perlu hadir sendiri ke pejabat SPR.

Kemudian Yang Berhormat Kelana Jaya juga berkenaan perlantikan Penolong Pendaftar, SPR melantik Penolong Pendaftar Pemilih di kalangan parti-parti politik hanya untuk mendaftar pemilih-pemilih baru sahaja yang bertujuan untuk mengelak berlaku penipuan oleh pihak-pihak tertentu menukar pemilih tanpa pengetahuan pemilih. Mereka yang ingin menukar alamat perlu datang sendiri bagi memastikan pemilih itu sendiri yang membuat pertukaran alamat.

Kemudian, untuk makluman Yang Berhormat Seputeh ya.....

Tuan Loh Seng Kok: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Kelana Jaya.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ok ini ada satu lagi Yang Berhormat pasal ini ada, berkenaan dengan SPR juga, jawapan bagi pertanyaan ini Parlimen silap, ok, ok Yang Berhormat sila.

Tuan Loh Seng Kok: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Menteri. Dalam cadangan saya ialah meminta supaya SPR apabila melantik Penolong Pendaftar Pengundi itu diberi kuasa untuk menukar alamat bagi mereka yang datang untuk tukar alamat mengundi walaupun sekiranya pengundi itu datang sendiri berjumpa dengan Penolong Pendaftar Pengundi itu dibenarkan kalau ada bukti-bukti yang sah seperti kad pengenalan telah bertukar, itu yang pertama.

Keduanya, tahun lepas kita hanya dapat mendaftar pemilih baru seramai 147,000 sahaja melalui pejabat-pejabat pos. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri berapakah bayaran kalau dibayar oleh SPR kepada pejabat pos dan apakah peruntukan disalurkan dalam hal pelantikan Penolong Pendaftar Pengundi kerana tahun ini anggaran pendaftaran pemilih baru adalah 500,000 dan kita sekarang ini akan sampailah tahun ini akan habis tempoh tahun 2005. Apakah pencapaian selama ini untuk pendaftaran pemilih baru khususnya di kawasan-kawasan bandar yang mana lebih banyak penduduk-penduduk baru di kawasan perumahan yang baru, terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Terima kasih Yang Berhormat, bagi jawapan yang kedua itu saya harap pegawai ambil maklum, pegawai saya ada di sini supaya dapat memberikan jawapan yang tepat. Tetapi bagi soalan yang pertama tidak boleh, kita tidak boleh membenarkan pengundi yang lama untuk menukarkan alamat mereka diserahkan kepada Penolong Pendaftar.

Kita tetap mahu dia datang kalau dia menghargai hak dia untuk mengundi dia datang sendiri, yang penting ialah untuk mengelak penyelewengan yang mungkin boleh berlaku kalau kita membenarkan orang lain daripada si pengundi itu untuk menukar alamat dia, walaupun sudah ada pertukaran alamat dalam kad pengenalan dia. Lebih baiklah kita *wiser* lebih awal daripada kemudian kita mula menghadapi masalah lagi di mana berlaku pengundi-pengundi hantu ini. Saya rasa yang itu kita tidak akan benarkan.

Tuan Loh Seng Kok: Terima kasih Tuan Pengerusi, kalau begitu apakah saya cadangkan setuju atau tidak Yang Berhormat Menteri sekiranya apabila mereka menukar alamatnya di Jabatan Pendaftaran Negara boleh juga dilantik pegawai-pegawai di situ untuk buat sekali gus tentang pertukaran alamat kawasan pengundi, secara *online*kah di Pejabat Pendaftaran Negara. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, kita dalam kerajaan, kita cukup mahu menjaga dengan penuh orang kata apa kalau dalam bahasa Inggeris *jealousy guarding*, hak seorang pengundi itu. Bagaimanapun kita kena juga hak mereka itu dengan baik dan saya kira iaitu penyelewengan juga boleh berlaku kalau sekiranya dibuat secara *online*.

Sebab itu pada kita tidak ada kompromilah hal ini, kalau pengundi menukar alamat dan menghargai hak pengundi dia, dia kenalah pergi sendiri ke pejabat pos untuk membuat perkara demikian kerana boleh berlaku, boleh berlaku juga kalau sekiranya hak ini diserahkan kepada orang lain untuk mendaftar. Sebab itu kita tidak mahu lagi bangkit masalah di mana berlaku penyelewengan ini, maka oleh kerana itu kita tidak akan membenarkan orang lain untuk mendaftar tempat mengundi mereka melainkan pengundi itu sendiri, jadi kita tidak boleh kompromilah.

Tuan Lim Hock Seng: [Bangun]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Kelana Jaya juga dalam soal Parlimen dia kata berkenaan ada bangkit dengan soal-soal pertanyaan bukan jawab lisan. Jawapan bagi pertanyaan bukan jawab lisan disediakan oleh pihak kementerian-kementerian yang berkenaan. Semua kementerian diminta mengambil perhatianlah terhadap teguran dan mengenai kelewatan dan mutu jawapan yang dibangkitkan.

Saya bersetuju dengan Yang Berhormat, saya harap supaya pegawai-pegawai yang hadir akan memaklumkan kepada kementerian masing-masing iaitu jawapan kepada soalan daripada Ahli Parlimen mestilah dianggap sebagai serius dan tidak boleh dijawab dengan ringkas sahaja. Sebab itu saya harap supaya apa yang dibangkitkan ini akan mendapat perhatianlah dan saya juga akan memaklumkan perkara ini dalam Jemaah Menteri kepada menteri-menteri berkenaan tentang betapa perlunya jawapan ini mestilah dijawab dengan bermutu dan jangan lewat. Yang Berhormat juga mencadangkan iaitu bahawa jawapan bertulis hendaklah dikemukakan sekurang-kurangnya 3 minggu sebelum mesyuarat di tangguh, saya ingat itu satu cadangan yang baik. Jangan kita tunggu sampai sudah habis kita mesyuarat baru, kerana sesetengah daripada soalan itu merupakan soalan yang *current* waktu kita bertanya.

Kalau kita menghantar soalan pada bulan Julai, isu itu merupakan isu yang *current* tetapi kalau kita jawab bulan 12 ia sudah menjadi satu isu yang lapuk. Saya bersetuju dengan apa Yang Berhormat sebut dan saya akan maklumkan kepada kementerian-kementerian berkenaan.

Tuan Lim Hock Seng: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya minta maaf kerana kena balik kepada SPR sebentar. Sebab saya juga ada membangkitkan, sekiranya SPR boleh melantik ahli-ahli politik tertentu atas permohonan dia sendiri untuk menjadi Penolong Pendaftar Pemilih.

Bagaimana SPR boleh juga secara sukarela melantik kami Ahli-ahli Parlimen atau Ahli Dewan Undangan Negeri untuk menjadi Penolong Pendaftar Pemilih juga kerana masing-masing juga mementingkan supaya orang-orang yang layak didaftar menjadi pemilih yang sah di kawasan masing-masing. Tidak payahlah kami sendiri untuk memohon lepas itu baru dilantik sebagai Penolong Pendaftar Pemilih.

Sebentar tadi Yang Berhormat Menteri juga ada menjawab bahawa jawapan-jawapan perlu dikemaskinikan dan saya sokong jawapan Yang Berhormat itu sebab di sini juga kami terdapat banyak jawapan-jawapan khasnya jawapan bertulis tidak sampai ke tangan kami walaupun 6 bulan, satu tahun pun tidak sampai sini. Saya berharap Yang Berhormat Menteri juga boleh mengambil perhatian berkenaan dengan jawapan bertulis supaya ia cepat sampai ke tangan kita. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, saya seperti mana saya sebut sebentar tadi saya akan ambil tindakan perkara ini yang memang sebenarnya bawah sayalah, saya boleh laksanakan.

Tuan Chong Chieng Jen: [Bangun]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Berkenaan dengan....

Tuan Chong Chieng Jen: Minta penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Nanti sekejaplah tidak habis lagi, tentang kawan di sebelah belum habis lagi.

Tuan Chong Chieng Jen: Oh, belum habis lagi?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Belum habis lagi, Yang Berhormat Bandar Kuching tidak sabar. Berkenaan dengan melantik Ahli Parlimen sendiri sebagai Penolong Pendaftar, saya ingat tidak payahlah Yang Berhormat kerana pertamanya bukan kerja kitalah, kita Ahli Parlimen ini kita merupakan Ahli Yang Berhormat.

Walaupun kita ada kepentingan berkenaan dengan hal-hal ini kerana kita sendiri menjadi calonnya, tetapi saya rasa ada lebih baik kita melantik orang lain, bukan kitalah kerana ini akan melihatkan, merendahkan sebenarnya kita punya kedudukan. Pertamanya, kita Yang Berhormat, kedua, kita tidak percaya kepada ahli kita sendiri yang kita lantik ataupun Yang Berhormat tidak ada hak untuk melantik Penolong Pendaftar sendiri saya tidak tahulah ya.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Boleh minta penjelasan sedikit?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tetapi sebab itu saya rasa kita untuk menjagakan martabat kita sebagai Ahli Yang Berhormat tidak usahlah kita Ahli Parlimen yang menjalankan kerja ini, biarlah kita lantik orang lain untuk....

Datuk Bung Moktar bin Radin: Boleh minta penjelasan Yang Berhormat Menteri?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya nanti Yang Berhormat Bandar Kuching.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Ataupun Yang Berhormat Menteri cadangkan dia berhenti jadi wakil rakyat dia pilih kerja itulah.

Tuan Chong Chieng Jen: Berkenaan dengan SPR, memandangkan ada persempadanan baru yang telah diluluskan di Sarawak, saya ingin tahu bilakah itu senarai pengundi akan disediakan? Kerana saya ada menghubungi SPR Sarawak untuk mendapatkan senarai pengundi yang baru untuk kawasan-kawasan baru untuk pilihan raya yang akan datang di negeri Sarawak tetapi saya dimaklumkan bahawa dia belum sedia. Manakala itu pilihan raya nampaknya pilihan raya di Sarawak sudah dekat.

Kerana mengikut pengalaman saya, tahun lalu di dalam bulan Februari bila saya mahu buat satu *appointment* untuk menjumpai Pengarah SPR di Kuching untuk memahami meminta penjelasan tentang Akta Pilihan Raya baru itu, dia kata dia sibuk dan dia kata bila mahu jumpa jumpa dia selepas 22 Mac. Manakala itu pilihan raya sudah diadakan di 21 Mac. Saya tak mahu senarai yang baru itu, senarai pengundi yang baru itu hanya dibekalkan kepada kita, selepas pilihan raya. Sekian.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya ini juga masalah yang dihadapi oleh kita. Yang Berhormat sedia maklum bahawa perkara ini telah pun dibangkit dalam sesi kita yang kedua, iaitu pada bulan tujuh yang kita telah membentuk kawasan baru bagi negeri Sarawak. Jadi, sudah tentu kerja-kerja untuk mengemas kini ini akan memakan sedikit masa. Dan kita tidak boleh memberi satu senarai yang tidak lengkap semata-mata kerana untuk menunaikan permintaan daripada Ahli-ahli Parlimen atau wakil-wakil rakyat. Jadi kita tidak boleh dikejarkan kerja-kerja kita ini. Kita terpaksa memastikan supaya kita membuat dengan betul. Jadi, sebab itu saya percaya SPR sedia berusaha dengan cepat untuk menyediakan senarai ini.

Dan sebaik sahaja kita mendapat senarai penuh, saya percaya tidak ada sebab mengapa SPR tidak akan membekalkan senarai ini di atas permintaan Ahli-ahli Yang Berhormat. Cuma soal kata, kerana sistem kita sedemikian. Kalau sekiranya Ketua Menteri mengambil keputusan untuk hendak bubar sekarang, bercelarulah kita. Mungkin kita terpaksa guna senarai yang dulu, yang belum dikemas kini. Tapi walau bagaimanapun, saya percaya iaitu pihak SPR kita akan ambil maklumkan perkara ini, dan saya akan pastikan iaitu bahawa sebaik sahaja senarai penuh dapat disediakan kita dapat bekalkan kepada Yang Berhormat.

Tuan Lit Kim Siang: Penjelasan. Tadi Yang Berhormat Menteri kata bahawa memberi ingatan kepada pegawai-pegawai kerajaan mengenai jawapan soalan-soalan. Bukankah ini sebenarnya ada silap? Oleh kerana apa yang kita ada ialah *Ministry of Responsibility* kepada Parlimen, dan bukan tanggungjawab kaki tangan kerajaan kepada Parlimen. Ialah melalui, melalui sungguhpun disediakan oleh kakitangan-kakitangan kerajaan, pegawai-pegawai kerajaan, tetapi perlulah menteri atau timbalan menteri atau setiausaha Parlimen yang ada memikul tanggungjawab setiap jawapan yang mana perlu bertanggungjawab, tak boleh serah. Atau menyalahkan pegawai.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yaacob) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Dan sebagai contohnya pun, kalau tengok itu *volume* jawapan "20 Oktober, no.3, Dato' Goh Siow Huat, Rasah, minta Menteri Kesihatan menyatakan kenapalah kejadian di mana sehingga kini masih ada ramai lagi juru optik yang tidak bertauliah dapat memperolehi lesen perniagaan dengan sewenang-wenangnya, sedangkan difahamkan mulai tahun 1992, kementerian tidak lagi mengeluarkan lesen sijil kepada juru optik yang

tidak bertauliah.” Jawapan. “Belum diterima daripada kementerian berkenaan.” 20 Oktober, hari ini 26 Oktober.

Bukankah tanggungjawab menteri atau timbalan menteri atau setiausaha Parlimen menentukan ada jawapan dan jawapan betul! Dan ada apa-apa kesilapan, perlu memikul tanggungjawab dan bukan oleh kerana *Ministry of Responsibility*. Bukan tanggungjawab pegawai kepada Parlimen.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yaacob]: Yang Berhormat, panjang lagikah Yang Berhormat?

Dato’ Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya cakap bahasa lain.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yaacob]: Yang Berhormat panjang lagikah?

Dato’ Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Memanglah panjang, saya nak jawab. Kemudian Menteri dari Besut jawab. Ini nak jawab. Jadi nak pendek ke apa ke?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yaacob]: Tak ada, terpulang kepada Yang Berhormatlah.

Dato’ Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Okey, saya bagi tahu kepada pegawai kerajaan untuk bagi tahu kementerian dia tentang perkara yang dibangkit dalam Dewan ini, ya. Kemudian, saya juga kata iaitu saya akan sendiri bawa dalam Jemaah Menteri. Bahawa mengingatkan kepada menteri-menteri tentang kualiti jawapan. Jadi mekanisme dalamnya, sudah tentulah menteri-menterilah bertanggungjawab. Di atas segala soalan yang dikeluarkan oleh pegawai kerajaan bagi pihak kementerian dia. Dia mesti bertanggungjawab, tak perlulah sebut benda tu, ya!

Jadi, sebab tu tak payahlah Yang Berhormat bimbanglah seolah-olah kita tak ambil tanggung jawab. Kalau jawapannya tidak bermutu seperti mana saya sebut kata memang ada yang tidak bermutu, memang betul! Setiausaha Parlimen, timbalan menteri, menteri mesti bertanggung jawab. Tidak pernah saya kata bahawa mereka itu tidak perlu bertanggungjawab. Serah kepada pegawai. Pegawai untuk maklum saja tentang apa berlaku pada hari ini. Ya, Yang Berhormat saya cadangkan supaya belajar.

Tuan Lit Kim Siang: PR Dato’, PR Dato’.

Dato’ Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yalah. Saya, saya bukan kata dia orang tak bertanggungjawab. Saya kata pegawai tolong maklum kepada kementerian. Saya sarankan pergi belajar bahasa Melayu lagilah, senang. Kalau tidak nanti berbalik-balik macam ni, tak faham.

Tuan Lit Kim Siang: *[Menyampuk tanpa mic]*

Dato’ Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sebab itulah saya kata tidak ada jawapan, maknanya apa ni, saya dah mengaku bahawa itu ya, kita mesti ada jawapan yang bermutu, kalau tidak jawab. Kalau tak bermutu pun, mesti ada jawapan. Ya, jangan tidak ada jawapan. Benda ini kita dah minta kepada pegawai maklum kepada kementerian dia. Kementerian ini menteri dia lah.

Tuan Lit Kim Siang: *[Menyampuk tanpa mic]*

Dato’ Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tok sah lah Yang Berhormat, pening saya ni! Okey, Seputeh. Daftar pemilih, apakah tindakan yang telah diambil. Untuk makluman Yang Berhormat, mereka yang ingin membuat pertukaran alamat, boleh membuat permohonan dengan SPR melalui kaunter SPR di peringkat ibu pejabat SPR. Dan di pejabat-pejabat Pengarah Pilihan Raya Negeri di seluruh negara. Kaunter pendaftaran dibuka setiap hari pada waktu pejabat.

Kita juga, Yang Berhormat berkenaan dengan pelantikan Penolong Pendaftar melalui parti politik, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SPR telah mengedarkan surat kepada semua parti politik untuk dikemukakan nama yang dicadangkan oleh parti bagi dilantik sebagai Penolong Pendaftar.

Yang Berhormat Bagan, kenapa pendaftaran pemilih tidak dilaksanakan secara automatik? Untuk makluman Yang Berhormat, mengikut Peraturan-peraturan Pilihan Raya Pendaftaran 2002, menetapkan pendaftaran mengikut alamat dalam kad pengenalan ataupun MyKad. Jika pendaftaran dibuat secara automatik berkemungkinan tempat mereka akan mengundi tidak sama dengan alamat tempat tinggal terkini. Jika mereka tidak menukar alamat di dalam kad MyKad itu. Di samping itu, undang-undang tidak mewajibkan pemilih untuk mendaftar dan juga mengundi.

Yang Berhormat Seputeh, apakah tindakan yang telah diambil oleh SPR untuk mendaftar pemilih baru yang didapati masih ramai lagi yang belum mendaftar. Untuk makluman Yang Berhormat, SPR telah membuka kaunter pendaftaran melalui saluran berikut. Pertama, kaunter di ibu pejabat SPR dan di pejabat-pejabat Pengarah Pilihan Raya negeri pada waktu-waktu pejabat setiap hari.

Kedua, melalui pejabat-pejabat pos berkomputer di seluruh negara. Ketiga, Unit Bergerak SPR yang disediakan, yang diadakan di kilang-kilang, pusat-pusat pengajian tinggi dan kawasan-kawasan pedalaman. Empat, kaunter pendaftaran di pasar raya, dan tempat-tempat tumpuan awam di mall-mall semua tu. Yang kelima, melantik Penolong Pendaftar di kalangan parti-parti politik.

Yang Berhormat Kuala Selangor membangkit berkenaan dengan kes rasuah di Jabatan Tanah. Adalah menjadi amalan BPR untuk mendapatkan fail salinan asal apabila menjalankan siasatan. Sekiranya ada keperluan untuk sebarang urusan, permohonan boleh dibuat kepada BPR supaya salinan dikeluarkan bagi memudahkan pelaksanaan tugas baik di Pejabat Tanah dan sebagainya.

Yang Berhormat bagi Penampang, berkenaan dengan memaklumkan kedudukan kes yang disiasat, ya. Pengadu sesuatu kes boleh memohon mendapat kan status dan kedudukan sesuatu kes yang dilaporkan dengan menulis surat kepada Ketua Pengarah. Dan pihak BPR akan mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap permohonan tersebut memandangkan di bawah peruntukan Seksyen 21(4) Akta Pencegahan Rasuah 1997 yang telah dikuatkuasakan mulai 8 Januari 1998 menyatakan iaitu sesuatu aduan yang dibuat di bawah subseksyen 1 hendaklah dirahsiakan dan tidak boleh didedahkan oleh mana-mana orang kepada mana-mana orang selain pegawai-pegawai badan dan pendakwaraya.

Sehinggalah orang tertuduh dipertuduh di mahkamah, atas sesuatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis lain berbangkit daripada aduan itu. Jadi, kita tak boleh sewenang-wenangnya memberi maklum tentang sesuatu yang belum dipertuduhkan di mahkamah untuk menjaga kedudukan orang yang dituduh itu. Kerana sebagai Badan Penguat Kuasa Undang-undang, BPR sentiasa mengamalkan etika kerja yang profesional dan kes-kes siasatannya perlu dirahsiakan. Selaras dengan peruntukan Seksyen 21(4), yang saya sebut sebentar tadi.

Kes-kes rasuah tidak sama dengan kes-kes jenayah yang lain kerana pendedaannya bukan sahaja menjejaskan imej individu yang terbabit, bahkan siasatan yang dijalankan itu sendiri. Siasatan kes-kes rasuah perlu dijalankan dengan berhati-hati dan tanpa diketahui umum agar tanpa diketahui individu yang disiasat bagi mengelakkan media dan *public prosecution* dengan izin, sedangkan kita perlu mengamalkan *innocence until proven guilty*. Kita tidak salah, sehinggalah kita didapati bersalah oleh mahkamah.

Tuan Pengerusi, Penampang juga telah bercakap tentang Laporan Tahunan Badan Pencegah Rasuah (BPR). Badan Pencegah Rasuah tidak membentangkan laporan tahunan kepada Parlimen kerana badan tersebut tidak dikehendaki untuk berbuat demikian memandangkan tiada peruntukan yang memerlukan Badan Pencegah Rasuah mengemukakan laporan tahunan kepada Parlimen, sebagaimana Laporan Ketua Audit Negara yang dibentangkan setiap tahun. Di samping itu juga sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum saya sebut sebentar tadi, iaitu seksyen 21(4) yang telah dikuatkuasakan itu tidak mengizinkan kita untuk menzahirkan apa-apa juga maklumat sehinggalah orang yang dituduh itu dituduh di dalam mahkamah.

Tuan Salahuddin bin Ayub: [Bangun]

Tuan Donald Peter Mojuntin: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat ada dua yang bangun.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sekejap-sekejap, sekejap ya. Oleh sebab terdapat peruntukan undang-undang yang menghalang pemindahan dibuat terhadap mana-mana kes yang masih dalam siasatan, maka Badan Pencegah Rasuah tidak boleh membentangkan kes berkenaan walaupun di Parlimen. Namun begitu setiap tahun Badan Pencegah Rasuah mengeluarkan laporan tahunan yang mengandungi aktiviti dan perangkaan, sebagaimana laporan tahunan yang dikeluarkan oleh agensi lain untuk edaran umum tanpa menyentuh aspek-aspek operasi yang khusus ataupun spesifik.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Penampang.

Tuan Donald Peter Mojuntin: Ya terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tujuan saya membawa perkara ini kepada Parlimen kelmarin adalah saya anggap Badan Pencegah Rasuah ini sungguh penting, amat penting kepada kita. Jadi saya rasa kita hendak menukarkan persepsi rakyat kepada Badan Pencegah Rasuah. Buat pada masa ini persepsi rakyat secara umumnya terhadap Badan Pencegah Rasuah adalah sebagai *weapon*, dengan izin Tuan Pengerusi kepada orang yang berada dalam jawatan yang *influential* atau *powerful position*.

So, saya mencadang supaya kerajaan membuat kajian tentang meningkatkan lagi persepsi positif rakyat kepada Badan Pencegah Rasuah mencari jalan supaya integriti dan kredibiliti Badan Pencegah Rasuah dapat dipertahankan. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Walaupun saya bersetuju iaitu bahawa Yang Berhormat kata, "Badan Pencegah Rasuah ini cukup penting, maka seharusnya menteri mengeluarkan laporan kepada Parlimen untuk mengelak persepsi orang ramai terhadap Badan Pencegah Rasuah itu sendiri". Tetapi saya merasakan adalah lebih baik untuk kita menjaga hak individu, yang mana kalau berlaku media *prosecution* sememangnya seorang itu telah pun dimainkan dalam pemikiran rakyat sudah pun bersalah, walaupun dia hanya mungkin dipanggil hanya untuk memberi laporan berkenaan sesuatu perkara yang dituduh terhadap dia. Jadi saya rasa itu jauh lebih penting.

Dan yang keduanya, ia juga menjaga kita punya *prosecution* kes kita, kerana kalau semuanya telah dikeluarkan, maka mungkin ada orang-orang yang lain yang ada kaitan kes itu apabila sudah dapat tahu bahawa kes ini hendak *diproses*, maka mereka boleh menghapuskan segala bukti (*evidence*) dibakar ataupun lari daripada negara. Jadi sebab itu kita kena pastikan bahawa perkara ini tidak berlaku, walaupun saya katalah memang persepsi itu adalah penting, tetapi saya percaya iaitu rakyat lebih memahami bahawa Badan Pencegah Rasuah berusaha bersungguh-sungguh untuk menjalankan tanggungjawab mereka.

Apa yang perlu kita lakukan ialah untuk memberi mereka galakan. Kalau mereka membuat sedikit kemajuan dalam CPI walaupun naik *point one* tepuklah dekat belakang *well done, but you can do better* macam itulah jangan potong gaji RM10 pula. Jadi ini akan menyebabkan orang akan hilang semangat, mereka juga manusia.....

Tuan Salahuddin bin Ayub: *[Bangun]*

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep: *[Bangun]*

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, ada tiga bangun Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:kita kena memberikan mereka banyak galakan supaya mereka menjalankan tugas mereka dengan baik. Jangan kita keji dia, dia menjalankan tugas dia, itu yang penting. Tidak usah cakap duduklah, hendak bercakap tanyalah. Saya bagi kepada Kubang Kerian.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kubang Kerian sila.

Tuan Salahuddin bin Ayub: Ya terima kasih Tuan Pengerusi. Mengenai Badan Pencegah Rasuah ini kita mendapat maklum bahawa di antara halangan besar Badan Pencegah Rasuah adalah tentang status kertas-kertas ataupun dokumen yang diberikan status OSA. Dalam kes ini Tuan Pengerusi saya ingin merujuk pada satu kes Presiden Nixon didakwa oleh Kongres pada 27 Julai 1974 dan didapati bersalah kerana berusaha menghentikan penyiasatan FBI terhadap skandal Water Gate dan dibongkar oleh Mark Flat, Timbalan Pengarah Biro FBI pada waktu itu.

Jadi dalam soalan saya Yang Berhormat Menteri, adakah Badan Pencegah Rasuah ini dia boleh menyiasat mana-mana dokumen ataupun kertas-kertas yang bertaraf OSA daripada kementerian lain, itu soalan saya. Dan dalam contoh kes ini maknanya di negara maju seperti Amerika ini, tidak ada OSA dan saya yakin dan percaya bahawa banyak dan ramai pegawai kerajaan yang ingin memberikan maklumat tentang gejala rasuah, walaupun mereka pegawai kerajaan untuk kebaikan kerajaan tetapi halangannya adalah OSA. Jadi saya minta supaya Yang Berhormat Tuan Pengerusi dapat menimbangkan supaya OSA ini kita kaji semula untuk melicinkan kerja-kerja pihak Badan Pencegah Rasuah ini. Saya minta penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Pengerusi OSA ini ialah tidak memaklumkan kepada orang ramai tentang perkara-perkara yang diputuskan, tetapi untuk penyiasatan tentang satu kes sudah tentu ACA berhak untuk melihat mana-mana juga kertas-kertas yang dianggap sebagai OSA, kalau sekiranya dia membantu ke arah untuk menyiasat. Sebab kita tidak mahu bersekongkol dalam menggunakan OSA untuk melindungi penyiasatan yang dibuat. Jadi sebab itulah memperkuat kes kita berkenaan dengan Seksyen 24 tadi, kita tidak boleh memaklumkan kepada orang ramai tentang penyiasatan kita, kerana kita dalam Badan Pencegah Rasuah boleh melihat OSA. Jadi sebab itulah kita tidak boleh hendak melayankan permintaan daripada Penampang sebentar tadi, kerana kita juga terikat dengan rahsia. Jadi sebab itu saya hendak katakan di sini bahawa tidak betul iaitu bahawa ACA tidak boleh melihat kertas-kertas OSA - itu tidak betul ya. Bagi tujuan penyiasatan memang boleh kerana kita tidak mahu, iaitu kita menggunakan satu alat, diperalatkan akta ini sebagai untuk melindungi perbuatan rasuah dalam kementerian kita. Ini tidak berlaku mereka berhak untuk melihat.

Saya tahu benda ini sebab dahulu orang pun tuduh saya rasuah sewaktu saya Menteri Pembangunan Usahawan. Segala minit mesyuarat LPKP semua diserahkan kepada mereka dia berhak untuk melihat. Jadi itu tidak ada halangan kepada mereka untuk melihat kertas-kertas yang dianggap sebagai OSA. Maka oleh kerana itulah mereka tidak sewenang-wenangnya boleh dibenarkan mengeluarkan maklumat tentang penyiasatan selagi dia ini tidak dipertuduhkan dalam mahkamah.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep: [Bangun]

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman: [Bangun]

Tuan Lim Kit Siang: [Bangun]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kuala Selangor lepas itu Ipoh Timor lepas itu

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soal kredibiliti Badan Pencegah Rasuah. Persoalannya yang saya hendak bangkitkan ialah mengenai tindakan Badan Pencegah Rasuah mengambil fail Pejabat Tanah dan menjalankan siasatan dengan memakan masa yang cukup lama - lima tahun. Keyakinan rakyat amat tinggi kepada Badan Pencegah Rasuah. Rakyat merasa musykil takkan satu kes penyalahgunaan kuasa atau rasuah tidak dapat diselesaikan dalam tempoh lima tahun. Kalau ada bukti bawa ke mahkamah secepat mungkin kerana jika tindakan lambat diambil maka kesan-kesan sampingan kepada urusan tanah yang melibatkan pindah milik, penjualan dan sebagainya akan berlaku.

Jadi saya harap perbincangan saya dengan Timbalan Pengarah Badan Pencegah Rasuah Selangor, memohon supaya bukan sekadar memberikan salinan dokumen untuk

tindakan susulan pejabat tanah bagi urusan selanjutnya bagi menyelesaikan masalah yang berkenaan, tetapi yang lebih penting kalau ada kes bawa, kalau tidak tutup dan serahkan semula fail berkenaan kepada pejabat tanah untuk tindakan susulan demi untuk kepentingan rakyat. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Memang iaitu kalau dahulu Badan Pencegah Rasuah ini kakitangannya kecil sedikit kerana mungkin rasuah tidak merupakan satu perkara yang berleluasa di masa yang lepas. Tetapi sekarang, rasuah merupakan satu perkara yang besar dan satu daripada masalah ialah kerana kurang kakitangan. Ini telah kita cuba perbetulkan dengan JPA menambahkan lagi jawatan-jawatan bagi BPR, itu satu hal. Hal kedua pula, kalau sekiranya walaupun ada iklan, minat orang pula untuk hendak menjadi pegawai-pegawai ini. Ini juga merupakan masalah, kita semua tahu itu bahawa jawatan dalam kerajaan ini banyak yang diiklankan tetapi tidak disusuli, diikuti oleh mereka yang mahu bekerja. Ini pun masalah kita juga. Jadi yang keduanya proses, Yang Berhormat kalau tahu saya pernah kena dengan BPR, dia bukan datang sahaja berjumpa dengan kita 10, 20 minit, tidak. Dia duduk dengan kita, dia bawa dengan segala dokumen-dokumen dia, dia *interview* kita kadang-kadang sampai tiga jam. Prosesnya tiga jam kerana dia kena betul-betul teliti kemudian berehat satu malam. Besok datang lagi tiga jam.

Jadi, dia punya penyiasatan, bukan 10, 20 minit. Setiap kes dia siasat ada sampai enam jam. Jadi, bayangkanlah iaitu kalau sesuatu siasatan kita hendak buat, kita tidak sewenang-wenangnya datang panggil, mengaku atau tidak mengaku. Bukan begitu. Semua *statement* kita, dia tanya soalan kita jawab kemudian dia taip, dia perbetulkan, dia suruh kita baca, kita baca. Setuju, setuju, baru, itu cara dia. Proses bukan mudah. Jadi, Yang Berhormat kena faham, iaitu proses bukan mudah. Satu-satu kes penyiasatan itu boleh berjalan berminggu-minggu pun boleh. Inilah merupakan satu masalah kalau telah berlaku kelewatan, bukan disengajakan, tetapi kerana BPR kita menjalankan tugas dia dengan teliti, memastikan bahawa cukup bukti. Dia kena siasat semua. Apa orang cakap dia tidak boleh kata, "Ah, tidak payah". Tidak boleh, dia kena siasat semua. Jadi, yang ketiganya aduan yang datang bukan sedikit-sedikit, banyak aduan.

Ada yang betul, ada yang tidak betul. Di bawah Akta BPR kita tahun 1997, surat layang pun kita boleh ambil tindakan. Saya ingat perkara ini sebab waktu itu Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, saya yang bentang bagi pihak Perdana Menteri pada ketika itu, saya tahu. Surat layang pun boleh disiasat. Jadi, bermakna bahawa inilah semua perkara yang merupakan hambatan kepada untuk kita memuaskan hati rakyat. Walau bagaimanapun, *slowly and steadily* kita akan menjalankan tugas kita dengan baik. Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa dalam tahun 2003, bulan Julai ACA ada mengumumkan satu dasar *transparency* yang baru supaya lebih respons, dengan izin, lebih *responsive towards public demand for information about its investigations* dan ada tiga langkah masa itu diumumkan oleh Ketua Pengarah, Dato' Zulkifli masa itu, dengan izin:

- (i) *The ACA will from now on, keep all complainants informed on the status of investigations into their report if they want it;*
- (ii) *Heads of Governments Department would be informed of the decision of the attorney general on investigations involving their subordinates;*
- (iii) *The ACA will issue statements about cases that are still under investigation if it feel necessary including those already decided by attorney general.*

Tetapi sungguhpun masa itu, menteri yang bertanggungjawab ACA, Datuk Dr. Rais Yatim ada memujikan ACA mengenai *transparency* yang terbaru lebih *accountable*, tetapi apa yang Yang Berhormat sebut tadi nampaknya semua sudah dibatalkan. Adakah *going backwards instead of going forwards* mengenai *the way transparency* lebih *accountable*. Adakah ketiga-tiga langkah ini semua dibatalkan atau masih menjadi dasar *new transparency* ACA dan kenapa ketiga-tiga langkah belum diikuti?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat panjang lagikah?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ketiga-tiga langkah semua diikuti.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sebagai contoh. Ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Panjang lagikah? Kalau boleh pinda ke tajuk lain? Kerana ada dua lagi menteri hendak jawab.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat kena tanya Ahli Parlimen, jangan tanya saya. *[Ketawa]* Sebab dalam Dewan ini, dia orang...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak ada, kalau Yang Berhormat tidak layan habislah itu.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya kena layan sebab sebagai mewakili Perdana Menteri. Perdana Menteri memberitahu saya, mewakili dalam Dewan Rakyat, saya kena jawab dengan betul.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang lain pun ada juga menteri hendak jawab.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Dia pun mewakili Perdana Menteri juga, kena begitu jugalah.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yalah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Baik, yang pertama tadi Yang Berhormat sebut pasal apa? Pasal *transparency* ini, jadi bermakna iaitu kata, yang pertama tadi itu apa, yang dijanji?

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa pembesar suara]* *The ACA will from now on, keep all complainants informed on the status of investigation.*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Okey, jadi saya sudah sebut sebentar tadi iaitu pertamanya kita terikat dengan 24(1). Okey, itu akta, kita kena akur. Walau bagaimanapun, saya telah menyebut dalam jawapan saya, kalau *complainant* itu menulis minta kepada Ketua Pengarah status, dia kena bagi. Jadi, perkara ini berlaku, *complainant* tahu, tetapi orang ramai tidak tahulah.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Jadi, Yang Berhormat kena, Yang Berhormat ada buat *complaint*...

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak apa, yang lepas ini kita pastikan bahawa yang mana difikirkan boleh dimaklumkan, akan bagi maklum, tidak ada masalah. Yang keduanya, *head of department* dimaklumkan itu berlaku tetapi takkanlah *head of department* hendak bagi tahu orang ramai, "Ya, *BPR telah menghubungi saya tentang kes pegawai saya.*" Macam bagi tahu orang ramailah macam itu. Itu terlaksana. Yang ketiga juga dilaksanakan mengikut waktu dan ketika sebab disebut di situ *where necessary*.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yeah, *where necessary*, kalau perlu.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sebab pertimbangan itu ialah kepada.....

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat....

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: kepada Ketua BPR. Bukan kepada orang lain. Jadi kalau dia merasakan bahawa tidak perlu, Yang Berhormat jangan main-main macam kata anak kepada IGP. Jadi anak buat, bapa tanggung malu jadi kita kena fikir, itu pun belum lagi didapati bersalah, baru kena tahan untuk bagi laporan, sudah keluar dalam surat khabar. Akhirnya besok kalau tidak ada apa-apa, orang itu sudah malu tetapi tengok tidak ada apa-apa, bagaimana? Adilkan kita kepada seorang yang telah banyak berjasa kepada negara kita. Kita tidak boleh menyalahkan media, sebab media dia lapor. Sebab itu ada sebabnya mengapa tidak ada isu atau *statement* daripada suatu ketika ke suatu ketika kerana di atas pandangan Ketua Pengarah tidak perlu. Lagi pun Yang Berhormat, setiap tiga bulan kita bersidang, tanya soalan saya kena jawab keluaran, macam Ketua Pengarah keluaran juga kenyataan itu. Yang Berhormat boleh tanya, kes. Jadi, tidak perlulah kita hendak mempertikaikan tentang keikhlasan Ketua BPR untuk melaksanakan.

Puan Teresa Kok Suh Sim: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat sila habiskan bahagian Yang Berhormat, saya hendak beri kepada menteri lain.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, kemudian....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat bagi Tanah Merah. Okey, dia tidak ada saya akan hantar jawapan bertulis kepada dia.

Yang Berhormat bagi Bera, Yang Berhormat bagi Bera ada. Yang Berhormat bagi Bera telah membangkitkan berkenaan dengan seorang yang ditahan selama dua puluh tahun. Saya sebutkan di sini bahawa memang betul En. Hong Nga, 76 tahun, dia telah dituduh membunuh isterinya pada tahun 1961. Sewaktu *preliminary enquiry* dijalankan, beliau telah dihantar untuk pemeriksaan mental dan pada Januari 1967 iaitu 6 tahun kemudian pihak hospital telah mengesahkan bahawa beliau sihat dan mampu untuk membuat pembelaan. Setelah kes beliau dipindahkan ke mahkamah tinggi pada bulan September 1967, isu keadaan mental beliau telah sekali lagi ditimbulkan oleh pihak peguam bela.

Ekoran daripada itu, beliau telah dihantar semula ke hospital mental bagi tujuan pemeriksaan. Oleh kerana kesalahan yang dilakukan oleh Encik Ong Nga, adalah kesalahan yang tidak boleh diikat jamin, maka beliau terpaksa ditahan di bawah kuasa Yang di-Pertua Negeri, sementara menunggu sehingga beliau layak membela diri di mahkamah.

Jabatan Peguam Negara dalam perkara ini hanya menerima surat dan laporan. Daripada laporan pelawat serta Pengarah Hospital Sentosa pada 21 Jun 2005. Pada 1 Ogos 2005 Jabatan Peguam Negara telah menulis surat kepada Mahkamah Tinggi Kuching untuk menetapkan tarikh sebutan kes yang aman kemudiannya telah ditetapkan pada 30 September 2005. Peguam Negara kemudiannya memutuskan untuk tidak meneruskan pendakwaan kepada Encik Ong Nga walaupun beliau sudah sihat untuk dibicarakan. Jabatan Peguam Negara telah mengambil tindakan setelah Lembaga Pelawat Bersidang dan suatu laporan dikeluarkan bagi mengesahkan keadaan mental Encik Ong Nga yang mana laporan tersebut telah dikeluarkan pada 21 Jun 2005. Dalam perkara ini Jabatan Peguam Negara hanya boleh mengambil tindakan sewajarnya setelah pihak hospital memaklumkan tentang kedudukan pesakit-pesakit di bawah penyeliaan mereka, iaitu sama ada mereka telah layak dihadapkan ke mahkamah untuk membela diri atau sebaliknya. Ini bukan salah mahkamah, ini kerana hendak mengesahkan kerana *defence* dia itu ialah soal persediaan dan mentalnya untuk membela diri. Jadi ini memang benar berlaku dan itulah jawapannya.

Yang Berhormat bagi Bera juga membangkitkan berkenaan dengan kemalangan jalan raya. Saya, boleh atau tidak minta izin Yang Berhormat Bera supaya saya akan berikan jawapan bertulis, okey? [Sambil memandang ke arah Yang Berhormat bagi Bera]

Kemudian, Yang Berhormat bagi Tanjong. Yang Berhormat bagi Tanjong, saya hendak jawabkah, mana Tanjong? Hendak jawab? Okey.

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]* Jawab, jawab.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat bukan wakil Tanjong, dia bukan wakil Tanjong. Dahulu Tanjong, sekarang Ipoh Timor, kemudian selepas ini

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Mungkin tahun hadapan Tanjong Rambutan tidak tahulah kot! Ya, Tuan Yang di-Pertua, okey saya menjawab,

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk dengan keadaan marah]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya menjawab, ya, ya, ya. Okey, okey, okey...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Teruskan Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Pengerusi ... hah? Ya, saya teruskan, saya teruskan. Maklumat berkenaan dengan isu percanggahan antara undang-undang sivil dengan undang-undang syariah oleh Yang Berhormat bagi Tanjong. Ini memang satu perkara yang memang menjadi masalah kepada kita kerana bagi orang-orang Islam sudah tentu dia juga dikawal oleh undang-undang syariah. Jadi kadangkala memang berlaku.

Di Malaysia sistem undang-undang sivil dan syariah adalah berjalan secara serentak. Mengikut peruntukan Perlembagaan Persekutuan undang-undang sivil adalah terpakai kepada semua orang dan aspek-aspek tertentu undang-undang syariah adalah terpakai kepada orang-orang Islam sahaja. Konflik antara undang-undang sivil dan syariah biasanya berbangkit apabila berlakunya pertukaran agama seseorang dari agama Islam kepada bukan Islam atau di sebaliknya. Konflik yang timbul adalah mengenai bidang kuasa antara Mahkamah Sivil dan juga Mahkamah Syariah.

Bagi mengatasi masalah tersebut kerajaan telah mengambil beberapa langkah seperti yang berikut. Satunya ialah menubuhkan Seksyen Syariah di Jabatan Peguam Negara. Di antara fungsi utamanya ialah untuk mengkaji isu dan konflik yang timbul dan mencadangkan penyelesaiannya kepada kerajaan. Konflik akan diatasi dari semasa ke semasa mengikut masalah yang timbul. Fungsi yang lain ialah untuk memberi nasihat kepada kerajaan mengenai isu-isu yang melibatkan undang-undang syariah termasuklah undang-undang keluarga, perbankan Islam dan urusan muamalat yang lain seperti jenayah Islam, perlembagaan, hak-hak asasi dan undang-undang antarabangsa. Harmonisasi undang-undang sivil dan syarak juga menjadi program utama jangka panjang seksyen ini. Keduanya kita menubuhkan Jawatankuasa Mengkaji Undang-undang Syarak dan Sivil dan Jawatankuasa Teknikal Undang-undang Syarak dan Sivil untuk menyelaras dan menyeragamkan undang-undang Islam negeri-negeri. Jadi ini usaha yang kita lakukan untuk mengatasi konflik yang ada pada ketika ini.

Kemudian, penjelasan mengenai pembaharuan undang-undang berkaitan dengan gangguan seksual dan rogol. Kerajaan sedang dalam proses mengkaji undang-undang ini. Kita tahu iaitu Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan Rakyat mengenai pindaan kepada Kanun Keseksaan dan Kanun Tatacara Jenayah yang dipengerusikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato' Seri Mohd. Radzi bin Sheikh Ahmad telah ditubuhkan untuk mengkaji secara menyeluruh undang-undang yang berkaitan dengan rogol. Pandangan daripada badan-badan bukan kerajaan dan orang awam telah didapatkan dan laporan mengenai perkara ini sedang disediakan oleh jawatankuasa tersebut dan insya-Allah laporan tersebut dijangka akan dikemukakan di Parlimen pada bulan Mac 2006.

Empat kes spesifik daripada Yang Berhormat bagi Tanjong, pertama berkenaan dengan kes yang melibatkan pembunuhan seorang timbalan menteri di Sabah. Kes ini telah selesai dibicarakan di Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu di mana mahkamah

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Apa dia? Apa yang.... [Sambil mengajuk Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan] Biarlah saya jawab dahulu!di Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu di mana mahkamah telah memanggil orang yang dituduh untuk membela diri. Pada akhir perbicaraan, mahkamah telah melepaskan dan membebaskan orang yang dituduh oleh sebab orang yang dituduh telah berjaya menimbulkan keraguan munasabah dalam kes pendakwaan. Di antara sebab-sebab yang mendorong kepada orang yang dituduh dilepaskan adalah keterangan saksi yang didapati telah tidak bercakap benar dan kenyataan pengakuan orang yang dituduh yang dirakamkan di hadapan seorang majistret telah ditolak oleh Yang Arif Hakim perbicaraan, itu kes timbalan menteri.

Kes Norita Shamsuddin, kes ini masih dalam peringkat rayuan di Mahkamah Persekutuan dan adalah tidak wajar untuk kita bincang oleh sebab ia mungkin mempengaruhi perbicaraan rayuan dan keputusan yang akan diberikan kelak. Tambahan lagi ia juga *sub judice* seperti mana yang diperuntukkan dalam perkara 36(2) *Standing Order*. Jadi yang ini tidak boleh komen lagi, yang tadi itu okey, tidak ada lagi.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ini peraturan, kita hendak buat macam manakan? Kes pembunuhan budak dari negara China, kes ini juga masih dalam peringkat rayuan, kita tidak boleh komen di bawah 36(2), Kes rogol dan pembunuhan Farah Deeba Rustam di Perak. Mengenai kes ini kes pembunuhan berkenaan telah selesai dibicarakan dengan keputusan bahawa orang yang dituduh telah dilepas dan dibebaskan akan tetapi kes rogol masih berterusan di Mahkamah Seksyen Teluk Intan. Kes bunuh dilepas, kes rogol masih lagi dalam siasatan.

Tuan Pengerusi, saya rasa itulah sahaja yang saya hendak jawab dan saya ucapkan terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dijemput Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Yang Berhormat Besut.

12.37 tgh.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin]: Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih pada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan telah menyentuh isu-isu yang berkaitan dengan agama Islam. Antara isu-isu yang telah dibangkitkan ialah berkaitan dengan JAKIM, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM), Lembaga Tabung Haji (LTH) dan juga satu jabatan baru iaitu Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji.

Isu yang pertama yang dibangkitkan ialah yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Petra Jaya iaitu bertanyakan usaha JAKIM bagi mempertingkatkan pensijilan Halal di Malaysia. Pensijilan Halal yang dilaksanakan oleh JAKIM adalah berdasarkan kepada MS 1500/2004 iaitu makanan halal, pengeluaran, penyediaan, pengendalian dan penyimpanan, garis panduan umum, semakan pertama.

Keduanya ialah manual prosedur pensijilan Halal Malaysia. Pensijilan Halal antara JAKIM dan juga Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) telah diseragamkan dengan mengguna pakai kedua-dua garis panduan seperti yang saya sebutkan tadi. Selain daripada itu standard Halal Malaysia bagi produk makanan telah disiapkan dan JAKIM sedang menyiapkan standard Halal untuk barang gunaannya iaitu kosmetik. Itu adalah merupakan langkah seterusnya selain daripada standard Halal maka diteruskan juga iaitu menyiapkan standard Halal untuk kosmetik....

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Jasin bangun, Yang Berhormat.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Sila.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya hendak tanya menteri berkenaan dengan logo Halal kita dapati bahawa logo Halal yang digunakan dan dipamerkan di kedai-kedai makan mudah diperolehi. Sebagai contoh kita lihat, R&R di *highway*, pemilik kedai makan, kedai minum bukan milik orang Islam. Tetapi adakah cukup dengan adanya pembantu dia dari Indonesia, dua, tiga orang perempuan sudah membolehkan dia letakkan logo Halal di situ? Begitu juga dengan kedai-kedai yang *so call* mamak ini, yang saya bangkitkan dahulu. Pada hari ini kita lihat, nama jenama mamak. Bismillah dipamer-pamerkan tetapi dahi dia bertanda.

Banyak sedang berlaku di dalam Kuala Lumpur ini yang mana kedai-kedai mamak bukan mamak yang sebenarnya, bukan Islam tetapi oleh kerana sambutan masyarakat terhadap kedai-kedai mamak, mereka mengambil kesempatan. Kita minta supaya JAKIM ambil perhatian supaya logo-logo halal dan mereka yang menipu masyarakat ini tidak bergerak dengan berleluasa. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin yang telah menimbulkan perkara logo halal ini. Sebenarnya proses untuk memberi logo halal melalui proses yang tertentu iaitu mereka hendaklah memohon kepada pihak JAKIM, kemudian pihak JAKIM akan menghantar pegawainya untuk mengenal pasti sama ada memenuhi kehendak-kehendak yang telah ditetapkan oleh pihak JAKIM. Kalau sekiranya berpuas hati dan memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan, maka akan diberi sijil halal dan mereka berhak untuk memakai logo halal. Saya rasa tentang pekerja itu, saya rasa itu perkara lain, boleh misalnya sebuah restoran ataupun warung yang milik bukan orang Islam pun, boleh menggunakan pakai kalau sekiranya menepati persijilan halal JAKIM.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: *[Bangun]*

Tuan Salahuddin bin Ayub: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, ada dua orang bangun. Hendak bagi yang mana satu?

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Yang Berhormat bagi Tangga Batu dululah. Selepas itu Yang Berhormat bagi Kubang Kerian.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tangga Batu, sila.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Menteri. Saya kira amat jelaslah penjelasan Yang Berhormat Menteri. Ada satu perkara yang mungkin memberikan kita sedikit keraguan kepada *outlet* yang menyediakan makanan yang kita pasti prosesnya halal. Kita pasti makanan, bahan-bahannya pun halal. Bahan dan proses tadi terpelihara dan halal dan kita boleh *confirmkan* yang mereka ini halal kerana proses *transparent* tadi dan bahan-bahan yang *transparent* juga.

Tetapi pada masa yang sama, mereka menyediakan minuman yang tidak halal, menjual arak, alkohol umpamanya. Adakah pihak kementerian boleh menyediakan sijil Halal untuk mereka dan digantung di luar pintu mereka. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Terhadap persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Tangga Batu tentang *outlet* yang menyediakan barang-barang yang halal bercampur dengan barang-barang yang bukan halal. Dalam syarat yang telah ditetapkan oleh pihak JAKIM dalam persijilan ataupun standard halalnya iaitu tidak boleh bercampur.

Misalnya katakan sebagai contoh katakan dapur, yang hendak diberi di sebuah hotel, kalau bercampur di antara yang halal dan bukan halal, maka persijilan Halal tidak boleh diberikan kepada dapur tersebut. Jadi misalnya mestilah ianya tidak bercampur. Di

antara syarat yang saya juga boleh sebut di sini ialah ada sekurang-kurangnya dua orang pekerja daripada orang Islam di dapur tersebut.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: Sikit sahaja Yang Berhormat Menteri. Barang makanan ini *confirm* halal tetapi yang tidak halal tadi, minuman yang disediakan di dalam *refrigerator*, di dalam peti ais, minuman sejuk dan sebagainya. Dapurnya itu kita boleh, saya katakan tadi kita yakin halal daripada prosesnya *transparent*, bahan-bahannya *transparent* dan sebagainya. Minuman sahaja yang di dalam kedai itu ada minuman arak, alkohol yang dijual.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Syaratnya ialah tidak boleh bercampur dalam satu tempat.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: Ia memang tidak bercampurlah. Minuman di hadapan, dapurnya bersih. Contohnya macam *Victoria Station* di hotel-hotel umpamanya yang kita tahu 90% daripada pekerjanya adalah orang Islam dan kita pasti prosesnya halal.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Sepanjang yang saya ingat, kalau sekiranya orang Islam bukan menjadi syarat untuk persijilan Halal itu iaitu cara percampuran di antara barang yang halal dengan barang yang tidak halal itu. Kalau diletakkan dalam satu tempat yang menimbulkan keraguan, maka tidak akan diberi semasa pemeriksaan ataupun semasa hendak memberi persijilan Halal oleh pihak JAKIM.

Tuan Salahuddin bin Ayub: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Kubang Kerian.

Tuan Salahuddin bin Ayub: Terima kasih Tuan Pengerusi. Semasa menjawab usul saya dalam sesi lepas, tentang sosej babi, Yang Berhormat Menteri ada menjawab bahawa kementerian ataupun JAKIM hanya ada enam orang pegawai penguatkuasa dan berjanji akan meningkatkan bilangan mereka. Itu janji Yang Berhormat Menteri. Apa yang menjadi masalah sekarang ini Yang Berhormat Menteri, pada 26 September yang lalu, Pengarah Kasih Sdn. Bhd. iaitu penerbit majalah Journal Halal ini telah memberikan suatu kenyataan bahawa hari ini 95% industri halal tempatan dikuasai oleh usahawan yang bukan Islam. Bila saya membangkitkan isu ini, ini tidak bermakna bahawa saya bermaksud orang bukan Islam tidak boleh berniaga produk halal.

Saya tidak hendak kenyataan saya ini disalahertikan ataupun *miss quoted*. Tetapi yang menjadi pertikaianya adalah sejauh manakah kesahihan logo Halal itu, kita yakin ianya memberikan suatu keyakinan dalam diri kita. Kalaupun maknanya pada hari ini kalau bertambah itu, alhamdulillah. Kalau masih enam orang lagi pegawai penguatkuasa ini, maka macam mana kita hendak memastikan bahawa setiap produk ini sah, Bukhari Muslim halalnya. Dari segi keyakinannya begitu. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Sebenarnya pegawai penguatkuasa dilantik daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Maknanya diletakkan kepada JAKIM, sebab masih menggunakan perihal dagangan dan penguatkuasaan adalah di bawah tanggungjawab Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Tetapi saya difahamkan bahawa pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sentiasa memberi kerjasama kalau sekiranya diperlukan oleh JAKIM.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: [Bangun]

Tuan Salahuddin bin Ayub: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada dua yang bangun, ya.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Terima kasih. Sikit sahaja.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Selepas itu.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Rantau Panjang.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Saya ingin membuat penjelasan sedikit tentang kedudukan barang-barang halal dan haram ditempatkan di tempat yang sama. Saya hendak minta penjelasan sedikit bagaimana kedudukan minuman di atas kapal terbang, khususnya MAS? Kapal terbang ini kecil dan sudah tentu tempat hendak letak minuman dan makanan ini terhad. Kita lihat di atas kapal terbang MAS ini, minuman arak dihidangkan kepada mereka yang memerlukannya dan adakah pihak JAKIM telah membuat pemeriksaan di atas kapal terbang MAS itu sama ada minuman arak ini diletakkan di tempat berasingan atau pada tempat kotak yang sama? Terima kasih.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Mungkin kalau sekiranya diragui ataupun disebabkan oleh adanya pengaduan, ataupun untuk persijilan halal yang telah diberi persijilan halal kepada pihak-pihak yang tertentu, jadi bolehkah tidak dari semasa ke semasa pihak JAKIM bahagian halal ini membuat pemeriksaan dan juga mungkin berdasarkan kepada pengaduan, boleh membuat pemeriksaan dari semasa ke semasa kepada pihak-pihak yang telah diberi sijil halal. Jadi dalam kes ini, saya rasa pihak JAKIM berpuas hati dengan apa yang telah berlaku dan tidak ada pengaduan yang telah dibuat, maka saya rasa pemeriksaan itu tidak perlu dibuat.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Sikit lagi, terima kasih. Persoalannya sekarang ini nampaknya JAKIM berpuas hati dengan tidak membuat pemeriksaan. Apakah boleh pihak JAKIM meminta kepada pihak pentadbiran MAS supaya membuat sekali sekala pemeriksaan di atas kapal terbang tersebut bagi memastikan perkara ini tidak berlaku berterusan kerana apa yang disebut tadi, andaian sahaja itu. Saya yakin sehingga hari ini, barangkali pihak JAKIM belum lagi membuat sebarang pemeriksaan di atas kapal terbang MAS untuk membuktikan perkara itu boleh diasingkan di antara itu.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Saya hanya menceritakan bagaimana proses pemeriksaan itu boleh dibuat sama ada dengan cara berkala iaitu dia merasakan bahawa ini sudah lama ataupun perlu dibuat pemeriksaan, dibuat oleh JAKIM. Mungkin kalau ada pengaduan, mungkin kalau Yang Berhormat bagi Rantau Panjang buat pengaduan, boleh kita buat pemeriksaan, maknanya tidak ada masalah. Itu saya kata proses saja, bukan andaian, ini adalah atur cara atau prosedur yang kita lakukan terhadap pemeriksaan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Petra Jaya.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Di atas persoalan yang telah saya bangkitkan dalam perbahasan tempoh hari, saya mengucapkan terima kasih sebab sekurang-kurangnya sekarang ini JAKIM telah bergerak ke hadapan dari segi menyusun manual untuk menyediakan proses dan prosedur bagi persijilan Halal Malaysia. Cuma yang timbul masalah sekarang ialah dari segi persijilan. Adanya persijilan asli, ataupun yang sah dan ada juga yang tidak sah, maknanya ada orang sendiri yang membuat sijil mereka secara tersendiri. Jadi ini yang menimbulkan kekeliruan kepada orang ramai dan menimbulkan keraguan, adakah sijil tadi, sijil sah ataupun tidak.

Jadi bagaimana, setakat ini apakah usaha JAKIM dalam mempromosikan persijilan Halal ini untuk memberi maklumat kepada orang ramai tentang kesahihan sijil yang dikeluarkan dan apakah bentuk-bentuk dan ciri-ciri sijil yang tidak benar, yang tidak sah, sijil yang bercorak penipuan, saya rasalah. Ada juga setengah-setengah penjual meletakkan logo mereka sendiri mengatakan halal. Jadi apakah kuasa yang ada pada JAKIM untuk mengambil tindakan? Mereka tidak memohon melalui persijilan Halal JAKIM tetapi meletakkan logo Halal mereka sendiri, mengatakan mereka menjual secara halal.

Jadi dari segi perundangan, kita akan mengambil perundangan di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sebab tidak mematuhi peruntukan tersebut. Masalah sekarang ialah pemantauan dari segi penggunaan sijil Halal ini. Jadi ini yang menimbulkan keraguan dan ketidakpuasan kepada orang ramai, itu yang pertama. Jadi saya tidak pasti sama ada menteri nanti akan menjawab seterusnya beberapa persoalan yang masih saya bangkitkan.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Ada lagi?

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Tidak ada lagi, terima kasih.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Yang Berhormat Menteri, saya hendak sambung sedikit apa yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Petra Jaya. Setuju tidak kita kalau hari ini, oleh sebab keraguan orang ramai tentang logo Halal, mengapa tidak kita jangan gunakan logo Halal. Lebih baik kita kuatkuasakan yang mana kedai-kedai yang menyediakan pemakanan '*non halal*' itu dipamerkan '*non halal*', yang lain semuanya halal, pasal kita tengok mereka ambil kesempatan berkenaan dengan halal ini. Lebih baik kita kuatkuasakan hanya '*non halal*', jadi yang lain semua halal. Apa pendapat menteri?

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Saya rasa saya pergi kepada apa yang telah disebut oleh Yang Berhormat bagi Petra Jaya tadi iaitu kalau sekiranya timbul penggunaan logo yang palsu, logo yang tidak sebenar. Jadi pihak penguat kuasa boleh mengambil tindakan kerana JAKIM adalah satu-satunya agensi yang diberi tugas untuk mengeluarkan sijil Halal iaitu JAKIM sahaja. Itu telah pun diberi kuasa, yang lain tidak boleh mengeluarkan sijil Halal. Hendak pakai sijil-sijil Halal sendiri tidak boleh, tidak ada *authority* dan bercanggah dengan kuasa yang diberi kepada JAKIM. Tentang pendakwaan itu bolehlah dibuat dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Kita ada kerjasama yang baik dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Saya rasa yang kedua, apa yang telah ditimbulkan....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Yang Berhormat boleh saya mencelah sedikit sebelum Yang Berhormat pergi jauh tentang halal.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Saya hendak jawab yang itu tadi, takut nanti saya tidak ingat, Yang Berhormat bagi Jasin yang telah menimbulkan *non halal* tadi, yang halal tidak payah sebut. Tetapi ini adalah merupakan *optional*, merupakan pilihan sahaja. Maknanya terserah kepada mereka nak pakai logo Halal JAKIM ataupun tidak, tapi hendak pakai logo Halal sendiri tidak boleh. Sama ada tidak pakai ataupun pakai, itu saja respons saya terhadap Yang Berhormat bagi Jasin. Silakan Yang Berhormat bagi Larut.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Saya cuma hendak dapatkan kepastian tambahan, apakah JAKIM melihat kemungkinan ada pihak yang cuba mengeluarkan sijil-sijil palsu semata-mata untuk mengaburi pelanggan-pelanggannya kerana halal ini mendapat satu daya tarikan. Kalau wang pun mereka boleh buat wang palsu dan benda-benda lain, apakah JAKIM melihat kemungkinan perkara ini berlaku dan apakah tindakan JAKIM supaya perkara ini tidak boleh berlaku, walaupun kemungkinan berlaku itu dapat dilakukan.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Kemungkinan itu saya rasa ada, kemungkinan ada dan kalau sekiranya kita dapat maklumat, kita akan menguatkuasakan iaitu kita akan mendakwa mereka kerana menggunakan logo palsu yang telah digunakan oleh mereka sedangkan logo hendaklah melalui persijilan Halal dan diberi logo oleh JAKIM dan juga JAIN, Jabatan Islam Negeri-negeri. Saya rasa saya sambung lagi, ada beberapa perkara lagi mungkin....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Boleh saya tambah sedikit sahaja? Sama ada JAKIM melihat perkara ini, kemungkinan di mana, adakah di hotel-hotel kemungkinan atau di restoran-restoran tertentu. Apakah JAKIM sudah ada *list* yang telah dikenal pasti untuk tindakan-tindakan seterusnya? Terima kasih.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Saya minta maaf, saya tidak ada maklumat *detail* tentang perkara ini, cuma kemungkinan itu tetap ada, kemungkinan tetap ada. Boleh saya sambung dulu, mungkin apa yang hendak ditimbulkan serupa dengan apa yang saya hendak jelaskan.

Tuan Haji Ismail bin Noh: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, dia belum bagi, Yang Berhormat.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Nanti dulu, biar saya jelaskan dulu ustaz, Yang Berhormat bagi Pasir Mas, takut nanti soal apa yang saya hendak sebut juga nanti, sebab belum habis lagi tentang penjelasan, baru dok mukadimah, sudah bertalu-talu soalan, jadi nanti tidak sampai ke penghujung saya, sedangkan soal pun apa yang saya hendak jawab.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Teruskan Yang Berhormat, ya. Ya, ustaz, Yang Berhormat bagi Pasir Mas.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Dato' Menteri, saya ada cuma dua soalan saja, ringkas. Pertama sekali yang berkaitan apa yang ditimbulkan oleh sahabat saya, Yang Berhormat bagi Rantau Panjang sebenar tadi, masalah arak. Saya hendak panjangkan sedikit. Bukan setakat arak ini diasingkan tempat dalam peti sejuk dan sebagainya. Apa yang pengalaman saya iaitu sewaktu saya balik dari Mekah, dari Saudi daripada mengerjakan umrah, tidak silap saya di bulan puasa atau selepas daripada Hari Raya Puasa, sebuah kapal terbang itu terdiri daripada orang yang baru buat umrah. Hanya ada lima, enam orang saja orang Filipina daripada Manila yang balik cuti daripada kerja mereka. Yang malangnya, 99% orang Islam yang baru balik umrah, tiba-tiba MAS menghidangkan arak kepada di atas kapal terbang itu dengan tidak mengambil kira orang Islam yang ada dalam kapal terbang itu.

Apakah kerajaan tidak boleh membuat sesuatu, apa-apa arahan supaya kapal terbang yang balik dari Jeddah ke Kuala Lumpur ini tidak dihidangkan dengan arak, walaupun tidak kepada orang Islam tetapi kepada orang Filipina yang hanya lima, enam orang saja. Saya kira MAS tidak menanggung kerugian dengan tidak menghidangkan arak kerana ada orang Islam daripada negara lain yang bukan dari Malaysia, yang sama-sama dengan saya waktu itu, dia tanya dia kata, "Bagaimana negara kamu?". Dia bukan orang Arab, tetapi dia boleh bercakap Arab, "Bagaimana negara kamu?" Orang baru balik umrah, tiba-tiba ada arak. Rupa paras orang Filipina dengan orang Malaysia ni sama, sama dengan saya, sama dengan sahabat-sahabat kita yang lain. Jadi dia merasakan orang Islam juga, saya kata tidak, ini bukan orang Islam...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, tidak payahlah bercerita peristiwa itu, terus soalnya.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Tidak apa, soalan saya, apa tindakan kerajaan kepada perkara itu atau setidak-tidaknya kita memberhentikan seketika penerbangan yang baru balik dari Jeddah.

Yang keduanya, sempena hari raya, sedikit sahaja, daging daripada Malaysia pasti tidak cukup, kita perlu kepada daging import dan saya dengar semalam salah seorang daripada menteri menerangkan dalam televisyen bahawa daging akan diimport dari Argentina, China, Amerika dan daging-daging lembu yang disembelih yang dikira proses halalnya. Tetapi saya sendirilah dan sebahagian besar daripada umat Islam merasa ragu. Kalau negara Islam seperti Malaysia ini pun timbul keraguan tentang masalah halal dan haram ini, bagaimana daging yang datang dari Argentina yang 100% negara mereka Kristian.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat

Tuan Haji Ismail bin Noh: Satu lagi, bukan ini. Saya sewaktu belajar di negeri Arab dahulu..

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Tidak, saya cerita ini betul, saya pergi tempat *shopping* ini...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat, jangan ceritalah Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Saya beli ikan, saya tengok di kotak ikan ini ditulis [*Menyebut dalam bahasa Arab*], ikan ini disembelih dengan cara Islam, itu negara sudah Islam. Jadi bagaimana dengan lembu yang kita bawa dari luar sana, dari Argentina dan sebagainya dan sejauh mana pemantauannya yang boleh dibuat oleh kerajaan dan oleh JAKIM, sepanjang penyembelihan mereka. Saya bimbang takut-takut dari segi penyembelihannya, sekali kita pergi elok, dua, kali, tiga kali...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ikan itu disembelih macam mana?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat bagi Jerai, cukuplah.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Itulah Yang Berhormat bagi Jerai, kalau negara Arab boleh berlaku....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Pasir Mas, cukuplah.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Saya rasa yang diberi ialah MAS tadi kepada dapur dia, kepada makanan dia, bukan kepada kapal terbang itu seluruhnya halal. Jadi tentang arak itu kita tidak termasuk, kita beri tentang makanan itu sahaja. Dari segi perniagaan, saya rasa kalau asas perniagaannya dari segi majoritinya adalah merupakan perniagaan yang halal, tetapi ada sebahagian kecil yang tidak halal, itu mungkin juga boleh dianggap halal dari segi perniagaan, tetapi yang tidak halal itu ditazkiah, itu biasa dalam perniagaan sekarang itu, sebab itu ia ada panel syariah.

Jadi kita tengok berapa *percent* operasi itu yang tidak halal. Jadi tidak bolehlah kalau hendak halal semuanya, nanti susah. Hendak pergi *supermarket* ada sebahagian yang tidak halal misalnya, tetapi kalau operasi keseluruhannya, majoritinya halal, boleh diberi *title* halal. Macam MAS juga, operasinya ialah untuk mengangkut penumpang-penumpang, itu tidak ada masalah, tetapi makanan juga halal, sebahagian besarnya, cuma ada arak sedikit. Itu kalau dari segi Islamnya dibolehkan, kalau sekarang ini dalam perdagangan dibolehkan kerana dikatakan ada penyucian apabila bahagian yang kotor itu dibuat penyucian. Itu saya rasa Yang Berhormat bagi Pasir Mas sangat arif tentang perkara ini.

Tuan Haji Ismail bin Noh: [*Bangun*]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat, sambung sebelah petang. Cukuplah Yang Berhormat bagi Pasir Mas. Dewan bersidang semula sebagai majlis mesyuarat.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Okeylah.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Sudah habis.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidak, saya hendak tanya pasal ikan disembelih ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini ditempokkan hingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri sila sambung jawapan.

2.33 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin]:

Terima kasih Tuan Pengerusi. Ada isu yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Pasir Mas tadi iaitu keperluan daging lembu pada Hari Raya Aidilfitri yang telah ditimbulkan ini saya rasa perlu diperjelaskan. Saya difahamkan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bahawa daging lembu mencukupi pada Hari Raya ini tidak ada masalah.

Walaupun dari segi rumah sembelih di Australia ada masalah iaitu daripada 50 buah rumah sembelih lembu dan juga biri-biri diperiksa di Australia hanya 17 buah rumah sembelih biri-biri sahaja diluluskan dan satu buah rumah sembelih lumbu diluluskan. Jadi sebab itulah ditimbulkan tadi oleh Yang Berhormat Pasir Mas bahawa kementerian ataupun kerajaan telah mencari sumber lain iaitu di Argentina dan juga di China dan juga lain-lain untuk mendapat bekalan daging lembu.

Tentang kesahihan halal itu kita sangat berhati-hati, sangat cermat. Sebagaimana yang kita tidak luluskan di Australia itu kerana *problemnya* ialah lembu diketuk ataupun kejutan elektrik di kepala (*stunning*). Kemudian selepas enam *second* disembelih, lepas 20 *second*, kemudian ditikam untuk mengeluarkan darah dengan segera. Jadi kita tidak boleh luluskan. Jadi kita cari tempat yang lebih selamat dari segi hukumnya. Jadi kita dapati bahawa di Argentina dan juga di China mereka dengan kerjasama badan-badan Islam di negeri-negeri tersebut sebagai wakil JAKIM dan kita telah berpuas hati dengan tugas mereka. Maka akan dibenarkan menggunakan halal kita kerana mereka telah menggunakan standard halal Malaysia.

Selain daripada itu, saya terus lagi kepada penjelasan terhadap yang pertama daripada Petra Jaya iaitu usaha JAKIM untuk meningkatkan persijilan Halal iaitu JAKIM juga telah memperkenalkan permohonan persijilan secara *online* melalui sistem e-halal. Jadi ini juga telah mendapat sambutan yang baik. Lebih kurang 40% saya difahamkan telah memohon melalui e-halal ini. Seterusnya ialah sijil halal JAKIM juga mempunyai ciri-ciri keselamatan dan logo Halal JAKIM juga telah didaftarkan di bawah Akta Cap Dagangan di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna iaitu di bawah Akta Perihal Dagangan 1972.

Yang Berhormat bagi Petra Jaya juga telah membangkitkan sejauh mana persijilan JAKIM diterima di seluruh dunia. Standard Halal Malaysia iaitu MS 1500-2004 telah dibentangkan di Persidangan Negara-negara Islam OIC dan dalam persidangan itu pihak Malaysia telah meminta supaya standard Halal Malaysia ini mendapat pengiktirafan di OIC. Tetapi mereka telah meminta supaya dibawa kepada *Majmail Fiqil Islami* iaitu ada lagi satu jawatankuasa (*committee*) untuk melihat sendiri dan alhamdulillah, maklum balas daripada *Majmail Fiqil Islami* ini daripada OIC telah kita terima dan kita akan cuba menyemak semula terhadap persijilan Halal kita, jadi tidaklah begitu banyak saya difahamkan. Setelah itu kita akan cuba memperkenalkan di peringkat OIC dan peringkat antarabangsa.

Tentang senarai hotel yang mendapat sijil Halal yang juga telah ditimbulkan oleh Petra Jaya. JAKIM memberi pengesahan halal sebagaimana yang telah saya sebutkan tadi bagi dapur hotel sahaja dan bukannya kepada keseluruhan hotel. Dapur tersebut mestilah berasingan daripada dapur yang tidak halal dan tidak boleh berlaku percampuran antara kedua-duanya. Dapur tersebut juga mestilah mempunyai sekurang-kurangnya dua orang tukang masak Muslim. Jumlah hotel yang telah mendapat persijilan Halal JAKIM dan juga JAIN (negeri-negeri) ialah sebanyak 94 buah dapur di hotel-hotel. Dan juga saya sarankan kepada semua agensi kerajaan yang ingin membuat program di hotel-hotel supaya meminta sijil Halal daripada hotel-hotel berkenaan. Yang tidak dapat sijil Halal itu tidak usahlah membuat aktiviti.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman: [Bangun]

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Saya rasa itu juga boleh menggalakkan sebab sijil Halal ini adalah merupakan *optional* sahaja, merupakan pilihan sahaja. Ya.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak tanya berhubung dengan sijil logo ataupun lambang sijil

Halal antara JAKIM dengan JAIN. Apakah ada perbezaan? Kadang-kadang kita lihat barangan di pasaran sebelum ini memang banyaklah terdapat logo-logo yang bermacam-macam tentang sijil Halal. Tetapi setelah distandardkan oleh JAKIM, maka perlu hanya ada satu sijil Halal sahaja atau lambang Halal sahaja di barangan yang digunakan oleh orang Islam. Tetapi sekarang timbul masalah tentang JAKIM dengan JAIN. Adakah ada apa-apa perbezaan dari segi logo ini. Terima kasih.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Dari segi logonya sama, cuma kod sahaja di dalam itu menurut negeri-negeri sebagaimana kita katakan Kelantan menggunakan D di dalam itu dan ini telah pun diusahakan oleh pihak JAKIM supaya JAKIM sahaja mengeluarkan. Kita sedang berusaha. Kita meminta penjelasan dan mesyuarat kali pertama saya pernah mempengerusikannya kita minta daripada Majlis Jabatan Agama supaya hanya menyerahkan kepada JAKIM sebab kita akan pergi lebih jauh lagi iaitu di peringkat antarabangsa.

Jadi harapnya pihak JAIN akan memberi kuasa itu kepada JAKIM. Kemudian senarai hotel yang mendapat sijil Halal telah pun saya sebut. Kemudian jumlah syarikat yang telah mendapat sijil Halal JAKIM sebanyak 1,732 syarikat telah mendapat sijil Halal JAKIM iaitu daripada tahun 2003 sehingga 2005. Jadi ini saya difahamkan tidak termasuk apa yang diberi oleh JAIN, jadi sekarang ini ada kuasa juga pada JAIN, iaitu Jabatan Agama Islam Negeri-negeri.

Tuan Pengerusi, saya terus lagi kepada apa yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Petra Jaya iaitu pemantauan terhadap undang-undang yang telah diseragamkan, setakat ini banyak negeri yang telah menerima undang-undang yang telah diseragamkan. JAKIM sentiasa mendapat maklum balas terkini tentang kedudukan undang-undang Islam yang telah diseragamkan ini, sebagaimana yang kita telah mengetahui hampir keseluruhan telah pun meluluskan dan telah pun menguatkuasakan,ewartakan kecuali ada beberapa negeri sahajalah, sebagaimana kita ketahui iaitu Kedah, Pahang dan Terengganu ada dalam undang-undang keluarga belum lagi, yang lain boleh dikatakan dah empat dan kita pun hampir juga di peringkat akta. Di Wilayah-wilayah Persekutuan kita juga telah hampir kepada apa yang dikehendaki, iaitu lima rang undang-undang itu untuk menjadi akta.

Seterusnya ialah terhadap persoalan pengeluaran jurnal hukum laporan tidak setanding dengan laporan kes-kes di mahkamah sivil, jurnal hukum tiada edaran meluas, adalah sewajarnya ramai yang mendapat manfaat, itu telah juga ditimbulkan oleh Petrajaya. Sebenarnya jurnal hukum pada mulanya diterbitkan oleh JAKIM sekarang ini diambil alih ataupun diterbitkan pula oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. Pengisian jurnal hukum adalah tertumpu pada kes-kes di Mahkamah Tinggi Syariah dan juga Mahkamah Rayuan Syariah dan juga penulisan-penulisan ilmiah yang berkaitan dengan kehakiman syariah.

Jurnal hukum diterbitkan bukan atas dasar keuntungan, tetapi untuk penyebaran ilmu, jurnal hukum hanya diterbitkan dua, empat kali setahun. Edaran jurnal hukum adalah melalui surat makluman dan borang langganan yang diedarkan kepada firma-firma guaman, institusi pengajian tinggi yang mempunyai bidang pengajian Islam, Jabatan Agama Islam seluruh Malaysia, perpustakaan IPTA dan Mahkamah Syariah negeri-negeri, mana-mana pihak juga boleh melanggan terus ke JKSM.

Terhadap persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat daripada Sri Gading tentang aliran Jangan Ikut Tuhan (JIT) telah mula menular di kalangan anak-anak muda, beliau mencadangkan supaya JAKIM memberi tindakan serius bagi menangani masalah ini dan keluar dalam surat khabar pun cukup mendapat liputan yang baik, dan ini memberi semangat kepada kita untuk mengambil tindakanlah terhadap ajaran sesat, cuma melalui proseslah. Sekarang ini saya difahamkan pihak JAKIM berada di peringkat panel akidah dah nak pergi kepada memfatwakan, pergi kepada muzakarah fatwa dimasukkan, boleh difatwakan dan akan dimasukkan ajaran sesat. Ini sangat sesatlah maknanya itu yang perlu dibanteras.

Jadi kita ucapkan terima kasihlah kepada Sri Gading kerana sangat prihatin dengan perkara yang bersangkutan dengan muda-mudi kita. Terhadap persoalan yang ditimbulkan oleh Jerai iaitu mengapa garis panduan....

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri saya tidak bercanggah pandangan dengan Yang Berhormat dan sudah tentu menyokong pandangan Sri Gading semalam, tetapi jawapan bahawa proses untuk membawa ke majlis fatwa untuk mengeluarkan fatwa, tetapi rasa saya apa yang disebutkan dan dilaporkan dalam majalah Mestika itu adalah perkara yang jelas, takkan memerlukan fatwa bagi satu kumpulan orang Islam yang mengata Tuhan mati atau menolak agama dengan terbuka. Jadi rasanya ruang lingkup fatwa ini adalah kepada penyelewengan-penyelewengan yang pada *prima facienya*, pada dasarnya mungkin diragui sebenarnya, di mana kedudukannya tetapi dalam kes seperti ini saya rasa ianya tidak perlu menunggu kepada fatwa yang baru sebab menentang Allah dan mengatakan Tuhan tak ada, itu sudah tentu jelas bercanggah dengan Islam dan oleh itu rasanya jabatan agama perlu bertindak dengan segera tanpa melalui proses fatwa, terima kasih.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Sebenarnya apa yang saya maksudkan itu kalau sekiranya ada kes, ada kes-kes seperti ini kita kena memastikan dahulu. Jangan apabila disiarkan dalam majalah terus memfatwakan - tidak. Orang kata dari segi teorinya betul, dari segi di mana letaknya kena ada makna kertas tentang ini, kemudian selepas itu apabila difatwakan dari segi kuat kuasa, dikategorikan di bawah ajaran sesat itu boleh diambil tindakan. Di bawah peruntukan-peruntukan lain boleh diambilkan, di mana-mana pun saya rasa boleh, makna dengan undang-undang yang sedia ada pihak berkuasa tempatan dan lain-lain lagi sebagaimana kes Ayah Pin katakan.

Jadi enakmen sebagaimana kita ketahui, Enakmen Pentadbiran Agama Islam itu untuk menghadapinya tidak begitu bertenaga, maka penguasa tempatan telah mengambil iaitu, "kerajaan langit" itu dirobohkan walaupun dia mendakwa itu soal lainlah, tetapi yang pentingnya tempat, *centre* sebagai pusat perkembangan ajaran agama langit itu telah pun dirobohkan telah menjadi musnah semuanya.

Jadi di bawah peruntukan penguasa tempatan, jadi saya rasa boleh diambil tindakan. Jadi secara kolektif banyak pihak sebab menghapus kemungkaran itu bukan satu pihak sahaja, banyak pihak boleh bekerjasama. Saya rasa saya boleh teruskan, terhadap garis panduan tentang persembahan hiburan yang dikeluarkan oleh pihak JAKIM, yang akan dikeluarkan oleh pihak JAKIM itu tidak diwajibkan kepada pihak-pihak yang terlibat itu.

Saya suka mengatakan bahawa JAKIM telah mengikut suatu pendekatan iaitu pendekatan mengeluarkan garis panduan sebagai nasihat, sebagai tunjuk ajar, sebagai petunjuk kepada pihak-pihak yang tertentu, sekarang ini pun banyak JAKIM mengeluarkan garis panduan.

Garis panduan bukan undang-undang, bukan untuk dikuatkuasakan jadi untuk garis panduan. Jadi nasihat yang baik memberi garis-garis tertentu bagaimana dalam hiburan. Walau bagaimanapun kita akan perincian, perincian lagi untuk mendengar pandangan banyak pihak, selepas itu kita akan keluarkan, sekarang belum lagi dikeluarkan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Minta sedikit penjelasan Yang Berhormat Menteri, Tuan Pengerusi. Memang saya berpuas hati dengan jawapan tersebut, iaitu JAKIM telah membuat kaji selidik dari segi aturcara kita membuat persembahan, dan ini mungkin dari segi kehendak memang Islam dan hiburan ini boleh, dia tak larang orang nak seronok, nak hiburan-hiburan tetapi kena ada garis panduan dia. Jadi kalaulah garis panduan ini telah dikeluarkan oleh pihak JAKIM, apakah pihak Kementerian Yang Berhormat tidak boleh? Walaupun kita tidak boleh memaksa tetapi mengesyorkan kepada program-program hiburan dan juga lain-lain program supaya mengikut garis panduan yang ditetapkan, dan permit-permit untuk hiburan-hiburan tertentu tidak akan dikeluarkan. Kalau tidak mengikut peraturan-peraturan yang telah diadakan oleh pihak JAKIM seperti sekarang inilah, kalau dia hendak buat show dia kena minta permit daripada polis dari segi keselamatan dan sebagainya. Tetapi dari segi persembahan untuk khalayak ramai harus

mendapat kelulusan daripada pihak polis dan juga peraturan-peraturan daripada pihak JAKIM. Terima kasih.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Apabila kita selesai menyemak dan memperhalusi garis panduan ini, maka kita akan edarkan dan kita akan usaha untuk mendapat kerjasama daripada banyak pihak, dan sekarang ini iaitu daripada warisan, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan juga dia kata perlulah disegerakan sebab apa kita hendak melihat garis panduan, bagaimana nasihat yang sewajarnya yang perlu diikuti. Jadi kita akan sebar luaskan supaya menjadi ikutan bagi agensi-agensi yang terlibat, yang mempunyai kuasa dalam bidang hiburan ini.

Seterusnya saya akan memberi jawapan terhadap isu yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat daripada Rantau Panjang.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Saya ada sedikit.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Hiburan juga? “Ikan” tak payah jawab. “Ikan” tidak payah sembelih ustaz.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Bukan, berkaitan dengan hiburan.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Kecuali saya belajar dulu di Azhar kalau ikan besar itu sunat sahaja, kalau ikan besar. Saya belajar juga, jadi tak adalah maknanya sembelih kecil-kecil – tak payah.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Tak, tak payah.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Itu selesai ya, soal “ikan” selesai. Ok, sila.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak mengulangi apa yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi tentang tindakan segera ataupun tidak segera kepada mereka yang menghina agama. Jadi, saya cadanglah, saya bagi cadangan bahawa perkara-perkara yang *basic* macam itu, Tuhan mati, tidak wajib sembahyang ini di dalam istilah kaedah usul fekah. *[Membaca sepotong ayat al-Quran]*

Yang Berhormat Menteri pun faham benda ini, maknanya benda ini benda *basic* sangat ataupun dalam bentuk istihzad, memperkecil-kecil dengan agama. Tuhan mati, Tuhan nyanyuk, Tuhan sakit, benda ini tidak semestinya menjadi fatwa. Kita pegang dia dahulu, kita tahan dia dahulu kemudian kita *bleach* dia, kita basuh dia.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Baik.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Satu, yang kedua ada sedikit lagi.....

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Dua lagi? Saya kata sedikit.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Tentang dasar hiburan, saya rasa kita boleh kompromi dengan Kerajaan Negeri Kelantan. Kita boleh kompromi, benda-benda yang baik kita boleh kompromi, betul atau tidak, tidak jadi masalah.

Beberapa Ahli: *[Bersorak] [Menyampuk]*

Tuan Haji Ismail bin Noh: Kerana negeri Kelantan sudah berjaya baru-baru ini. Ya atau tidak. Apalagi dalam suasana hari raya ini hendak sambut hari raya kita pun setuju dengan apa yang dilakukan dengan TV kita, tinggal lagi bagaimana caranya. Kita hendak hiburan, dalam Islam pun ada hiburannya, tinggal lagi kalau kita ambil yang kerajaan negeri buat baru-baru ini dan berjaya alhamdulillah dipuji oleh semua pihak. Jadi, apa pandangan, Yang Berhormat Menteri?

Tuan Pengerusi: Baik, sila menteri.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Tetapi sebelum jawab itu tidak masuk Tuhan mencarut, tidak masuk ya?

Beberapa Ahli: *[Bersorak]*

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Tidak masuklah? Maknanya Tuhan mencarut tidak masuklah? Okey.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Jawab kepada apa yang saya tanya tadilah. *[Ketawa]*

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Tidak, akhirlah. Ini betul maknanya menghina Tuhan juga mencarut kan?

Tuan Pengerusi: Baik, sudah.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Jadi soal, saya sudah jelaskan dalam jawapan saya tadi maknanya bukanlah cara apabila didedahkan terus mengambil tindakan tidak tahu, kita kena kenal pasti siapa, golongan mana? Kita pun tahu menurut Islam pun maknanya, *[Membaca keratan ayat al-Quran]* maknanya apabila dapat berita mesti pastikan kebenaran dia itulah *research* yang hendak dibuat oleh itunya, maknanya dia pergi dahulu hendak tahu berapa jumlah dan apa pandangan dan kita akan ambil tindakan.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Saya rasa Yang Berhormat Menteri ada beberapa yang perlu saya perbetulkan, *[Membaca keratan ayat al-Quran]* sekiranya orang fasiq datang, apakah kita boleh menuduh mereka itu fasiq, mengeluarkan kenyataan surat khabar fasiq, majalah fasiq, yang menyiarkan berita-berita sedemikian sehingga kita ragu kepada kebenaran dia, saya rasa tidak betul itu.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Tidak maksud dia.....

Tuan Haji Ismail bin Noh: Ayat yang Yang Berhormat Menteri baca tadi, *[Membaca keratan ayat al-Quran]* ada awalnya, *[Membaca keratan ayat al-Quran]* sekiranya kamu didatangi oleh golongan yang fasiq apakah akhbar, majalah yang begitu banyak, yang menerangkan benda sebenar, hakikat sebenar, yang mereka memainkan bahawa Tuhan mati ini fasiq, saya rasa tidak betul tempat tidak kena, ayat itu betul tetapi tempat tidak kena.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Tidak apalah saya tidak mahu berhujah tentang agama di sini, maknanya Yang Berhormat bagi Pasir Mas pun belajar agama, saya pun belajar agama juga lama juga maknanya itu tetapi persoalannya.....

Tuan Haji Ismail bin Noh: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Sudah Yang Berhormat, Yang Berhormat sudah.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Nanti dahulu, nantilah saya bercakap dahulu.

Tuan Pengerusi: Duduk, duduk. Duduk Yang Berhormat.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Tidak akanlah belum habis lagi saya beri peluang, ihsan saya sahaja itu.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat duduk.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Saya beri peluang untuk berbahas.....

Tuan Haji Ismail bin Noh: Saya hendak minta maaf, saya hendak tarik.....

Tuan Pengerusi: Sekejap dahulu, sekejap dahulu.

Tuan Haji Ismail bin Noh: *[Membaca keratan ayat al-Quran]*

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Ini *floor* saya.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Dengan segala hormatnya....

Tuan Pengerusi: Sila duduk.

Tuan Haji Ismail bin Noh: ...saya menyebut bahawa tadi saya perbetulkan bukan saya hendak apa-apa tidak.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: *[Menyampuk]*

Tuan Haji Ismail bin Noh: *[Membaca keratan ayat Al-Quran]*

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Dia bagus, dia belajar agama jugalah maknanya itu. Jadi persoalannya kita bukan kata maknanya tidak sensitif, tidak marah orang yang menghina Tuhan itu, itu tidak boleh sebut, semua kita akan marah. Yang Berhormat bagi Sri Gading akan terus melenting, persoalan ini Yang Berhormat bagi Sri Gading yang timbulkan. Tetapi soalnya kena tahu siapa dianya? Berapa jumlah dia? Kemudian ramaikah tidak?

Maknanya itu soalnya di mana berlaku? Bukan soal fasiq, tidak fasiq maknanya ini soalnya kena perlu dengan jelas takut nanti dihebohkan sahaja, maknanya tidak tahu ke mana, jadi itu adalah perkara yang mesti sebab hendak ambil tindakan undang-undang perlu kepastian. Saya rasa kita boleh setujuhlah, ya? Bulan Ramadhan ini tidak perlu gaduh, ya? Saya teruskan Tuan Pengerusi, terhadap persoalan daripada Yang Berhormat bagi Rantau Panjang. Banyak, semua ini daripada PAS. Maknanya bagus ini saya respons perkara-perkara baik ini, soalan-soalan. Pegawai yang bertugas di JAKIM, dari segi perkhidmatan Pegawai Tadbir dan Diplomatik dan Pegawai Hal Ehwal Islam. Dia hendak tahu berapa jumlah dia? Skim Perkhidmatan PTD di JAKIM termasuk dalam guna sama iaitu dalam negeri-negeri juga adalah sebanyak 20% sahaja PTD dan Skim Pegawai Hal Ehwal Islam termasuk kumpulan sokongan sebanyak 80% jadi 20/80.

Untuk *detailnya* ialah Skim PTD daripada M41 sehingga Jusa C, 30 orang dan selain daripada itu Skim Hal Ehwal Islam daripada Jusa B, 987 orang. Itu angka yang dikeluarkan oleh JAKIM. Kemudian terhadap persoalan kehadiran pegawai JAKIM Timur Tengah untuk mempengaruhi pelajar supaya menyokong UMNO. Ini sebenarnya apabila saya dilantik sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri, saya difahamkan hanya sekali sahaja saya pergi JAKIM, saya bawa dia. Itu pun bukan hendak kempen pelajar. Hendak pergi tanya Sheikh Azhar kemudian hendak tanya Mufti Addiyar Al-Masriyah iaitu Ahli Gummah kemudian hendak pergi tanya Menteri Wakaf Mesir tentang Islam Hadhari ini, orang dok heboh sangat. Saya dok kata PAS heboh sangat tidak mahu terima pendekatan Islam Hadhari ini. Jadi, bukan hendak pergi kempen pelajar, saya tidak pergi, bawa pegawai JAKIM, Ketua Pengarah JAKIM saya bawa dan saya difahamkan tidak ada, JAKIM tidak.

Tetapi pada hari yang sama juga, masa hendak balik rombongan daripada Kelantan ada, makna rombongan daripada Kelantan yang pergi kempen pelajar-pelajar sana, ada. Jadi, itu menunjukkan....

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: *[Bangun]*

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Jadi...

Beberapa Ahli: *[Menyampuk] [Bersorak]*

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Minta jalan sedikit sahaja, hendak respons bagus ini. Barangkali rombongan Kelantan ini termasuk Datuk Mustapha Taib daripada Kelantan, oleh yang itu maksudnya..

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Ada Hussam, Hussam dan juga Tuan Ibrahim jumpa saya, Tuan Ibrahim murid saya di universiti dahulu dia tegur saya.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Ya, tidak apalah.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Jadi, terhadap Timur Tengah ini saya rasa tidak apalah, tidak ada. Saya pergi sekali sahaja dan JAKIM pun pergi sekali sahaja, yang pergi kerap itu bukan JAKIM, saya tidak tahulah siapa pergi.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Yang pergi kerap itu PAS.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Yang Berhormat bagi Rantau Panjang juga telah menyebut peruntukan pembinaan sekolah agama yang semakin menurun setiap tahun, ini yang ditimbulkan dan juga terhadap persoalan kenapa tidak diteruskan bantuan

kepada SAR, Sekolah Agama Rakyat. Pembinaan sekolah agama negeri adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri melalui Jabatan Agama Islam Negeri.

Sekolah-sekolah Agama Rakyat dibina oleh orang perseorangan, badan-badan kebajikan dan kumpulan tokoh-tokoh agama. JAKIM bertanggungjawab membina Sekolah Agama Wilayah Persekutuan sahaja, sekolah agama rendah. Peruntukan JAKIM sebanyak RM2 juta, maknanya mungkin sedikit makna kalau hendak dikiranya tetapi ditampung oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan RM3 juta. Jadi RM5 juta dibelanjakan untuk pembinaan sekolah-sekolah agama yang saya sempat melawat dua, tiga perasmian, sangat bagus dari segi prasarananya dan dari segi tempatnya, yang saya rasa cukup baiklah kalau dibanding dengan tempat-tempat lain.

Selain daripada itu terhadap persoalan kenapa tidak diteruskan bantuan kepada SAR, Sekolah Agama Rakyat. Bantuan kepada SAR ditangguhkan sehingga menunggu laporan Suruhanjaya Tan Sri Murad. Maknanya ditangguhkan, sekarang ini tidak berjalanlah. Jadi apabila tengok nantilah laporan suruhanjaya itu bagaimana cadangan-cadangan yang dikemukakan nanti.

Seterusnya saya beralih kepada Yang Berhormat bagi Tanah Merah, isu penyelenggaraan tanah perkuburan Islam. Isu penyelenggaraan tanah perkuburan Islam terletak di bawah bidang kuasa kerajaan tempatan dan biasanya kerajaan tempatan akan memberi peruntukan kepada Jabatan Agama Islam Negeri untuk menguruskan tanah perkuburan tersebut. Terhadap persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Kepong, tidak ada dia saya rasa tidak payah jawablah, tidak ada.

Tuan Pengerusi: Boleh jawab juga.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Boleh jawab juga?

Tuan Pengerusi: Ya, boleh.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Tafsiran ayat daripada Surah At-Taubah, Al-Haj, Al-Israq dan Al-Mahidah mengenai seruan untuk mengerjakan ibadah, itu persoalan yang ditimbulkan. Jadi saya menasihatkan sebab kalau hendak jawabnya panjang persoalan ini.

Saya menasihatkan Yang Berhormat bagi Kepong, yang saya rasa saya kagum dengan beliau, sanggup menimba ilmu daripada Al-Quran, terjemahan Al-Quran pimpinan Ar-Rahman, dia mana-mana pun dia bawa, dan dia jumpa saya, apakah ini terjemahan yang paling baik. Saya perakui ini di antara yang terbaik, terjemahannya mudah difahami. Jadi saya berharap untuk mendapat tafsiran ini, ayat-ayat ini saya rasa bolehlah Yang Berhormat dari Kepong belajar daripada orang-orang yang arif. Banyak orang-orang yang arif tentang Al-Quran ini. Saya rasa saya tak jawab di sini kerana terlalu panjang nak terangkan tentang hal ini.

Isu yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Larut beberapa persoalan tentang Tabung Haji, berapa kuota haji yang telah diluluskan pada tahun ini oleh kerajaan Saudi. Kuota rasmi haji pada tahun ini ialah seramai 26 ribu jemaah iaitu memakai kuota yang telah diperuntukkan oleh OIC iaitu bukan Kerajaan Saudi yang memperuntukkan, tapi negara-negara Islam yang telah memperuntukkan supaya tidak berlonggok di satu tempat di musim haji sebab kesanggupan kerajaan Saudi hanya di sekitar 3 juta orang sahaja. Terutama di Mina. Sangat sempit, sangat terbatas. Jadi, dia tetapkan bahawa kita mendapat 26 ribu, 26 ribu kuota rasmi kita dan ini yang kita telah lakukan.

Soalan yang kedua, berapa kerugian daripada penempahan awal bangunan dan juga penerbangan. Tiada apa-apa kerugian kerana tiada apa-apa tempahan rasmi. Jadi tak ada apalah. Kita tidak ada tempahan rasmi berdasarkan kepada kuota tadi. Ini satu isu yang hangat iaitu CEO Tabung Haji perlu dilantik daripada ulamak. Saya tak tahulah maknanya, apa pengertian ulamak. Semalam pun Yang Berhormat bagi Pasir Puteh juga telah menambah ulamak dan umarak. Tetapi sebenarnya, bagi saya kalau pengertian ulamak itu dengan pengertian sekarang iaitu pengertiannya agak terbatas iaitu ulamak biasanya dengan pengertian tok guru atau tuan guru ataupun ustaz. Biasa ini.

Tapi kalau dulu, memang betul. Kalau dulu disebut ulamak sebagaimana disebut dalam Hadis [*Membaca sepotong hadis*]. Sebab tak boleh nak baca sikit-sikit, nanti Pasir Mas akan tegur saya. Saya sebut jugalah ayat Al-Quran dengan tepat. Saya nak ringkaskan sahaja. Ulamak itu adalah pewaris para nabi. Pewaris para nabi - nabi Rasulullah adalah mempunyai kuasa dan mempunyai keilmuan dalam bidang Islam. Jadi dia mewaris dua-dua. Itu yang berlaku dalam sejarah awal maknanya, Abu Bakar, Umar, Usman dan sebagainya.

Tapi selepas itu muncul pada zaman penjajahan dua sistem pendidikan. Dualisme dalam pendidikan. Ada ini sekolah agama, ada ini sekolah akademik. Sebagaimana kita ketahuilah. Sebab itu apabila sebut ulamak ini yang alim dalam bidang hukum hakam, boleh baca kitab Arab. Kalau sebut Ilmuan mungkin dalam bidang lain. Tapi, kadang-kadang ulamak boleh berkumpul dengan cendekiawan/ilmuan, boleh. Jadi, berdasar itu, kalau ulamak dalam pengertian itu, yang luas sebegitu, saya setuju. Kalau dengan pengertian yang sempit, saya rasa kena, kaji dululah.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Sikit, sikit ya. Barangkali apa yang dimaksudkan oleh sahabat saya ini oleh kerana kedudukan Tabung Haji sekarang diragui oleh sebahagian besar di kalangan rakyat sekarang ini. Dengan demikian, timbul persoalan kalau boleh di kalangan ulamak ini maksudnya orang-orang yang beriman. Itu maksudnya. Orang belajar agama dan amanah. Kalau belajar agama tak amanah pun tak jadi juga. Itu maksudnya. Saya rasa kalau tak belajar agama pun kalau dia amanah boleh tahan sikit. Tapi oleh kerana kebimbangan, penabung-penabung haji sekarang bimbang sekarang ini. Rakyat bimbang terhadap apa yang berlaku Tabung Haji sekarang ini iaitu kebimbangan yang berlaku ini. Itu maksudnya.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Tapi masih tak jelas juga penjelasan daripada Rantau Panjang. Maknanya belajar agama iaitu masih dalam kumpulan. Kalau sekarang ini ustaz. Kalau ustaz, betullah kadang-kadang ustaz tak amanah. Ada. Kadang-kadang kebanyakannya amanahlah saya rasa. [*Ketawa*] Maknanya yang dimaksudkan tadi ulamak dengan pengertian seorang yang mempunyai keilmuan yang tinggi dalam pelbagai bidang selain daripada ilmu agama, ilmu pengurusan, ilmu pelaburan dan sebagainya. Saya setuju kalau dengan pengertian yang luas begitu. Jadi saya rasa, kita boleh setuju kalau ulamak dengan pengertian dulu, bukan ulamak dengan pengertian sekarang yang biasa dengan pengertian tok guru ataupun dengan pengertian ustaz itu.

Tapi kalau ustaz *plus, plus*, ataupun campur, campur, boleh juga. Maknanya lebih sikitlah. Dia sekarang ini dengan diperkenalkan dalam Islam Hadhari ini, pengajian di universiti adalah dwi pengkhususan. *Double major*. *Double major* maksudnya, dia dalam bidang Islam kemudian dia meluas juga dalam bidang undang-undang. Dalam bidang Islam dia boleh meluas juga dalam bidang kaunseling, dalam bidang pengurusan, jadi kita boleh setuju kalau sedemikian. Seterusnya ialah pegawai yang bertugas di musim haji sibuk hendak mengerjakan ibadat haji dahulu sebelum menolong dan bertugas di Tabung Haji.

Saya setuju, saya dah beri arahan kepada CEO, dan juga pegawai-pegawai Tabung Haji, Pengurus Besar Jemaah Haji, supaya yang bertugas itu sebahagian besarnya jangan mengerjakan haji. Macam yang berlaku dulu, boleh kata hampir keseluruhan buat haji. Jadi sebab itu mengabaikan kebajikan orang haji. Jadi kita katakan kalau boleh, maknanya sikit sahajalah yang baru-baru sahaja buat haji, yang lama tu dah berpuluh kali buat haji, tak payah buat hajilah. Dia kena serve pada jemaah haji.

Tuan Haji Ismail bin Noh: [*Bangun*]

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Sila, tapi jangan betulkan ayat Al-Quran lah. Tak ada baca ayat Quran.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Menteri jangan susah hati. Tak apa, insya-Allah. Saya tadi Yang Berhormat, saya sebut dalam bahasa Arab. [*Membaca potongan ayat dalam bahasa Arab*] Maknanya dengan segala penuh hormat kepada menteri. Ini terjemahannya dengan izin. Tapi oleh kerana saya tak sempat nak sebut tadi, berkaitan dengan orang-orang Tabung Haji yang pergi ke Mekah, kemudian dia mengendalikan

urusan haji dan dia sekali buat haji dan untuk menguruskan, saya rasa semacam ada kesibukan bagi peserta-peserta yang kita hantar ke sana.

Apa pandangan Yang Berhormat kalau kita mengambil pelajar-pelajar kita daripada Mekah, daripada Madinah, daripada Mesir, sebagai Mutawwifnya. Kerana saya tengok di Indonesia, di hujaj Indonesia ini yang lebih ramai daripada kita, mereka lebih awal lagi mengambil pelajar-pelajar daripada Azhar. Kerana musim itu musim cuti. Di Azhar pun cuti, dan di Ummul Qura pun cuti, di Madinah pun cuti. Jadi, kos perbelanjaan yang kita hantar begitu banyak kita boleh kurangkan dengan cara kita mengambil pelajar-pelajar di sana. Kita katalah, bilangan itu biar banyak sedikit kerana perbelanjaan kepada mereka, saya tanya kepada mereka, berapa ratus ringgit yang kamu dapat daripada Tabung Haji? Dia kata satu hari satu ratus.

Jadi satu ratus itu tidak mahallah kalau berbanding dengan kos yang kita hantar, kepada pegawai-pegawai kita ke sana. Mereka sendiri pun dalam keadaan teragak-agak. Dia bawa bendera Tabung Haji, dia sendiri pun sesat! Dia sendiri pun sesat! *[Ketawa]* Saya jumpa dengan dia ini. Saya kata, anta nak pergi mana? Dia kata ana cari orang, ustaz. Ana sendiri pun sesat juga, dia kata. Jadi, untuk benda inilah kita cuba. Kalau dapatlah.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Okey. Sekarang ini pun kita pakai sebahagian, bukan semua. Sebahagian daripada pelajar-pelajar di Madinah dan juga pelajar-pelajar di Ummul Qura untuk berkhidmat terutama bagi mutawwif untuk menjadi pemandu kepada jemaah-jemah haji - kita pakai. Terima kasih atas cadangan.

Kemudian, saya terus kepada Yang Berhormat bagi Jasin. Saya sangat hormat kepada beliau - iaitu TH perlu kembali kepada penubuhan asal iaitu menguruskan tabungan umat Islam untuk tujuan menunaikan haji sahaja. Betul ya, begitu saya rasa. Saya suka menyatakan bahawa tujuan asal Tabung Haji, objektif penubuhannya ialah tiga sebenarnya. Itupun kita dah jelas iaitu membolehkan menabung, menyimpan wang secara beransur-ansur. Yang keduanya penanaman modal iaitu perusahaan, perdagangan dan lain-lain lagi. Kemudian yang ketiga kebajikan jemaah haji. Maknanya bukan untuk menabung dan jemaah haji sahaja, ada peruntukan iaitu dasar. Kita sejak dulu lagi iaitu Profesor Diraja Ungku Aziz telah menyebut makna dasar itu adalah makna tiga yang telah digariskan itu kita pakai. Iaitu penanaman modal ini dan ini merupakan sebahagian daripada operasi kita.

Kenyataan Yang Berhormat bagi Jasin semalam di Dewan yang mulia ini, mengatakan bahawa Tabung Haji dalam keadaan huru-hara. Ha, ini saya rasa kurangkanlah sikit. Saya dok tengok kamus Dewanlah Yang Berhormat Jasin, huru-hara ini teruk sangat! Dah kelam-kabutnya sehinggakan kena isytihar darurat. Jadi, tak usahlah huru-hara ini. Nanti, sebab kepercayaan orang kepada Tabung Haji - Sudah 5 juta penabung, pendepositnya dan *amount*nya sudah RM12.6 bilion. Maknanya cukup baiklah kepercayaan. Jadi, saya takut kenyataan huru-hara ini semua akan tarik, susah nanti. Jadi, saya rasa di Dewan yang mulia ini sahajalah huru-haranya. Tapi di luar janganlah huru-hara. Jadi, minta tolonglah Yang Berhormat bagi Jasin.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusoh: Terima kasih, Tuan Pengerusi terima kasih dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang huru-hara dia bukan sahaja di Dewan, di kedai kopi, di kampung, di masjid, di surau. Yang saya sampaikan ini apa yang saya dengar dekat Jasin. Jadi kita berharaplah Tabung Haji *wake up* la sedikit.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Okay kita ambil pandangan ini tetapi janganlah isytihar huru-hara carilah perkataan lain sedikitlah. Janganlah huru-hara ini kamus Dewan kata teruk sangat kau kena isytihar darurat ini jadi minta tolonglah ya kelam kabut jadi tidak boleh *control* sudah.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Yang sebenarnya itulah keadaannya dan berterima kasihlah Tabung Haji kerana pencarumannya Melayu-Melayu macam kami ini.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Okay okay.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Kalau yang lain kalau kena apa yang berlaku Tabung Haji ini kena dekat bank swasta yang lain saya rasa bank itu tutup besok.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Tidak kita janji kita tidak huru-hara makna bonus pun kita akan bagus lagi tahun ini itu menunjukkan berniaga pun bagus. Kalau huru-hara tidak boleh bonus yang bagus maknanya saya rasa tidak usahlah maknanya kita masukkan ia sebut sebelum itu ada lagi premis yang lain agensi yang lain selain Tabung Haji. Yang itu saya tidak pertahankanlah makna Tabung Haji itu saya rasa kita makna setakat itu sahajalah huru-hara dengan pengertian yang tersendiri.

Kemudian daripada Hulu Langat telah menimbulkan mengapa terdapat tanah wakaf yang tidak didaftarkan sehingga berlaku pengambilan semula tanah oleh pewakaf. Jadi *problem* tanah wakaf ini ialah orang yang wakaf itu wakaf dengan mulut sahaja dia tidak ada pergi daftar di Majlis Agama. Sebab itu Perdana Menteri apabila dia melantik saya sebagai menteri dia minta supaya menubuhkan satu jabatan baru iaitu Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji. Haji pun dia hendak pantau juga makna dari segi polisi dan sebagainya.

Saya rasa dengan adanya jabatan ini akan dapat bergerak tetapi hendak mengharapkan semuanya senarai dan sebagainya kita masih dalam usahalah untuk mendapat senarai nama-nama tanah wakaf dan sebagainya. Kita menjanjikan bahawa dalam operasi setahun ini telah kita gerakkan supaya kita tidak ambil tugas negeri-negeri tetapi kita sebagai agensi pusat iaitu untuk menyelaraskan sahaja iaitu tanah-tanah wakaf dan juga Baitulmal di seluruh Malaysia.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Ya.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak balik semula jemaah haji di Mekah kali ini. Saya tahu kuota yang diberikan oleh OIC adalah 25,000. Adakah cadangan daripada Tabung Haji sendiri untuk memajak satu bangunan di mana-mana di Saudi atau di Mekah ataupun Madinah dalam jangka masa panjang untuk misalnya 25,000 jemaah haji. Maka kita tidak payahlah setiap tahun untuk pergi memantau bangunan-bangunan. Saya tahu saya rapat dengan Dr. Azmi yang terpaksa pergi tiap-tiap tahun untuk mencari bangunan-bangunan ukur, bangunan-bangunan berapa orang boleh duduk satu bilik, menyusahkan setiap tahun kita terpaksa melakukan kerja itu.

Yang kedua tentang pemantau Tabung Haji yang dihantar setiap tahun untuk memantau perjalanan Tabung Haji. Apakah *feed back* positif yang telah didapati daripada pemantau-pemantau ini di mana mereka ini dibayar elaun untuk mereka memantau perjalanan Tabung Haji di Tanah Suci tersebut. Terima kasih.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Pertama iaitu dasar di Saudi kita tidak boleh membeli rumah di Saudi. Untuk pajak boleh, maknanya pajak atau menyewa misalnya sebahagian daripada rumah-rumah yang telah disewa oleh Tabung Haji ada tiga tahun atau empat tahun. Tetapi saya difahamkan pada masa akan datang kita akan ambil masa yang lebih panjang lagi dan banyak menjimatkan kos. Dengan cara kita katakan sepuluh tahun makna kita menyewa dengan cara yang panjang itu akan cuba akan melaksanakannya pada masa akan datang kalau sekiranya ada bangunan-bangunan yang sesuai. Sebab kita ada syarat-syarat yang tertentu tidak boleh lebih daripada 700 meter daripada Masjidil Haram, maknanya kalau di sekitar Masjidil Haramlah kalau jauh-jauh tidak ada. Macam jemaah haji daripada Indonesia sampai dua kilometer maknanya dia *masfalah* dan sebagainya tetapi kita itu kita sudah set satu kriteria yang kita ikut makna kriteria tersebut. Pandangan itu kita akan ambil perhatian.

Tentang pemantauan apa yang telah dibuat oleh terhadap perjalanan Tabung Haji kita mendapat terutama daripada Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji. Dia menghantar pada tahun lepas dua orang untuk melihat maknanya pemantauan ini dibuat daripada semasa ke semasa dan mungkin daripada Jabatan Wakaf juga akan cuba mendapat peruntukan daripada kerajaan untuk memberi pandangan yang bebas. Kalau hantar pemantau daripada Tabung Haji dia buat *report* baik sahajalah mungkin Yang Berhormat bagi Jasin akan tegur saya pula jadi kita ambil bermakna pemantau bebas daripada Jabatan Zakat, Wakaf dan Haji. Kita akan cuba terapkanlah untuk mendapat maklumat dan gambaran sebenar kepada saya.

Tuan Pengerusi: Panjang lagi Yang Berhormat?

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Yang lain itu saya rasa benda kecil-kecil sahaja dan saya rasa boleh saya tamatkan dalam sepuluh minit lagi.

Tuan Pengerusi: Boleh.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Seterusnya ialah apa yang ditimbulkan juga oleh Yang Berhormat bagi Hulu Langat iaitu tentang cadangan supaya Jabatan Wakaf, Zakat, Haji membuat laporan penuh berkaitan kesemua harta-harta wakaf yang telah didaftarkan supaya dapat menggambarkan pembangunan masyarakat Islam ini sedang dikumpulkan oleh Jabatan Wakaf melalui seminar, melalui bengkel dia akan cuba kumpulkan harta-harta wakaf daripada kerajaan-kerajaan negeri di Malaysia ini.

Kemudian daripada Yang Berhormat bagi Hulu Langat juga telah menimbulkan mengapa terdapat pertindihan fungsi di antara Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji dengan JAKIM. Sebenarnya tidak ada. Dahulu memang kita ada di JAKIM ialah Bahagian Penyelarasan Baitulmal JAKIM iaitu untuk memberi pandangan-pandangan, nasihat kepada Majlis Agama Islam. Tetapi apabila ditubuhkan jabatan ini semua pegawai daripada bahagian ini dipindahkan kepada Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji jadi tidak ada isu pertindihan di sini.

Kemudian seterusnya penjelasan tentang imam yang layak dan tidak layak menerima elaun RM450 sebulan. Iman yang layak menerima elaun RM450 sebulan ini ialah terdiri daripada warganegara Malaysia, iman yang dilantik dan diberi tauliah oleh Majlis ataupun Jabatan Agama Islam Negeri di sesebuah masjid mukim, masjid qariah kemudian yang tidak mendapat sebarang bayaran berbentuk gaji daripada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Majlis Agama Islam Negeri, Badan Berkanun ataupun pihak swasta yang menaja sesebuah masjid tersebut.

Imam yang tidak layak menerima elaun ini ialah imam yang bertugas di Masjid Negara, Masjid Negeri, masjid daerah, jajahan, masjid bahagian iaitu bagi negeri Sarawak sahaja, Masjid Diraja, Masjid Bandar, Masjid Institusi iaitu di universiti, madrasah, surau dan sebagainya tidak layak menerima. Imam yang digantung kerja juga tidak layak menerima elaun ini.

Kemudian terhadap apa yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Pasir Puteh iaitu memanggil pakar daripada Indonesia untuk melatih qari dan qariah Malaysia. Saya rasa kita banyakya, pakar-pakar kita sudah cukup tidak perlu daripada luar. Usaha-usaha untuk menggilap kecemerlangan qari dan qariah di peringkat sekolah itu pun kita buat iaitu memperelokkan program *tahsin* iaitu memperelokkan bacaan Al-Quran remaja peringkat kebangsaan telah kita buat dan kita akan kerapkan lagi ya. Kemudian selain daripada itu Darul Quran bukan sahaja untuk melahirkan para *hufaz* tetapi juga mereka yang mahir dalam ilmu-ilmu *kiraad*, ilmu-ilmu *taranum* dan juga tajwid. Jadi saya rasa apa yang ditimbulkan oleh Pasir Puteh ini dapat ditampunglah sekarang ini oleh Darul Quran iaitu Maahad Tahfiz Al-Quran di bawah JAKIM.

Kemudian terhadap persoalan yang terakhir yang telah ditimbulkan oleh Pasir Mas. Ini dia tunggu kita berilah sedikit lagi iaitu dakwah JAKIM tidak berstrategi katanya dan tidak berkesan. Ini satu hukuman yang saya rasa daripada hakim mahkamah ini saya rasa itu berat sedikit. Sebab apa tugas dakwah

Tuan Haji Ismail bin Noh: [Bangun]

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:nantilah dahulu saya jawab sedikit lepas itu saya berilah tidak apa. Kita berhujah sahaja jangan cepat marah. Tugas dakwah ini bukan di bawah JAKIM sahaja bukan JAIM sahaja. Setiap orang Islam apabila menjadi orang Islam adalah menjadi pendakwah menurut kadar kemampuan yang ada padanya. Nabi kata [Membaca hadis Nabi] maknanya saya kena sebut dengan dia sebab ayat Al-Quran tadi takut nanti tidak berapa jelas. Sampaikan dari ku kata Nabi walaupun sepotong ayat kena sampai, kalau tahu sepotong ayat sepotong ayat sahajalah jangan sampai dua tiga ayat hendak sampai dia tahu sepotong ayat sahaja, dia tahu Al-Fatihah sahaja Al-Fatihah sahajalah.

Dia pakai baju saiz 'S' jangan hendak pakai 'XXL', *doubleXL* tidak usahlah. Maknanya ilmunya setakat itu. Jadi saya rasa di JAKIM ini ia ada bahagian dakwah sendiri, hak pensyarah, penceramah ini ada, kemudian ada ILIM, Institut Latihan Islam Malaysia. Kemudian ada media elektronik, maknanya JAKIM juga saya rasa Yang Berhormat bagi Pasir Mas pun tengok bagaimana rancangan-rancangan yang dikeluarkan oleh JAKIM melalui media elektronik JAKIM dan juga ada bahagian penerbitan. Itu di antara sebahagian daripada [*Bercakap dalam bahasa Arab*] dia sebut Arab, saya sebut Arab jugalah Tuan Pengerusi supaya lebih mudah menggunakan bahasa yang sama. Jadi bagi saya, dakwaan ini bukan ceramah sahaja. Jadi ia ada pelbagai, maknanya tidak ada masalahlah. Maknanya tidak berstrategi dan sebagainya ini saya rasa, okeylah kita rasa berstrategi dan berkesan. Ya, silakan.

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat bagi Pasir Mas.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Menteri. Sebenarnya saya tidak pernah menghukum JAKIM. Dalam ucapan saya kelmarin pun saya tidak mengata bahawa JAKIM tidak buat. Tinggal lagi saya cadang supaya JAKIM perlu buat satu strategi yang terkini dan terbaik dengan mengambil kira dakwa luaran dan dakwa dalaman. Saya rasa itu yang di dalam *Hansard* saya pun begitu saya rasa. Saya masih ingat lagi, saya tidak menuduh barangkali menteri sahaja yang sebut. [*Ketawa*] Saya minta maaf kalau saya tersasul kelmarin, tetapi saya ingat, saya masih ingat lagi. Apa yang saya kemukakan kelmarin iaitu dalam dua konteks dakwah dalaman dan dakwah luaran ini kita rasanya jangan biar kerana saya lihat ramai di kalangan sekarang ini orang-orang yang mengambil sikap tidak beragama.

Yang tidak beragama asal lagi satu, terdiri daripada kalangan saudara-saudara kita yang berada di pedalaman, dia terbiar, itu maksud saya. Ia terbiar di mana namanya nama Melayu, tetapi dia tidak beragama Islam dan tidak menganut apa-apa agama dan kalangan terdiri daripada pelajar-pelajar sekolah sekarang. Saya dengar bahawa mereka ini "*la din*", mereka tidak menganut kefahaman agama. Jadi, dakwa inilah yang saya tekankan supaya JAKIM dalam konteks dakwah luaran, dakwah dalaman ini mempertingkatkan usahanya. Bukan, saya tidak berniat untuk menghukum JAKIM tidak buat kerja, tidak.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Saya dengar berstrategi tidak berstrategi, saya dengar, saya tulis itu. Tidak apalah. Strategi pun saya tengok Kamus Dewan juga. Maknanya ini teruk tidak berstrategi ini pakai buat ikut dan begitu sahaja. Berstrategi ini maknanya buat ikut 'kokseh', maknanya kalau 'kecek' bahasa Besutlah, bahasa Pasir Mas pun serupa juga, Patani pun serupa. Jadi tidak apalah saya [*Bercakap dalam bahasa Arab*] maknanya baik sangka itu, saya tidak apalah, saya setuju, saya terima sahajalah di atas *spirit* Ramadhan. Saya rasa tugas ini tugas bersama, bukan JAKIM sahaja, sebenarnya di sekolah ada J-QAF. J-QAF dalam itu pun telah diperkenalkan. Dalam Islam Hadhari, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi awal-awal lagi dia telah memperkatakan supaya tamat darjah enam itu mesti khatam al-Quran itu dengan J-QAFnya.

Kementerian Pelajaran telah menyahut cabaran daripada Perdana Menteri dengan J-QAFnya. Kemudian di peringkat universiti dengan *double major*, dwi pengkhususan iaitu dalam *Islamic studies*, kemudian dia juga macam di KUIM tempat saya dahulu, dia juga boleh dalam bidang kaunseling, dalam bidang muamalat, dalam bidang undang-undang. Jadi saya rasa ia juga bergerak ke arah yang baik. Tetapi, tugas ini tugas bersama, saya rasa tidak apalah, maknanya PAS pun menjalankan tugas, jadi UMNO pun menjalankan tugas, saya rasa ini adalah sesuatu yang baik. Hanya sekian....

Dr. Mohd. Hayati bin Othman: Tuan Pengerusi,...

Tuan Pengerusi: Boleh Yang Berhormat?

Dr. Mohd. Hayati bin Othman:saya ada mencelah ucapan Yang Berhormat bagi Pasir Mas semalam iaitu tentang peranan PERKIM. Apakah sekarang ini peranan PERKIM sepenuhnya diambil alih oleh JAKIM ataupun bagaimana? Sebab kita nampak PERKIM ini seolah-olah sekarang ini sudah tidak macam menjalankan fungsi dia.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: PERKIM adalah suatu organisasi yang begitu lama. Umurnya, saya rasa diasaskan oleh Perdana Menteri yang pertama. Saya juga pernah berkecimpung dengan PERKIM sebelum masuk politik dahulu sehingga dari segi *ranking*nya nombor dualah di PERKIM iaitu naib, ia tidak ada timbalan. Naib Yang di-Pertua bertanding, jadi mendapat *vote*, undi yang tertinggi. Jadi saya sedarlah, maknanya banyak masalah dalam organisasi yang begitu berumur ini.

Saya rasa perlu diremajakan semulalah ataupun perlu dicergaskan semula supaya ianya bertenaga dan mampu menjalankan misinya dan mesejnya dengan baik. Jadi sekarang ini saya rasa terlalu tua umurnya perlu disegarkan semula, di remaja, kalau remaja tidak jadilah, disegarkan semula makna supaya ia bertenaga dan kuat. Hanya sekian Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Saya jemput menteri....

Tuan Haji Ismail bin Noh: Saya rasa ada satu Yang Berhormat Menteri belum jawab lagi tentang Mahkamah Syariah Wilayah kelmarin yang saya sebut peranan Mahkamah Syariah sekarang ini masih lagi di tahap lama, tidak cuba diperpanjang atau diperbesarkan dari segi *ittornya*, lengkungannya ataupun keperluan-keperluannya tidak melibat kepada inayah-inayah besarnya.

Tuan Pengerusi: Ringkaskan.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Ringkas sahajalah. Sebenarnya bidang kuasa Mahkamah Syariah ini telah diperuntukkan di bawah Jadual Ke-9 Perlembagaan Persekutuan. Jadi kena beri kuasalah kalau hendak luas ini, kena bagi kuasa, maknanya kepada dia dan saya rasa bidang kuasa Mahkamah Syariah ini adalah kuasa negeri-negeri. Sekarang ini pun kita hendak seragamkan ini pun, orang kata sudah menjangkau 2, 3 tahun masih belum sepenuhnya, tetapi kita tetap berusaha supaya penyeragaman, perjuangan kita sekarang ini untuk menyeragamkan seluruh lima rang undang-undang yang telah ditetapkan oleh Majlis Raja-raja supaya diseragamkan. Apabila diseragamkan, insya-Allah, banyak perkara yang kita boleh buat.

Tuan Pengerusi: Saya jemput Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat bagi Jeli untuk memberi jawapan.

3.17 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mustapa bin Mohamed]: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, salam sejahtera. Yang Berhormat Tuan Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat, saya pertamanya merakamkan setinggi penghargaan kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan di peringkat Jawatankuasa.

Saya merupakan Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang terakhir, yang keempat, insya-Allah jam 4.30 petang boleh kita selesai dan saya ucap tahniah juga kepada Ahli Yang Berhormat kerana telah mengambil bahagian dengan penuh minat dan tertib dan saya yakin bahawa giliran saya juga Ahli Yang Berhormat akan berbahas dengan penuh tertib tentang isu-isu yang akan saya ulas yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat selama tiga hari sebenarnya bermula, hari sudah hari Rabu, mulai hari Isnin lagi.

Tuan Pengerusi, saya akan sentuh tujuh jabatan yang diliputi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

- (i) Unit Perancang Ekonomi;
- (ii) Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU);
- (iii) Biro Tata Negara;
- (iv) Bahagian Keselamatan Negara;
- (iv) Biro Pengaduan Awam,
- (v) Jabatan Perkhidmatan Awam, dan

- (vi) iakhir sekali sedikit tentang agenda nasional baru yang dibangkitkan oleh sekurang-kurangnya dua orang Ahli Yang Berhormat.

Pertama, Tuan Pengerusi, berkaitan isu-isu Unit Perancang Ekonomi ataupun EPU. Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu membangkitkan dua perkara. Yang pertamanya perlu ditekankan pembangunan lestari dalam kita merancang untuk jangka panjang dan beliau mohon supaya sungai-sungai dan tenaga diselamatkan, jangan kita membazir.

Yang keduanya Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu menyarankan supaya dibuat penilaian yang berterusan tentang segala perancangan yang dilaksanakan oleh kerajaan. Saya ingin menekankan di sini bahawa memanglah pembangunan lestari ataupun *sustainable development* merupakan suatu ciri utama bagi segala program pembangunan yang dilaksanakan oleh kerajaan dan dalam Rancangan Malaysia Ke-9 dan seterusnya, ia akan memberi penekanan termasuklah usaha-usaha untuk memulihara alam sekitar, sungai dan lain-lain akan terus diberi perhatian oleh kerajaan.

Berkaitan penilaian yang juga merupakan satu tugas yang penting dalam kerajaan. Kalau kita tidak membuat penilaian yang rapi dan mantap, manakan dapat kita laksanakan satu-satu rancangan dengan berkesan. Oleh itu dalam rancang, dua perkara yang disarankan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu iaitu pembangunan lestari dan pelayan berterusan, insya-Allah akan diberi tekanan.

Ahli Yang Berhormat bagi Tanah Merah mencadangkan supaya kerajaan menubuhkan satu jabatan pembasmian kemiskinan ditempatkan di Jabatan Perdana Menteri. Saya ingin memaklumkan bahawa pada hari ini kita ada kaedah di mana agensi tertentu ditugaskan untuk melaksanakan program-program membasmi kemiskinan.

Bagi luar bandar Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah, bagi bandar Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, bagi yang daif, yang miskin Kementerian Pembangunan Wanita dan Masyarakat, ini tiga kementerian utama yang ditugaskan untuk membasmi kemiskinan dan di peringkat atas sekali kita ada satu jawatankuasa dipanggil Majlis Tindakan Negara yang dipengerusikan sendiri oleh Yang Berhormat Perdana Menteri yang memantau segala program pembasmian kemiskinan dan ini adalah penting dalam konteks komitmen kerajaan untuk menghapus kemiskinan tegar menjelang akhir Rancangan Malaysia Kesembilan. Oleh itu pada pandangan kerajaan cadangan Yang Berhormat Tanah Merah pada masa ini baik, tetapi kita akan cuba perbaiki lagi jentera ini pada masa ini oleh kerana jentera sudah pun lengkap empat peringkat - Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah, Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan akhir sekali Majlis Tindakan Negara dan kita masih merasakan bahawa struktur yang ada cukup mantap.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih menteri. Saya nampak jentera semua mantap dan elok, berjalan pun elok, cuma duit kurang turun kerana peruntukan. Tetapi saya hendak minta ihsan daripada pihak kementerian Yang Berhormat Menteri, la-ni orang tarif miskin ini kira satu kepala RM57.30 sen, dia punya pendapatan. Jadi di Malaysia ini kalau satu kepala RM57.30 ini kira papa kedana Tuan Pengerusi, papa maknanya cukup-cukup marhaen. Jadi boleh atau tidak pihak kementerian la-ni buat kajian balik, pasal yang miskin la-ni bila gajinya lebih kurang katakanlah pendapatan satu kepala RM100 pun cukup letih, cukup miskin, apatah lagi bila kita ke tahap yang sedemikian rupa.

Jadi kita susah la-ni kerana orang yang pendapatan banyak itu tidak ada, kalau ada pun hak yang kata 'balur liat', dia tak buat kerja, tidur sahaja, tunggu orang mai tolong Tetapi yang pendapatan miskin yang RM100 lebih sedikit yang satu kepala, mereka ini cukup miskin. Jadi boleh atau tidak pihak kementerian dan menteri sekali lagi kalau hendak pergi syurga atau masuk ke syurga, tolong orang miskin ini pergi syurga itu ai. Jadi kita kaji balik, pendapatan satu kepala supaya jangan macam la-ni RM57.30 kupang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Kemudian dia kata ibu tunggal, ibu tunggal ini kadang-kadang anak dia tiga orang kalau tidak silap saya. Ibu tunggal ini kadang-kadang anak dua orang pun susah Tuan Pengerusi. Jadi kalau kita bagi syarat macam itu, anak dia dua tetapi dia susah, kadang-kadang pak dia tidak siuman dan sebagainya, jadi bolehlah Yang Berhormat buat kajian balik tahap kemiskinan macam mana, supaya kita boleh *summit* balik kepada pihak kementerian itu untuk mereka ini menjadi ahli PPRT. Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Pengerusi, kerajaan sudah pun menyiapkan kajian bermula pertengahan tahun 2004 dan siap pada pertengahan tahun 2005. Kerajaan ambil masa setahun dan kajian ini melibatkan ICU, melibatkan Kementerian Luar Bandar, melibatkan Jabatan Kesihatan, melibatkan pihak-pihak universiti dan pihak NGO dan kita sudah pun ada satu paras garis kemiskinan (PGK) yang baru dan insya-Allah akan diumumkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan yang pastinya tahap pendapatannya melebihi apa yang ada sekarang, ia mengambil kira bilangan isi rumah, ia mengambil kira luar bandar ataupun bandar, ia mengambil kira tempat dan beberapa kaedah dan beberapa kriteria yang lain. Jadi saya ingin memaklumkan Ahli Yang Berhormat bahawa kerajaan sudah pun selesai buat kajian dan akan diumumkan bila dibentangkan Rancangan Malaysia Kesembilan di Dewan yang mulia ini dan tahap pendapatan yang lebih tinggi daripada apa yang ada sekarang. Cuma *detailnya* tidak boleh saya maklum kerana lagi empat, lima bulan sebelum kita bentangkan di Dewan ini, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tuaran.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Dalam Rancangan Malaysia Kelapan telah dinyatakan bahawa menjelang tahun 2005, kadar kemiskinan akan diturunkan ke tahap 0.5 peratus dan kalau saya ambil daripada Yang Berhormat tadi yang mengatakan bahawa dari segi organisasinya mantap. Saya ingin tahu apa yang telah berlaku sehinggakan kita gagal untuk mencapai sasaran tersebut. Sehinggakan sasaran baru ialah tahun 2009. Itu persoalan yang pertama, apakah yang berlaku.

Yang kedua ialah di antara agensi yang telah terbukti dan efektif dalam pembasmian kemiskinan ialah Amanah Ikhtiar Malaysia ataupun Grameen Bank yang kita pinjam daripada Bangladesh dan di Sabah kita juga telah melaksanakan melalui Yayasan Usaha Maju. Saya ingin tahu, sama ada Unit Perancang Ekonomi melihat peranan Amanah Ikhtiar Malaysia sebagai salah satu daripada agensi yang efektif dan yang terbukti dan apakah yang telah berlaku dengan agensi ini apakah pihak kerajaan akan melihat peranan agensi ini sebagai salah satu daripada agensi yang akan digemblengkan untuk mencapai sasaran yang baru itu? Terima kasih.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Pengerusi, untuk basmi kemiskinan kita bukan sahaja perlu penglibatan kerajaan tetapi juga sektor swasta, syarikat-syarikat korporat dan juga NGO dan Amanah Ikhtiar Malaysia tergolong dalam kategori NGO dan memang Amanah Ikhtiar telah memainkan peranan yang amat besar dalam mengurangkan kadar kemiskinan dalam negara kita. Oleh itu ia akan diberikan tugas yang setimpal dengan peranan yang telah dimainkan tetapi malangnya baru ini ada sedikit sebanyak isu pengurusan dalam Amanah Ikhtiar Malaysia. Isu-isu ini sedang diteliti dan kita akan selesaikan. Setelah mantap semuanya sekali maka insya-Allah Amanah Ikhtiar akan terus kembali memainkan peranan yang besar kerana NGO kita dapati telah berkesan juga dalam mengurangkan kadar kemiskinan.

Berkaitan dengan 0.5 peratus tahun 2005 memang itu merupakan sasaran kita dan kita telah tidak mencapainya. Antara sebabnya ialah kerana krisis ekonomi 1997 dan 1998 dan selepas itu ada Sept.11, SARS dan lain-lain. Ini telah mengurangkan kewangan kerajaan, peruntukan tidak dapat ditambah. Peruntukan ada, kewangan ada tetapi tidak dapat ditambah seperti mana yang kita hasratkan. Inilah antara sebab kenapa kita tidak dapat mencapai 0.5 peratus sebagaimana yang disasarkan dalam Rancangan Malaysia Kelapan iaitu menjelang penghujung tahun 2005.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Minta maaf menteri, sedikit sahaja Yang Berhormat, saya tidak banyak.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Jerai Yang Berhormat, hendak beri jalan?

Dato' Mustapa bin Mohamed: Sedikit, tetapi ringkas.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya, sedikit sahaja, tidak mahu tanya banyak-banyak, bulan puasa ini. Saya tertarik kepada Yang Berhormat kata, membasmi kemiskinan ini bukan mutlak kerajaan yang hendak kena buat, tetapi NGO's dan juga badan-badan berkanun syarikat-syarikat.

Saya telah berkali-kali Tuan Pengerusi minta syarikat-syarikat yang untung berpuluh-puluh juta dan nikmat keuntungan itu atas hasil daripada projek-projek kerajaan dan bantuan kerajaan. Jadi apakah kerajaan tidak boleh beri dan panggil segala CEO-CEO ini *chairman* ini, duduk dan beritahu kepada mereka *certain portion* daripada keuntungan itu selain daripada tolak zakat, peruntukkanlah untuk hendak membantu kerajaan membasmi kemiskinan. Saya ambil contoh dalam kawasan saya, saya guna inisiatif sendiri pihak bank EON bank bantu saya. Tahun ini, dia beri kepada saya 25 buah rumah PPRT, tolong orang miskin, Bank Rakyat mereka tolong saya, saya pergi dekat Bank Rakyat, hendak hari raya saya kata hendak tolong orang miskin, dia boleh tolong dia kata

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat kata tadi tidak panjang.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat kata tidak panjang.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Macam mana Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat kata cakap tidak panjang, ini sudah panjang.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Itu kira cukup pendek Tuan Pengerusi, kalau saya bercakap panjang Tuan Pengerusi, kita buka puasa di sini. Tapi hendak beritahu bahawa.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat ya, menteri sudah faham Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat kena beritahu, pasal syarikat-syarikat ini mereka dapat projek kerajaan, kerajaan beri projek pada mereka. CEO tengok dalam surat khabar *millionaire*, *multimillionaire* dan sebagainya, hak yang di kampung *no air at all*, macam mana cara kita hendak buat? Jadi saya harap Kementerian panggil mereka ini beritahu, *if no support for the poor no more business for you*, dengan izin. Terima kasih.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tahun 1998, 1999, ini merupakan salah satu kaedah yang kita gunakan menghimpun syarikat-syarikat, itu enam tahun yang lalu tetapi kurang berjaya memang kita ada rancangan untuk melaksanakan cadangan Yang Berhormat Jerai tadi, iaitu dalam perancangan kerajaan. Dalam pada itu saya ingin menekankan syarikat-syarikat besar menyumbang juga, setengah dia bayar zakat, macam Bank Rakyat Yang Berhormat sebut tadi, tanpa dihebohkan dan dihebah kepada orang ramai, senyap-senyap pergi ke Jerai bina rumah untuk orang miskin.

Jadi kita mengucapkan terima kasih kepada mereka. Cuma kita hendak libatkan mereka dengan lebih berstruktur lagi dan ini telah dicuba enam tahun dahulu kurang mendapat kejayaan, dan dengan cadangan Yang Berhormat insya-Allah kita akan laksanakan dalam tempoh terdekat ini.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Serdang membangkitkan tentang '*tunnel*' dengan izin, terowong di bawah lebuh raya SILK. Saya ingin memaklumkan bahawa

berbanding dengan kos ini RM25 juta seperti Yang Berhormat sedia maklum adalah tinggi berbanding dengan faedah yang kita perolehi. Kita fahamlah Yang Berhormat sebut tentang anak-anak sekolah yang berkurangan, tingkatan enam, sekolah kebangsaan oleh sebab komunikasi jalan. Jadi pada masa ini memandangkan kos melainkan jika ada kaedah yang boleh membawa kepada pengeluaran kos, kerajaan boleh menimbang, pada masa ini tidak dapat menimbangannya kerana kos terlalu mahal berbanding dengan faedah iaitu jawapan kepada Yang Berhormat.

Yang Berhormat dari Ledang menyebut tentang NGV...

Dato' Yap Pian Hon: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Serdang bangun Yang Berhormat.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Sila.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Yang Berhormat Serdang sila.

Dato' Yap Pian Hon: Tuan Pengerusi terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah memberi penjelasan. Walau bagaimanapun, saya tidak puas hati kerana ini berkaitan dengan masalah sosioekonomi dan kestabilan politik kawasan tersebut. Jangan habiskan wang, ambil kira itu. Pentingnya sosioekonomi di kawasan tersebut. Bukan seribu, tetapi beribu-ribu rakyat di situ dan juga IKS terjejas. Ini penting daripada wang yang dikira oleh kerajaan itu. Saya tengok banyak wang dibazirkan tetapi pastikan ini penting juga. Bolehkah Yang Berhormat timbang semula dan juga mungkin berunding dengan Kementerian Kerja Raya untuk mengurangkan kos tersebut. Mungkin ada cara lain. Terima kasih.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Terima kasih Tuan Pengerusi. Kita akan cari jalan-jalan, kaedah-kaedah supaya kos dapat dikurangkan. Pada masa ini, kos terlalu tinggi. Terima kasih Yang Berhormat bagi Serdang. Yang Berhormat bagi Ledang bercakap tentang NGV. Kenapa Petronas ada diberikan monopoli untuk membekalkan NGV.

Untuk makluman Yang Berhormat, NGV sekarang ini dibekalkan dengan harga yang rendah iaitu 68 sen satu liter. Harganya kira separuh diesel dan ini adalah kerana subsidi yang besar, yang diberikan. Mengikut Petronas kosnya kira-kira RM100 juta setakat ini. Ini tanggungjawab sosial yang diberikan oleh Petronas kepada negara dan satu tanggungjawab yang diambilnya dengan penuh tanggungjawab. Cumanya, jika syarikat-syarikat berminat, maka mereka perlulah sanggup macam Petronas untuk menyediakan subsidi, kerana kosnya NGV ini 68 sen satu liter sahaja. Diesel 128. Itu sebabnya teks banyak menggunakan NGV. Jadi itu sebab kenapa Petronas sahaja yang terlibat dalam NGV. Yang Berhormat bagi Seputeh membangkitkan

Ir. Haji Hamim bin Samuri: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Ledang bangun Yang Berhormat.

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Yang Berhormat Dato', kurang faham sedikit. Maksud Dato' Menteri tadi, maksud syarikat yang berkenaan perlu bersetuju atau perlu mengikut tindakan Petronas memberi subsidi. Maksud saya tadi ialah, pada peringkat asal ialah adakah Petronas sanggup menjual pada kadar harga yang sama dengan yang dijual kepada IPP kepada pengusaha-pengusaha gas yang dijual secara runcit. Maknanya dengan harga yang samalah. Kalau kena beli harga subsidi, saya rasa, saya minta Yang Berhormat. Terima kasih.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Terima kasih. Saya faham Yang Berhormat bagi Ledang. Masalahnya ia merupakan entiti syarikat yang berlainan. Kita akan rujuklah Petronas sama ada sanggup atau tidak, memberi penjelasan kenapa syarikat-syarikat lain tidak terlibat. Ini merupakan keputusan syarikat dan kita serah kepada syarikat. Kerajaan

akan memberi galakan, tetapi akhirnya syarikat akan membuat keputusan. Yang Berhormat bagi Seputeh bukan kali pertama membangkitkan tentang *KL Linear City*.

Memang seperti Yang Berhormat bagi Seputeh sedia maklum, ada surat daripada bandar raya memberi pengakuan kepada 200 orang setinggan agar mereka disediakan rumah kos rendah. Pada asalnya, di Batu 3 ½ Jalan Kelang Lama, 14 ekar cadangan untuk dibangunkan kawasan ini. Itulah yang dimaklumkan kepada setinggan-setinggan tetapi malangnya oleh sebab-sebab tidak dapat dielakkan, projek penswastaan ini tidak dapat diteruskan oleh kerana masalah dengan syarikat dan masalah-masalah yang lain. Itu sebab kenapa kerajaan tidak dapat meneruskan rancangan untuk menempatkan setinggan 200 orang ini yang terlibat dengan projek *KL Linear City* di kawasan perumahan kos rendah.

Walau bagaimanapun, perkara ini masih lagi dalam perbincangan pihak EPU, masih lagi berbincang dengan DBKL. Kita sedang mengkaji beberapa kemungkinan untuk menempatkan mereka di kawasan-kawasan lain. Kalau dahulu, mereka sepatutnya ditempatkan di Jalan Batu 3 ½ Jalan Kelang Lama, ini tidak berhasil. Maka, pihak EPU masih lagi berunding dengan DBKL. Kita prihatin dengan janji yang dibuat oleh pihak bandar raya dan insya-Allah, beberapa kaedah akan dicari untuk menyelesaikan masalah ini.

Puan Teresa Kok Suh Sim: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya. Seputeh bangun Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya berharaplah dalam tahun-tahun yang akan datang, janji kerajaan ini yang mana Sri Gading telah dengar selama enam tahun ini akan ditunaikan oleh EPU kepada mereka. Saya hanya bagi satu cadangan untuk pertimbangan Yang Berhormat Menteri.

Saya difahamkan ada banyak rumah pangsa swasta yang mana *joint venture* di antara DBKL dengan pihak swasta dan banyak unit, banyak kuota mungkin diperuntukkan kepada bumiputera yang mereka tidak mahu duduk di sesetengah tempat. Saya rasa mungkin ruang ini boleh dibentangkan kepada para setinggan ini bagi mereka untuk membeli, supaya janji kerajaan juga boleh ditunaikan dan mereka boleh dapat rumah untuk bermastautin. Terima kasih.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat bagi Seputeh. Seperti yang saya maklumkan tadi Tuan Pengerusi, perkara ini dalam perbincangan antara EPU dengan DBKL. Seterusnya saya pergi kepada isu-isu berkaitan dengan Unit Penyelarasan Pelaksanaan (UPP) ataupun ICU.

Yang Berhormat bagi Ledang telah membangkitkan tentang kekurangan juruteknik di pejabat SDO Johor. Yang Berhormat bagi Ledang memaklumkan cuma satu juruteknik, memang benar perkara ini. Ini kerana, kaedah ICU menjalankan projek ialah dengan kerjasama pejabat-pejabat daerah ataupun pejabat jajahan dan juga kerjasama JKR dan JBS.

Oleh yang demikian, tidak perlu ada ramai juruteknik di pejabat SDO Johor. Malah, di setiap negeri cuma ada satu jawatan juruteknik sahaja, kecuali di Sabah dan Kelantan oleh kerana di sana memerlukan penglibatan lebih Kerajaan Pusat untuk membangunkan negeri-negeri berkenaan. Kita ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Ledang, dan kita akan memperkemaskan lagi jentera pelaksanaan projek-projek di peringkat akar umbi dengan mendapat kerjasama lebih erat daripada pejabat daerah dan juga JKR dan JBS di mana berkaitan.

Yang Berhormat bagi Tuaran bertanya kenapa PERDA di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan yang lain-lain semua di bawah Kementerian Luar Bandar dan Wilayah. PERDA Pulau Pinang merupakan satu kawasan yang sedang pesat membangun. Di luar bandar, sepatutnya di luar bandar itu Pulau Pinang banyak *semi urban* dan *urban*. Oleh kerana Pulau Pinang ini satu negeri di mana memerlukan penglibatan yang lebih oleh pihak Kerajaan Pusat dan juga oleh kerana proses pembangunan itu seolah-olah meminggirkan

masyarakat desa, maka JPM berpendapat adalah penting ditempatkan sendiri, malah di bawah Perdana Menteri, bukan di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Mengenai Lembaga Kemajuan Wilayah di Sabah, seperti Yang Berhormat sedia maklum, bermula di Ranau, selepas itu perbincangan untuk memperluaskan kawasan tersebut memanglah ada banyak lagi isu yang belum selesai, masalah tanah dan lain-lain dan perkara ini masih lagi dalam perbincangan antara Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri, belum ada lagi keputusan dan seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat, kita insya-Allah, akan memaklumkan tentang niat baik kita. Memang kita berniat baik, tidak ada sebarang niat jahat untuk menubuhkan Lembaga Kemajuan Wilayah ini, melainkan niat baik semata-mata untuk membasmi kemiskinan kerana di Ranau dan Kudat ini merupakan kawasan-kawasan yang paling tinggi kadar kemiskinan. Jadi kita tungguilah hasil perbincangan antara Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri.

Yang Berhormat bagi Kudat bertanya tentang masjid yang diluluskan pada tahun 2003, RM1.2 juta kosnya. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Kewangan telah meluluskan pelantikan konsultan bulan Julai yang lalu dan saya difahamkan bahawa hujung tahun ini ataupun selewatnya awal tahun depan, tender untuk pembinaan masjid yang kosnya RM1.2 juta ini akan 'dipitas', mesti 'dipitas'. Saya pun tahu kawasan ini. Insya-Allah, hujung tahun ataupun awal tahun depan akan ditender. Jadi selesai masalah Yang Berhormat bagi Kudat.

Masalah Yang Berhormat bagi Kuala Selangor membangkitkan tentang kenapa tidak diwujudkan jawatankuasa kemajuan di peringkat Parlimen bagi membantu jawatankuasa tindakan daerah. Sekarang ini kerajaan membuat keputusan untuk *revamp* dengan izin, menyusun semula majlis tindakan negeri dan jawatankuasa tindakan daerah di mana peranan utamanya ialah untuk mengenal pasti isu masalah pembangunan, merencanakan lagi pelaksanaan, mengenal pasti masalah dan memaklumkan kerajaan, khususnya Jabatan Perdana Menteri isu-isu perancangan di bawah.

Kerajaan berpendapat bahawa jawatankuasa tindakan daerah yang ada memadai, tidak perlu ditubuhkan seperti saranan Yang Berhormat bagi Kuala Selangor, tidak perlu ditubuhkan jawatankuasa kemajuan daerah kerana berilah peluang. Ini satu kaedah baru, baru disusun semula, baru setahun kira-kira jawatankuasa tindakan daerah (JTD) ini berfungsi dan saya harap kita bagi masa dan insya-Allah, apa yang disarankan oleh Yang Berhormat, iaitu perancangan dibuat secara tersusun, integrasi kita ambil perhatian tentang pandangan tersebut.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan, penjelasan, mengenai masalah peruntukan pembangunan kawasan Parlimen. Dengan adanya Perdana Menteri yang baru, yang menegaskan mengenai keadilan dan keterbukaan, adakah Yang Berhormat Menteri rela untuk memperkenalkan sistem keadilan dalam perkara peruntukan pembangunan untuk semua kawasan tidak kira dari kawasan Barisan Nasional atau kawasan pembangkang. Ini memandang bahawa wang itu dari rakyat, tidak kira apa-apa parti, supaya ini adil, mungkin bermula dengan satu sistem yang terbuka, yang adil.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Seperti Yang Berhormat sedia maklum Tuan Pengerusi, peruntukan ini disalurkan kepada semua kawasan Parlimen, cuma kaedahnya mungkin berbeza, kawasan pembangkang dengan kawasan kerajaan tetapi akhirnya rakyat, yang pentingnya rakyat mendapat faedah. Jadi, pada masa ini kita tidak bercadang untuk meminda peraturan-peraturan ini kerana peraturan ini di dapati telah berjalan dengan baik tetapi Ahli Yang Berhormat Pembangkang boleh memberikan pandangan dan kita ambil perhatian tentang pandangan-pandangan tersebut. Terima kasih.

Cik Fong Po Kuan: Mohon penjelasan.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Yang terakhir mengenai perkara ini.

Cik Fong Po Kuan: Yang Berhormat, apabila pemberian melalui kaedah berbeza itu adalah diskriminasi, *[Disampuk]* itu jelas diskriminasi. Saya pernah memohon, memohon untuk projek-projek kecil kawasan saya tapi surat tidak dibalas. Malahan saya hantar surat, jumpa dengan pegawai, surat tidak dibalas. Saya haraplah kalau kerajaan selalu melaung-

laungkan Islam Hadhari, saya percaya ini bukan nanti diterima di dalam hukum Islam. Keadilan, salah satu hukum yang begitu penting. Saya haraplah di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri biar kita adil untuk semua, biar permohonan yang kami kemukakan diambil tindakan dan diluluskan. Kami juga berkhidmat untuk rakyat. Jadi, saya haraplah jangan hanya tolak kata, akhirnya sampai rakyat, kalau kami tidak ada kuasa untuk menentukan apa projek, siapa tahu, kecuali wakil rakyat yang paling faham apa keperluan kawasan dan bukan disalah gunakan oleh UMNO-UMNO Bahagian, MCA-MCA Bahagian.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Pengerusi, Hey, Yang Berhormat bagi Batu Gajah! UMNO-UMNO jangan cakap.

Seorang Ahli: Tuan Pengerusi, tidak usah, tidak usah bagi terus.

Cik Fong Po Kuan: Saya pohonlah, saya haraplah, bila ada persaingan..... baru ada pembangunan.

Seorang Ahli: Dia mula bantai sudah.

Dato' Paduka Haji Badruddin Amiruldin: DAP pembangkang.

Cik Fong Po Kuan: Bila ada persaingan, baru ada pembangunan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Takkan hendak bagi parti pembangkang. Jangan bagi Dato', jangan kat depa. DO boleh buat kerja dalam kawasan depa. *[Disorak]*

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Pengerusi, yang permohonan tidak diluluskan ini, bukan semua diluluskan. Serdang minta RM 25 juta ditolak.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya minta RM2 juta pun tidak dapat.

Cik Fong Po Kuan: Tujuh ribu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tujuh ribu sebab sikit sangat. *[Ketawa]*

Dato' Mustapa bin Mohamed: Terima kasih, Tuan Pengerusi, saya teruskan. Seterusnya Kuala Selangor

Tuan Lim Hock Seng: Yang Berhormat Menteri, penjelasan!

Dato' Mustapa bin Mohamed: Sudah cukup isu itu, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Isu yang sama, Yang Berhormat. Isu yang sama. Cukup.

Cik Fong Po Kuan: Penjelasan!

Dato' Mustapa bin Mohamed: Sudah, sudah jelas.

Cik Fong Po Kuan: Bolehlah, bolehlah, dia jarang bangunlah.

Tuan Lim Hock Seng: Orang tualah, hormati orang tua. *[Disorak]*

Dato' Mustapa bin Mohamed: Benda yang sama hendak diulang-ulang, pusing-pusing tang tu juga.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, Yang Berhormat, kalau tidak bagi, tidak bagilah.

[Dewan gamat seketika]

Tuan Lim Hock Seng: Soalan saya belum dijawab, saya ada sentuh perkara ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat bagi Bagan, dia tidak bagi.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Ada, ada Yang Berhormat.

Tuan Lim Hock Seng: Hah, ada bagus. *[Ketawa]*

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Kuala Selangor juga mencadangkan supaya diadakan kaedah seragam berkaitan dengan lantikan JKKK di peringkat akar umbi kerana beliau berpendapat, elaun dan faedah lain-lain. Saya ingin memaklumkan bahawa JKKK ini di bawah pentadbiran kerajaan negeri, maka ianya berbeza. Bagi JKKK negeri Yang Berhormat, saya difahamkan elaunnya tinggi, paling tinggi dalam Malaysia tetapi bagi JKKK negeri Yang Berhormat bagi Arau elaunnya rendah, jadi ini bergantung kepada negeri, kemampuan kewangan negeri. Jadi, kita cuba menyelaraskan tentang fungsi dan tanggungjawab tetapi mengenai kaedah elaun-elaun kita serahkan kepada kerajaan negeri mengikut kemampuan mereka masing-masing.

Rembau mencadangkan supaya Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan diperkasakan dengan ditambah bilangan kakitangan, dinaiktarafkan. Kita sentiasa mengkaji perkara ini dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberi perhatian yang khusus kepada *delivery system*, kepada pelaksanaan projek. Yang Amat Berhormat ingin melihat agar projek-projek disempurnakan dalam tempoh yang ditetapkan dan berkesan dalam erti kata mencapai matlamat yang telah disasarkan. Oleh hal yang demikian, perkara ini adalah perkara yang penting dan kerajaan akan terus memastikan bahawa UPP memainkan peranan, memastikan bahawa program projek kerajaan dapat dilaksanakan dengan sempurna.

Yang Berhormat bagi Bagan ada bercakap tentang pelancong

Cik Fong Po Kuan: Mohon penjelasan.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Nanti saya selesaikan Yang Berhormat bagi Bagan. Yang Berhormat bagi Bagan kata peruntukan Ahli Parlimen ini boleh diguna untuk melancong. Tidak boleh untuk melancong, untuk lawatan sambil belajar boleh, tetapi untuk melancong tidak boleh. Dan mekanisme untuk memastikan perbelanjaan dilaksanakan dengan lebih baik, ini satu perkara yang kerajaan peka. Kita sebuah kerajaan yang bertanggungjawab, kita tidak mahu ada penyelewengan dan jika ada penyelewengan seperti kes baru-baru ini yang keluar surat khabar di Johor umpamanya, maka tindakan sewajarnya kena diambil. Ini bukan kali pertama, di Pahang ada, di Johor ada, banyak kes dihadapkan ke mahkamah dan kerajaan mengucapkan berterima kasih kepada Yang Berhormat bagi Bagan dan kita akan ambil tindakan sewajarnya. Pihak berkenaan, mahkamah akan ambil tindakan sewajarnya untuk membanteras, membendung perkara ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Batu Gajah, hendak bagi jalan?

Cik Fong Po Kuan: Mohon penjelasan. Yang Berhormat Menteri tadi ada menyentuh berkenaan pelaksanaan projek, *delivery system*. Saya semalam ada bangkitkan berkenaan apakah hasil siasatan, kesemua siasatan yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara, berkenaan kelemahan kontraktor, pekerja tidak dibayar, projek terbengkalai, mutu kerja yang lemah, apakah tindakan susulan selepas laporan yang tebal ini di bentang dalam Dewan.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Batu Gajah dia tidak sabarlah. Dia muda ke tua? Saya kurang pasti. *[Ketawa]* Terlalu muda, terlalu muda.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Dia memang tidak sabar orangnyalah.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tidak sabar, tidak sabar. Jadi, kita akan sampai ke situ. Tadi Yang Berhormat bagi Bagan bangun, saya memang hendak jawab dah, nasib baik saya jawab ya. Tunggu-tunggu, insya-Allahlah habis semua kita jawab. Okey, saya jawab dululah, saya jawab Yang Berhormat bagi Batu Gajah dulu, ya.

Mengenai Audit Negara ini, lepas ini kita akan bahaskan Kementerian Kewangan kerana perkara ini berkait rapat, lebih rapat dengan Kementerian Kewangan. Kementerian Kewangan akan cuba menjawab masalah kontraktor, masalah *over budget*, masalah hutang dan lain-lain. Ya, saya dengar, saya ada sini semalam, saya ada catit semua, tetapi lebih baik Kementerian Kewangan menjawab perkara ini kerana ia berkait rapat, lebih rapat dengan peranan Kementerian Kewangan khususnya, tindakan-tindakan yang akan diambil. Jadi, timbalan menteri ada, setiausaha Parlimen ada, dia garu kepala sikit, [*Ketawa*] tiada masalah ya, akan dijawab oleh Kementerian Kewangan.

Seterusnya selesai bahagian UPP, sudah dua selesai. Yang ketiga, Tuan Pengerusi ialah BTN, Biro Tata Negara. Yang Berhormat bagi Seputeh mendakwa telah menerima satu e-mail seorang peserta kursus. E-mail ini diterima juga.....

Ir. Haji Hamim bin Samuri: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]: Ya, mengenai apa Yang Berhormat. Menteri belum jawab lagi Yang Berhormat.

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Tentang UPP ada satu, tentang projek LPT, Lebuh Raya Pantai Timur.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Ho, itu sampingan sahajalah. LPT ini, mengikut kenyataan Menteri Kerja Raya kosnya akan meningkat, itu kenyataanlah, dengan izin, '*Flying the kites, testing the water*', kalau ikut *estimate* awal RM1.5 bilion, sekarang ini mengikut kenyataan akhbar dia kata bertambah RM500 juta, dan mengikut beliau pula, Menteri Kerja Raya, ini kerana kos *procument*, kos diesel dan lain-lain meningkat, itu pandangan beliau. Kita belum ada apa-apa muktamad tentang perkara ini dan saya kurang pasti asas yang digunakan untuk mendapatkan angka RM500 juta tambahan pada kos LPT seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri. Saya akan minta penjelasan daripada beliau tentang asas-asas yang boleh beliau membuat andaian bahawa kos meningkat sampai RM500 juta. Terima kasih, Yang Berhormat bagi Ledang.

Mengenai Biro Tata Negara, Yang Berhormat bagi Seputeh mendakwa telah menerima satu e-mail daripada seorang peserta kursus. E-mail ini juga diterima oleh Ketua Pengarah, Biro Tata Negara, mendakwa tentang adanya penceramah yang menyebarkan fahaman lampau agama, bangsa. Kes ini, memang e-mail dihantar juga kepada Ketua Pengarah. Saya dimaklumkan bahawa kurikulum kursus Biro Tata Negara ini meliputi beberapa perkara termasuklah mengenai merdeka, mengenai sosial kontrak, dasar-dasar negara, ini antara kurikulum, mengenai cintakan negara, *loyalty*, ini semua penting, sejarah, antara kurikulum ya, kursus banyak.

Tahun 2004 umpamanya, hampir 950 ribu peserta kursus BTN, tahun ini kira-kira suku juta sampai bulan Ogos, banyak kursus dianjurkan. Yang disebut oleh Yang Berhormat tadi kursus Ketatanegaraan, di mana ada mengenai sejarah, orang Melayu, orang China, tujuannya ialah untuk memahami satu bangsa dapat memahami bangsa yang lain. Untuk makluman Yang Berhormat, 7% daripada peserta kursus Tatanegara ini dihadiri oleh peserta-peserta bukan Melayu. Daripada pengamatan pihak Biro Tata Negara, satu dua kes mungkin yang kurang puas hati dalam penilaian yang dibuat oleh BTN, didapati bahawa kebanyakan peserta bukan Melayu, bukan bumiputera yang menghadiri kursus ini mendapat kefahaman yang lebih, dengan izin *appreciate*, *exposure* dengan pendedahan yang diberikan.

Ada satu, dua - biasa dalam satu kumpulan beratus, beribu, 950 ribu dalam tahun 2004 ada yang tak puas hati itu perkara biasa dalam mana-mana organisasi, tapi BTN dimaklumkan bahawa secara umumnya diterima baik juga oleh peserta-peserta kursus bukan bumiputera. Jadi, itulah penjelasan yang saya hendak berikan berkaitan dengan dakwaan Ahli Yang Berhormat bagi Seputeh. Walau bagaimanapun, kita tidak menggalakkan sesiapa bercakap tentang pelampau, kita Islam Hadhari, kita bukan pelampau Muslim, kita bukan pelampau Melayu, kita moderat, itu merupakan sederhana pendekatan kita dan kita ucap terima kasihlah atas pandangan Yang Berhormat bagi Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kalau mengikut jawapan Yang Berhormat Menteri maksudnya hanya 7% daripada jumlah peserta adalah dari bukan Melayu. Jadi bermaksud kursus ini adalah lebih kepada kaum Melayu sahaja yang mana 93%. Saya rasa ini adalah keadaan yang agak tidak sihat. Kalau pensyarah ini semua Melayu, 93% peserta Melayu maksudnya mesej yang ingin disampaikan itu kita tahulah semua ini bergantung kepada macam mana pensyarah menyampaikan kurikulum yang disebutkan tadi.

Pada pandangan saya kalau Biro Tata Negara ini adalah untuk memupuk kefahaman para peserta tentang sejarah pembentukan negara kita, kenapakah ia tidak dibuka kepada semua. Mungkin semua Ahli Yang Berhormat di Dewan ini juga dijemput menghadiri kursus Biro Tata Negara. Marilah kita tengok dan lihat apakah mesej yang disampaikan oleh pensyarah kepada para peserta kerana kenapakah hanya pelajar Melayu yang dijadikan tumpuan untuk kursus ini. Saya rasa ini adalah masalah. Kalau kita lihat *National Service* semua kaum berada bersama. Jadi pensyarah yang ingin....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: cukup Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim:menyampaikan mesej yang melampau itu dia pun tidak berapa berani kerana dia harus menghadapi begitu ramai peserta daripada pelbagai kaum.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Terima kasih. Kita ambil perhatian pandangan Yang Berhormat bagi Seputeh. Yang Berhormat bagi Sabak Bernam mencadangkan supaya belia lepak juga dilibatkan dengan kursus-kursus BTN. Saya maklumkan bahawa BTN mempunyai peserta daripada golongan ini melalui Persatuan Belia 4B, MBM, OAIC dan lain-lain dan kita boleh tambah peserta daripada golongan belia kerana kita akui bahawa golongan ini merupakan golongan yang perlu diberi perhatian lebih memandangkan gejala sosial yang sedang melanda negara kita. Selesai mengenai Biro Tata Negara.

Yang keempat ialah Jabatan Perkhidmatan Awam. Yang Berhormat bagu Kuala Lipis membangkitkan dua perkara. Yang pertama ialah supaya pegawai kontrak diberi laluan yang lebih senang untuk memenuhi atau mengisi jawatan-jawatan kosong dalam perkhidmatan awam. Kita tidak ada keutamaan (*priority*) begini setakat ini. Tapi kita berpandangan bahawa oleh kerana mereka sudah bekerja sebagai kontrak seharusnya mereka mempunyai kelebihan dari segi pengalaman. Sudah pasti apabila mereka ditemu duga apakah pekerjaan mereka, ada pengalaman dua tiga tahun dan ada kemahiran tertentu sudah pasti apabila *interview* ini diambil kira juga.

Saya rasa pada pandangan saya mereka mempunyai kelebihan apabila di panggil temu duga. Tidak ada dasar kerajaan untuk memberi keutamaan khusus kepada mereka yang bekerja secara kontrak kerana kalau begini keadaannya ramai lagi yang baru keluar universiti umpamanya setiap tahun. Kalau kita bagi perhatian kepada kontrak apa hendak jadi kepada mereka ini. Oleh itu, kita adil dari segi ini di mana peluang diberi sama rata kepada yang bekerja secara kontrak ataupun dalam kategori lain.

Perkara kedua yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Lipis berkaitan PTK. Ini peperiksaan untuk melayakkan seseorang naik pangkat dan juga untuk melepasi beberapa halangan gaji dan lain-lain. Yang Berhormat mencadangkan supaya bagi beberapa golongan profesional tidak perlu diadakan PTK. Saya maklumkan bahawa perkara ini secara prinsip setuju oleh kerajaan umpamanya untuk doktor, bagi pakar-pakar tertentu sudah disetujui secara prinsip cumanya kaedah pelaksanaannya insya-Allah akan dimuktamadkan dan dengan itu sebahagian profesional khususnya doktor dalam kes ini tidak perlu lagi menduduki beberapa halangan PTK yang ditetapkan untuk pegawai kerajaan. Ini masih lagi dalam perbincangan antara pihak JPA dan Kementerian Kesihatan dan secara prinsipnya telah dibuat keputusan dan akan dilaksanakan. Cuma tunggu masa sahaja.

Seterusnya Yang Berhormat bagi Bandar Kuching membangkitkan tentang 2,000 pekerja-pekerja kontrak di Sarawak tidak ada kaitan dengan Kerajaan Pusat. Tetapi beliau mahu supaya dibayar gaji hari Ahad, diberi *housing loan* (pinjaman perumahan). Mereka

kontrak maka mereka tidak layak kerana kontrak bermakna mereka mungkin setahun, dua tahun. Kalau diberikan *housing loan* maka macam mana mereka hendak bayar. Jadi walau bagaimanapun 2,000 orang ini adalah isu Kerajaan Negeri Sarawak dan tidak melibatkan dengan Kerajaan Pusat. Cuma saya sentuh oleh kerana Yang Berhormat bangkitkan dalam Dewan yang mulia ini, ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bandar Kuching.

Tuan Chong Chieng Jen: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Walaupun pekerja itu kontrak dianggap sebagai *daily pay* tetapi mereka sudah berkhidmat 30 tahun lebih dan saya ingin membaca sebahagian petisyen yang mereka tulis di sini: "*We are all JKR employees and currently attached to the divisional office Batu Lintang who as some of us having serving in the department for over 30 years plus. Tough we are in the junior service we have also contributed considerably to our government, our work load and responsibilities are as heavy as if not heavier than our monthly pay counter pass and there's no different in carrying out of our daily routine.*"

Itu adalah perasaan mereka. Mereka menjalankan tugas yang sama seperti semua pegawai kerajaan tetapi ada banyak manfaat kebajikan yang pegawai kerajaan menikmati tetapi mereka tidak nikmati walaupun mereka sudah berkhidmat 30 tahun.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Faham Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen:tetapi mereka tidak ada.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup.

Tuan Chong Chieng Jen:peluang untuk di *promotion*. Langsung tidak ada peluang untuk *promotion*. Ini tidak adil dan dalam salah satu objektif.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen:di bawah jabatan. Bukan, bukan. Ini bukan sahaja itu.....

Dato' Mustapa bin Mohamed: Cukup, cukup. Ini melibatkan hal negeri Sarawak.

Tuan Chong Chieng Jen: Ini bukan sahaja hal negeri kerana dalam buku Jabatan Perkhidmatan Awam salah satu objektif dan aktiviti ialah untuk memastikan sistem saraan yang dapat menarik, membangun, mengekalkan anggota sektor awam dan menjalinkan hubungan majikan pekerja yang harmoni.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen: Kalau ini.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah.

Tuan Chong Chieng Jen:walaupun mereka Tuan Pengerusi....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: itu kerajaan negeri Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen: Walaupun mereka ini pekerja negeri, saya anggap Kerajaan Pusat juga ada tanggungjawab kerana semua baiknya.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat. Menteri dah faham itu.

Tuan Chong Chieng Jen:kerajaan negeri atau Kerajaan Pusat dia juga Kerajaan Barisan Nasional.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bandar Kuching. Kita prihatin dengan masalah mereka tetapi ikut peraturan sekarang pegawai kontrak bermakna mereka bukan pekerja untuk tempoh yang lama, mungkin setahun enam

bulan. Oleh itu beberapa kemudahan tidak dapat kita panjangkan. Itulah dasar kita pada masa ini. Tuan Pengerusi, selesai berkaitan dengan jabatan Perkhidmatan Awam. Saya pergi kepada sekarang Biro Perkhidmatan Awam.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Ipoh Barat. Hendak bagi jalan Yang Berhormat? Ipoh Barat.

Tuan M. Kula Segaran: Terima kasih Tuan Pengerusi. Mengenai JPA. Apakah *principal* yang dipakai sekarang memandangkan beberapa kali pengambilan masyarakat minoriti itu setiap kali terlampau kurang hingga menjadi masyarakat India dan Cina sekarang kurang dari 20% dalam *civil service*. Apakah inisiatif-inisiatif atau insentif-insentif yang telah dibuat supaya lebih peluang diberi kepada mereka untuk memainkan peranan dalam proses pentadbiran negara ini.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tidak ada insentif khusus diberikan kepada kaum-kaum lain untuk memasuki perkhidmatan awam. Inisiatif adalah. Kita memang umpamanya dalam Polis Diraja Malaysia (PDRM), parti-parti politik MCA, Gerakan dan MIC mengambil peranan untuk cuba menggalakkan kaum cina India memasuki Polis Diraja Malaysia sebagai contohnya. Kita dapati bahawa satu masalah yang kita hadapi ialah bilangan yang memohon adalah tidak seramai mana yang kita hajatkan umpamanya untuk polis. Sesetengah pekerjaan memang tidak diminati langsung oleh kaum Cina dan India. Ini masalah yang kita hadapi.

Tuan Chong Chieng Jen: [Bangun]

Dato' Mustapa bin Mohamed: Dasar kerajaan ialah untuk menambah bilangan pegawai kerajaan terdiri daripada bukan Melayu dan beberapa inisiatif telah pun diambil tetapi setakat ini belum berjaya dan Ahli Yang Berhormat bandar Ipoh Barat dan Bandar Kuching dan lain-lain boleh memainkan peranan untuk menggalakkan golongan India dan juga Cina menyertai perkhidmatan awam.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bandar Kuching, Bandar Kuching apa lagi?

Dato' Mustapa bin Mohamed: Cukuplah, ya.

Tuan M. Kula Segaran: Sedikit, sedikit sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat nak bagi yang mana? Yang Berhormat Menteri sila duduk. Ipoh Barat..

Tuan M. Kula Segaran: Baru-baru ini menteri telah menghadiri satu mesyuarat di mana masyarakat India bila menanya selepas satu penerangan diberi oleh menteri adakah penerangan itu boleh diterima oleh masyarakat tersebut bukan satu orang pun setuju kepada pandangan seperti *stand* yang dibuat oleh menteri sekarang. Ini adalah masalah. Di antaranya ialah Menteri Sungai Siput, Menteri Kerja Raya sendiri mengatakan bahawa kenaikan pangkat di polis dan di askar untuk masyarakat minoriti langsung tidak ada semasa mesyuarat itu yang di mana Menteri sendiri yang hadir. Apakah jawapan mengenai perkara itu?

Dato' Mustapa bin Mohamed: Dakwaan Ipoh Barat langsung tidak ada peluang naik pangkat bagi kaum lain adalah tidak benar hakikatnya ada pegawai kanan dalam pentadbiran kerajaan daripada kaum lain saya menafikan sekeras-kerasnya dakwaan Ipoh Barat tadi. Satu perkara yang nak dijelaskan di sini bahawa dari segi *success rates* ataupun kadar kejayaan untuk kaum India kita dapati bahawa 20 peratus kalau mengikut rekod SPA Suruhanjaya Perkhidmatan Awam PAC kita dapati kadar kejayaan daripada minta sampailah dapat kira-kira 20 peratus India, bumiputera cuma lima, enam peratus, Cina 12, 13 peratus jadi kadar kejayaan kita bandingkan yang pohon jawatan dalam perkhidmatan awam dengan yang berjaya maka kemudian mendapat kadar kejayaan yang paling tinggi sekali dalam negara kita, orang Cina yang kedua, orang bumiputera oleh sebab bilangannya ramai maka kadar kejayaannya adalah paling rendah itu dari segi pakar.....

Tuan Chong Chieng Jen: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bandar Kuching. Nak bagi jalan?

Tuan Chong Chieng Jen: Saya satu soalan. Saya satu soalan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat hendak bagi jalankah tidak?

Dato' Mustapa bin Mohamed: Saya ingat cukuplah. Saya pergi kepada Biro Pengaduan Awam.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Bandar Kuching.

Tuan Chong Chieng Jen: Saya satu soalan mengenai itu *daily pay workers*. Saya mahu satu pendirian yang jelas daripada menteri sama ada Kerajaan Pusat tidak akan langsung menghiraukan perkara itu atau masalah Kerajaan Pusat akan berunding dengan kerajaan negeri supaya pekerja itu boleh *diconvert* kepada *monthly pay workers* kerana ada *exercise* untuk *conversion* yang telah dilaksanakan lapan tahun lalu tetapi sekarang tidak dilaksanakan so saya mahu tahu apakah pendirian Kerajaan Pusat?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen: Bolehkah menteri menjelaskan.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Kita serahkan Kerajaan Negeri Sarawak untuk berunding dengan pihak berkenaan termasuklah Kerajaan Pusat serah kepada kerajaan negeri.

Mengenai Biro Perkhidmatan Awam ataupun *Public Compliance Bureau* Tuan Pengerusi, agensi ini ataupun biro ini akan diberi tugas yang lebih besar Yang Berhormat Perdana Menteri melawat sendiri pada 17 Oktober yang lalau biro ini memberi beberapa amanat yang penting untuk memperkasakan lagi Biro Pengaduan Awam. Perkara ini dibangkitkan oleh Serdang beliau menyatakan bahawa tidak ada tindakan yang diambil oleh jabatan apabila aduan dibuat.

Saya ingin memaklumkan bahawa *success rates* ataupun kadar kejayaannya kerajaan berpuas hati dalam pada itu Yang Berhormat Perdana Menteri sendiri memberi perhatian dan beliau telah menyarankan supaya diperkasakan. Biro Pengaduan Awam.

Datuk Salleh bin Tun Said: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Kota Belud Yang Berhormat.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Saya selesai dahulu. Tahun 2003 umpamanya, 98.55 peratus daripada aduan telah berjaya diselesaikan. Tahun 2004 sebanyak 80.83 peratus. Kadar kejayaannya agak tinggi cumanya tidak semua masalah dapat diselesaikan seperti Yang Berhormat sedia maklum kalau melibatkan isu kewangan umpamanya kalau *complain* mengenai permohonan tak dapat, mesti ada sebab kenapa jadi tugas BPA biro ini ialah untuk mengurangkan kerenah pentadbiran, tugas utama, tidak mahu orang-orang yang sengaja melengah-lengahkan membuat keputusan umpamanya tetapi sudah pasti kalau hal-hal berkaitan dengan undang-undang umpamanya kalau hendak BPA selesaikan kewangan adalah mustahil untuk BPA dia kena rujuk kepada pihak berkenaan undang-undang ke, Kementerian Kewangan sebelum satu keputusan dapat dibuat.

Kerajaan berpuas hati dengan biro ini dan akan diperkasakan lagi kerajaan melihat ini sebagai satu biro yang penting untuk pastikan bahawa kita dapat melaksanakan program dan projek kerajaan dengan lebih sempurna.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kota Belud.

Dato' Yap Pian Hon: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri, sebenarnya silap apa yang dikatakan.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Menteri, Kota Belud.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Dua-dua pun tak apa.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kota Belud dulu lepas itu Serdang.

Datuk Salleh bin Tun Said: Ini Pengerusi Yang Berhormat Menteri, alternatif kepada Biro Pengaduan Awam ialah penubuhan *ombudsman* dan saya ada sentuh perkara ini dalam ucapan dasar dan kerajaan berpendapat tidak sesuai untuk ketika ini. Saya cuma ingin tahu sama ada kerajaan ada membuat kajian yang mendalam sebelum menolak penubuhan *ombudsman* ini kerana pada pemerhatian saya dibanyak negara dengan penubuhan *ombudsman* dapat membantu untuk menyelesaikan banyak masalah yang ada kaitannya dengan kerenah birokrasi.

Oleh sebab pada pendapat saya *ombudsman* ini mempunyai *semi judicial power* tidak seperti Biro Pengaduan Awam, saya ingin tahu adakah kajian mendalam dibuat sebelum ia ditolak?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Serdang sebelum menteri jawab.

Dato' Yap Pian Hon: Terima kasih Tuan Pengerusi sebenarnya saya nyatakan tanya tuan kepada biro itu telah berjaya. Selepas biro tersebut menyiasat, tak ada semakan perkara tersebut dan sampaikan kepada jabatan yang berkenaan untuk atasinya tetapi jabatan yang berkenaan tidak akan ambil tindakan. Oleh itu Biro Pengaduan Awam itu jadikan kerja-kerja sia-sia sahaja. Itu sebab rakyat kecewa kerana jabatan yang berkaitan dengannya untuk atasi masalah tidak ambil tindakan seperti apa yang telah diminta oleh biro tersebut ini satu masalah.

Dato' Mustapa bin Mohamed : Tuan Pengerusi kita berpuas hati dengan biro ini tetapi sudah pasti ada banyak ruang untuk diperbaiki prestasinya. Saya sudah sebut tadi kalau ambil tindakan, kalau melibatkan kewangan undang-undang itu had biro sahaja. Kalau umpamanya kekurangan peruntukan, maka memang tak dapat selesai masalah tersebut ataupun melibatkan undang-undang maka kalau bercanggah apa yang di hasrat oleh rakyat itu mungkin bercanggah undang-undang oleh itu tak dapatlah diselesaikan. Itu yang saya katakan tadi banyak kes diselesaikan ada kes tak dapat diselesaikan mungkin ada kaitan dengan hal kewangan ataupun undang-undang.

Berkaitan Kota Belud semasa Yang Berhormat Perdana Menteri melawat biro pada 17 Oktober, beliau membuat lima keputusan:

- (i) untuk menambah atau mengkaji semula keperluan sumber manusia di biro;
- (ii) untuk mewujudkan Lembaga Penasihat bagi biro yang melibatkan juga pihak awam, orang awam;
- (iii) mewujudkan sistem pool untuk mendapat maklumat orang ramai tentang tahap kepuasan terhadap prestasi biro;
- (iv) mengambil tindakan proaktif;
- (v) meningkatkan publisiti tentang aktiviti.

Dengan lima tindakan ini kita rasa akan ada banyak lagi peningkatan prestasi jadi kita buat benda-benda ini dengan izin, *in stages incremental* kalau kita pergi pada *ombudsman*, sesuai untuk beberapa buah negara tetapi pada masa ini tidak belum lagi sesuai untuk negara kita Malaysia kerana kita yakin bahawa biro akan dapat memainkan peranan dengan lebih berkesan lagi.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu apa peranan Biro Pengaduan Awam mengenai penyalahgunaan kuasa macam baru-baru ini apabila mahkamah ada mengisytiharkan bahawa satu *development order* MPPJ Majlis Perbandaran Petaling Jaya tidak sah oleh sebab tempat tanah di *reserve*, pembinaan dua *double-story* bangunan tidak sah, memerintah bahawa perlu ganti

rugi dibuat tetapi ganti rugi akan dibuat atas menggunakan wang rakyat sebagai pembayaran cukai. Sebenarnya patut dibayar oleh kaunselor oleh MPPJ pegawai oleh kerana mereka yang buat bersalah itu kelakuan yang tidak sah.

Apa tindakan boleh dibuat oleh semua *complainants* MPPJ kepada Biro Pengaduan Awam supaya ganti rugi ini bukan dibuat atas wang MPPJ tetapi atas dibayar oleh mereka sendiri. Bolehkah Biro Pengaduan Awam buat apa dalam perkara semacam ini?

Dato' Mustapa bin Mohamed: Saya minta Ipoh Timor meminta pihak-pihak berkenaan yang terlibat kes ini MPPJ ini untuk merujuk terus kepada Biro Pengaduan Awam dan dia akan menjalankan tugas seperti mana yang diamanahkan, BPA akan cuba membantu setakat mana yang boleh tetapi ada hal-hal.....

Tuan Lim Kit Siang: Biro Pengaduan Awam boleh menerima perkara ini dan kalau tidak ada selesai boleh merujuk kepada Jabatan Perdana Menteri untuk selesai?

Dato' Mustapa bin Mohamed: Saya tak dapat beri jaminan untuk menerima aduan tak ada masalah, saya pun tak tahu *detail* ini perkara spesifik kalau mahu ikat saya kaki dua kaki di sini *this is unfair* dengan izin kita hendak tengok dulu belum jawapan kena siasat dulu jadi saya tak tahu kes apa ini kena tengok *detail* lah. Terima kasih Ipoh Timor.

Seterusnya saya pergi kepada Yang Berhormat bagi Rembau ada membangkitkan tentang *quarters*, *quarters* di Rembau setelah semakan dibuat kita difahamkan bahawa *quarters* ini dimiliki oleh kerajaan negeri. Jadi kalau saya silap, betulkan selepas ini tetapi itu maklumat yang saya perolehi, maka kalau ada hasrat untuk membangunkan semula *quarters* ini, Yang Berhormat Rembau perlu merujuk kepada pihak kerajaan negeri.

Seterusnya berkaitan dengan bahagian keselamatan negara, ini isu IMM 13 yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Tuaran yang berkaitan dengan status pelarian daripada Filipina. Seperti Yang Berhormat sedia maklum, mereka ini dahulu dikendalikan oleh UNHCR dan pihak Bahagian Keselamatan telah menyasarkan 31 Disember 2006 iaitu lagi 14 bulan untuk menyelesaikan masalah status pelarian Filipina ini, lagi 14 bulan. Selepas tempoh ini mereka yang belum mendaftarkan diri dalam program permit masuk akan dianggap sebagai pendatang asing dan tindakan menghantar mereka balik akan diambil. Isu perwujudan IMM 13 yang palsu memang diketahui oleh pihak kerajaan dan perkara ini sedang ditangani sama ada hendak menggantikan dengan yang baru ataupun yang lama seperti yang dicadangkan Yang Berhormat ialah *MyKad*. Itu cadangan Yang Berhormat, tetapi perkara ini sedang dikaji oleh pihak kerajaan iaitu berkaitan dengan Bahagian Keselamatan Negara.

Tuan Pengerusi, akhir sekali....

Tuan Wilfred Madius Tangau: Penjelasan, penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]: Ya, ada dua Yang Berhormat bangun. Ya, Yang Berhormat Tuaran.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas penjelasan tentang dokumen IMM 13 tadi. Dalam satu Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara satu ketika dahulu kita telah memanggil KSU daripada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan beliau telah menyatakan kepada ahli-ahli bahawa sebahagian daripada orang yang mendapat IMM 13 ini akan dipertimbangkan untuk diberi kewarganegaraan.

Malah menurut beliau ada sebilangan kalau tidak silap saya lebih kurang 18 ribu sudah dalam proses dan sebagainya. Saya ingin tahu dalam proses menyelesaikan, tarikh yang Yang Berhormat Menteri nyatakan tadi itu, 31 Disember tahun depan, adakah sebahagian daripada penyelesaian itu adalah pemberian kewarganegaraan kepada mereka? Itu satu persoalan pertama. Yang kedua persoalannya ialah, setelah selesai nanti yang kad ini, saya ingin tahu apakah kad ini masih lagi dalam taraf IMM13, makna dia mereka masih dikecualikan daripada Akta Imigresen ataupun apakah sebenarnya kad yang

akan diberi ini sebab banyak kekeliruan, kita keliru tentang apa sebenarnya status kad yang akan diberi kepada pelarian Filipina ini. Minta penjelasan.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Kerajaan tidak ada rancangan atau cadangan untuk menarik balik pengecualian di bawah Akta Imigresen untuk diberikan kepada pelarian Filipina pada masa ini dan mereka masih menggunakan IMM 13 pada masa inilah, tidak ada perubahan dalam dasar kerajaan.

Berkaitan dengan apa yang akan berlaku apabila tibanya tempoh 31 Disember 2006, kerajaan pada masa ini belum membuat apa-apa keputusan kerana ini memerlukan kajian yang amat teliti, melibatkan seperti Yang Berhormat kata, satu angka yang besar RM60 ribu, jadi kita tunggu hasil kajian kerajaan sehingga akhir tahun depan. Akhir sekali Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam.....

Puan Teresa Kok Suh Sim: Minta penjelasan.

Dato' Mustapa bin Mohamed:dan Yang Berhormat bagi Rembau, Yang Berhormat bagi Seputeh tidak ada.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Bukan, tentang isu IIM kad.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Habis, cukuplah Yang Berhormat bagi Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Bukan, tentang masalah isu IMM card yang *specialised*...

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan Sabak Bernam.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Yang Berhormat bagi Seputeh tidak ada IMM.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ada, ada.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tidak ada, tidak ada.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ini berkaitan, berkaitan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat bagi Seputeh, cukuplah Yang Berhormat bagi Sabak Bernam.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Yang Berhormat Menteri saya hanya hendak tanya tentang...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]: Menteri bagi jalan?

Dato' Mustapa bin Mohamed: Cukup, cukup.

Puan Teresa Kok Suh Sim: ...cadangan kerajaan yang bagi...

Dato' Mustapa bin Mohamed: Cukup, tidak relevan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat, menteri tidak bagi jalan, cukuplah Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim:kad IMM kepada Rohingya Muslim dari Burma itu.....

Dato' Mustapa bin Mohamed: Duduk, duduk.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat cukuplah.

Puan Teresa Kok Suh Sim:telah pun diumumkan satu tahun yang lepas.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Jadi apakah kedudukan tentang isu ini sekarang?

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Seputeh, Yang Berhormat Menteri tidak bagi jalan.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Yang Berhormat Sabak Bernam.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Pengerusi cukuplah mengenai IIM 13.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Tidak, Yang Berhormat Sabak Bernam ada kaitan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Sabak Bernam hendak bagi jalan?

Dato' Mustapa bin Mohamed: Apa cerita?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, Yang Berhormat...

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Tuan Pengerusi ini ada kaitan dengan Bahagian Keselamatan Negara ini, saya bercakap bertanya tentang *international collaboration* ini, jadi permuafakatan antarabangsa tentang penyeludupan dadah. Sebenarnya kita telah pun ada satu deklarasi peringkat ASEAN mengenai dadah ini. Malah di peringkat *Colombo Plan Advisory Council* kita ada sumbangan RM25 ribu setahun. Jadi saya hendak bertanya setakat manakah permuafakatan antarabangsa ini telah ataupun sedang dilaksanakan? Terima kasih.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat diberi masa tiga minit untuk cakap, dia cakap satu ayat sahaja mengenai penyeludupan, jadi saya kurang faham, jadi sekarang ini Yang Berhormat hendak bagi penjelasan lanjut. Isu ini berkaitan dengan Kementerian Keselamatan Dalam Negeri dan saya cadangkan Yang Berhormat bagi Sabak Bernam bangkitkan perkara ini semasa membahaskan belanjawan peringkat Jawatankuasa Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, lebih merujuk kepada mereka ya, merujuk kepada Kementerian Keselamatan Dalam Negeri.

Yang Berhormat Bukit Mertajam Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Tuaran membangkitkan tentang *breakdown* bumiputera minoriti ekuiti. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebelum ini tidak ada angka kerajaan berkaitan ekuiti yang dipecahkan mengikut pecahan kaum bagi bumiputera. Bagi sesetengah perangkaan kemiskinan umpamanya kita ada perangkaannya, Dayak, Kadazan Dusun, berapa peratus dalam kemiskinan itu ada, tetapi ekuiti tidak ada sebelum ini tetapi langkah-langkah telah pun diambil mulai tahun lepas dalam penyediaan RMK-9, kita sudah pun ada angka-angka ini secara tentatif, secara belum muktamad lagi.

Dahulu oleh kerana syarikat-syarikat kena kemukakan akaun mereka kepada SSM, Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan tidak ada keperluan masa itu untuk memecah kepada Dayak, Iban dan lain-lain, maka tindakan sedang diambil dan angka-angka ini akan dapat kita maklumkan kepada pihak berkenaan apabila kita bentangkan RMK-9 nanti.

Tuan Wilfred Madius Tangau: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Tuaran bangun.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Data ini memang tidak ada pada masa ini dan kita sedang berusaha untuk mendapatkan data seperti yang Yang Berhormat maklum dalam perbahasan semalam, kalau tidak ada data macam mana hendak selesai masalah. Kita faham isu ini dan kita sedang mengambil tindakan sewajarnya untuk mendapatkan perangkaan.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Sedikit sahaja Yang Berhormat Menteri, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ini berhubung dengan borang di *Securities Commission*, adakah ini bererti bahawa di borang itu nanti akan dibuat pecahan. Maknanya mana-mana syarikat yang akan disenaraikan di Bursa Saham Malaysia, dia akan menentukan. Adakah ini yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Menteri?

Keduanya ialah dari segi perangkaan itu dalam *bulletin of statistic* itu, apakah nanti dalam *bulletin of statistic* itu akan diubah untuk memastikan supaya perangkaan itu dapat dimuatkan seperti mana yang dicadangkan. Terima kasih.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Dengan izin Tuan Pengerusi, *this is a very serious process*, sukar untuk kita buat satu persatu. Pada masa ini kita masih lagi berhubung dengan mereka. Langkah ini sedang dilakukan sama ada selepas ini akan dikehendaki mereka syarikat-syarikat memecahkan mengikut kumpulan bumiputera minoriti ini kita akan bincang dengan mereka kerana terlalu banyak suku kaum ini, berapa puluh, ini mungkin membebankan syarikat, Jadi itu jawapan kepada perkara tersebut.

Akhir sekali berkaitan agenda nasional baru yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, yang disebut oleh pihak pemuda UMNO ialah untuk mengembalikan falsafah dan semangat dasar ekonomi baru. Ini yang dimaksudkan dengan agenda nasional baru dan tempohnya 2006 sehingga 2020, tempoh 14 tahun kerana kita di pertengahan dan ada lima perkara yang didapati bumiputera masih lagi ketinggalan.

Yang pertamanya agihan pendapatan di mana pendapatan purata bumiputera berbanding bukan bumiputera masih ada lagi perbezaan yang besar 1.8 bagi setiap ringgit yang diperolehi oleh bumiputera dan bukan bumiputera memperoleh RM1.80 iaitu maksudnya 1:1.8..

Keduanya, guna tenaga profesional masih lagi kekurangan bumiputera dalam beberapa bidang, dalam bidang undang-undang dan *engineering*, masih lagi kekurangan.

Ketiganya, pencapaian akademik dan pendidikan masih lagi kita dapati prestasi pelajar bumiputera secara umumnya khususnya di bawah, di luar bandar di Sabah Sarawak masih lagi rendah.

Keempat, pemilikan hartanah di bandar utama, umpamanya mengikut kajian yang kita buat, pemilikan hartanah di bandar komersial, pemilikan hartanah komersial di bandar cuma 11% yang dimiliki oleh bumiputera.

Yang kelima ialah pemilikan ekuiti sektor korporat. Jadi lima perkara ini kita dapati bahawa bumiputera masih lagi belum mencapai matlamatnya. Oleh kerana matlamat DEB ialah yang pertama untuk membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum, yang kedua ialah untuk menstrukturkan semula ekonomi negara supaya tidak ada dengan izin ada *identification of race with the occupation*, maka itu oleh kerana matlamat belum dicapai, kita merasakan demi kestabilan sosial politik negara kita untuk menjamin perpaduan keharmonian, kita rasakan amat perlu semangat ini yang memang daripada dahulu sampai sekarang, walaupun namanya sekarang ini tidak DEB tetapi semangatnya masih lagi dua iaitu membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum, yang kedua menstrukturkan semula masyarakat. Itulah falsafah, itulah yang dimaksudkan dengan agenda nasional baru ini dan kita tahu ada pandangan-pandangan yang menyatakan bahawa bumiputera terlalu bergantung seperti yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam pada *handouts*, *lack of initiative* dan lain-lain.

Ini memanglah kita tahu dan itu sebabnya juga kita bercakap untuk menutup kebocoran, ketirisan. Bukan sahaja kita nak laksanakan dasar, tetapi kita nak pastikan bahawa tidak ada kebocoran, ketirisan dalam kita nak melaksanakan dasar-dasar ini. Jadi, tempohnya ialah 2006 – 2020. Tidak ada apa-apa kontroversi perkara ini. Ia dipersetujui pada tahun 1971, dan kita belum lagi mencapai matlamat demi kestabilan sosioekonomi dan politik negara adalah amat wajar dan penting kita meneruskan agenda ini supaya kita dapat berkongsi bersama dan kita yakin bahawa semua rakyat Malaysia akan memahami matlamat hasrat kerajaan ini.

Jadi, Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih kepada semua Yang Berhormat, yang telah menyertai perbahasan. Saya ucapkan terima kasih kerana memberi kerjasama sepenuhnya sehingga membolehkan saya tamat dalam tempoh satu jam sahaja. Terima kasih, selamat berpuasa, selamat Hari Raya Aidil Fitri, Wassalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM58,992,100 untuk Maksud B.1; RM1,886,600 untuk Maksud B.2; RM87,430,000 untuk Maksud B.3; RM30,759,100 untuk Maksud B.4; RM33,636,000 untuk Maksud B.5; RM2,258,556,400 untuk Maksud B.6; RM1,091,383,700 untuk Maksud B.7, RM79,728,500 untuk Maksud B.8; RM99,058,400 untuk Maksud B.9; dan RM11,555,000 untuk Maksud B.40 di bawah Jabatan Perdana Menteri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak RM58,992,100 untuk Maksud B.1; RM1,886,600 untuk Maksud B.2; RM87,430,000 untuk Maksud B.3; RM30,759,100 untuk Maksud B.4; RM33,636,000 untuk Maksud B.5; RM2,258,556,400 untuk Maksud B.6; RM1,091,383,700 untuk Maksud B.7, RM79,728,500 untuk Maksud B.8; RM99,058,400 untuk Maksud B.9; dan RM11,555,000 untuk Maksud B.40 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM2,656,248,700 untuk Maksud P.6 dan RM90,000,000 untuk Maksud P.7 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2006 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak RM2,656,248,700 untuk Maksud P.6 dan RM90,000,000 untuk Maksud P.7 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2006.

Maksud B.10, B.11 dan B.12 [Jadual] – Maksud P.10 dan P.70 [Anggaran Pembangunan 2006] -

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kepala Bekalan B.10 hingga B.12 dan Kepala Pembangunan P.10 dan P.70 di bawah Kementerian Kewangan terbuka untuk dibahas. Ya, Serdang.

4.35 ptg.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hanya ada beberapa perkara untuk mendapat penjelasan daripada pihak kementerian iaitu Butiran 021100 - Bantuan Kewangan Kepada Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK). Tahun lalu pihak kementerian telah memberi RM138 juta kepada IWK untuk tahun ini, dan tahun depan RM150 juta akan dibagikan lagi. Saya minta penjelasan, IWK telah diambil alih oleh Kementerian.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Dan sebagai agensi kerajaan terus di bawah perbadanan kewangan, saya minta berapa jumlah untuk mengambil alih saham dan pengurusan IWK sepanjang masa itu. Dan apa sebab bagi lagi peruntukan sebanyak RM150 juta akan diberikan lagi bantuan kewangan kepada IWK. Ini satu masalah yang sedang dihadapi di mana masih terdapat bahawa IWK banyak lagi tidak dapat mengutip wang daripada rakyat kerana ada terdengar-dengar mengatakan bahawa caj IWK itu terlalu tinggi di atas kawasan industri dan kawasan komersial.

Maka dengan demikian, apa ulasan atau pandangan dan nasihat daripada pihak kementerian untuk mengatasi masalah yang telah dibuat rayuan yang begitu lama oleh pihak yang berkenaan itu.

Dan lagi satu, Butiran 021700 - Pengurusan Sisa Pepejal Oleh Syarikat Alam Flora Sdn. Bhd. Tahun lalu untuk tahun ini sebanyak RM21 juta ada diperuntukkan. Tahun depan, juga sebanyak RM21 juta diperuntukkan. Bagaimana peruntukan akan dibagi kepada Alam Flora, kerana masa kini Alam Flora dilantik sebagai interim sahaja masih belum lagi surat perjanjian diswastakan kepada Alam Flora. Apa sebab peruntukan akan diberi. Dan saya juga meneliti peruntukan di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan

Tempatan, ada satu lagi pengurusan sisa pepejal sebanyak RM360 juta diperuntukkan. Ertinya Tuan Pengerusi, dua kementerian akan bagi bantuan kepada Alam Flora. Apa sebab demikian? Apa rasional untuk diberi daripada pihak kementerian untuk memberi peruntukan RM21 juta ini.

Saya minta penjelasan dan juga di waktu ini masih terdapat pengaduan-pengaduan daripada masyarakat di mana pembersihan yang dilakukan Alam Flora tidak begitu memuaskan. *Mass media* sentiasa dapat disiarkan dalam surat khabar Cina, dalam surat khabar bahasa, sentiasa dapat dilaporkan di mana tidak puas hati terhadap pembersihan dilakukan oleh Alam Flora ini. Apakah tindakan yang diambil untuk menjadikan Alam Flora lebih berkesan sebelum perjanjian akan ditentukan akan datang ini.

Tuan Pengerusi, saya lagi minta, saya dapat laporan daripada *mass media* berkaitan dengan Maju Holding Sdn. Bhd. Dalam mengumumkan, menjualkan 51% kepentingan dalam anak syarikat milik penuhnya Perwaja Steel Sdn. Bhd. baru-baru ini. Dan juga penjualan 51% ini kepada satu syarikat bernama Kin Steel Berhad di mana syarikat ini telah disenaraikan di dalam pasaran.

Sebelum Perwaja dijual kepada Maju Holding, kerajaan meneliti sepanjang masa ini telah didapati bahawa tercatat kerugian yang banyak. Lebih daripada RM10 bilion maka subsidi kerajaan telah disampaikan kepada Perwaja beberapa kali melalui sidang Dewan ini. Pada satu ketika itu, Pengerusi Eksekutif Maju Holding, Tan Sri Abu Shahid pernah berkata dengan izin, *"When we took over manage Perwaja in 1996, we promised the Government to turn it into a profitable for money and to build Perwaja into one at all Malaysian can be proud off"*. Tuan Pengerusi, dengan demikian komitmen oleh Maju Holding dulu, apa sebab Maju Holding hendaklah menjual saham 51% kepada syarikat lain? Apa reaksi atau pandangan lain daripada pihak kementerian terhadap transaksi ini.

Juga apakah pandangan di mana bantuan subsidi kewangan kerajaan kepada Perwaja beberapa tahun yang lalu, akan diambil alih balik atau dihapuskiranya. Jadi penjelasan daripada pihak kementerian terhadap Perwaja ini perlu diberi supaya rakyat Malaysia akan memahami apa pendirian sebenarnya kerajaan terhadap Perwaja pada masa kini. Ini sebab terlibat lebih juta ringgit wang kerajaan terhadap bantuan kewangan kepada Perwaja pada dulu.

Tuan Pengerusi, yang akhirnya saya minta jugalah penjelasan juga satu berkaitan dengan Akta Cukai Pendapatan untuk mengecualikan kepada pengurusan kubur Cina. Pada ketika dulu, masalah timbul di mana pengurusan pengkuburan Cina di negeri Malaysia ini telah dikenakan cukai.

Maka dengan rayuan-rayuan daripada pihak berkenaan, maka saya difahamkan, pihak kementerian telah bersetuju untuk mengecualikan cukai terhadap pengurusan kubur di seluruh Malaysia. Saya difahamkan bahawa warta kerajaan telah diumumkan beberapa perkara yang layak untuk dikecualikan supaya perkara pengurusan kubur dapat dijalankan dengan lancar. Walau bagaimanapun, dengan adanya demikian masih hendak penjelasan atau pendirian kerajaan atau pihak kementerian masih belum jelas lagi. Masih ada ragu-ragu daripada pihak pengurusan kubur Cina sepanjang masa ini. Masih terdapat tertanya-tanya macam mana caranya sistem dikecualikan cukai tersebut.

Garis panduan sama ada telah disampaikan kepada pengurusan pihak kubur yang telah kemukakan rayuan tersebut, apa garis panduan yang sebenarnya untuk dikecualikan pengurusan kubur itu? Sebab mereka sedang menunggu pendirian atau satu garis panduan yang nyata dan jelas supaya mereka akan dapat menjalankan tugas dan yang diberi sokongan daripada kerajaan.

Tuan Pengerusi sepatutnya dalam warta kerajaan ini akan disebutkan, bahawa akan dibentangkan di Dewan Rakyat di bawah subseksyen 127 (4) Akta Cukai Pendapatan 67. Bilakah akan dibentangkan supaya Parlimen akan memahami apa yang telah dijalankan sepanjang masa ini supaya pengecualian cukai pengurusan kubur dapat diperjelas. Ini adalah untuk memberi satu gambaran nyata dan jelas kepada pihak masyarakat Cina untuk menguruskan lagi kubur lebih baik dan sempurna. Sekian, terima kasih.

Ir. Haji Hamim bin Samuri: [Bangun]

Ir. Shaari bin Hassan: [Bangun]

Dr. Tan Seng Giaw: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Ledang.

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Terima kasih Tuan Pengerusi saya hanya ada beberapa perkara. Pertama butiran 10000 iaitu tentang pinjaman perumahan kakitangan kerajaan. Sehingga ini kadar pinjaman perumahan ialah 4% sedangkan bank-bank telah pun menurunkan kadarnya kepada 1.5% dan sebagainya. Walaupun ia berasaskan kepada baki pinjaman, tetapi saya berpendapat sudah sampai masanya kadar 4% itu diturunkan untuk kepentingan kita semualah termasuk Tuan Pengerusi.

Kedua Tuan Pengerusi, kebanyakan kenderaan yang digunakan oleh jabatan-jabatan kerajaan, oleh menteri-menteri dan sebagainya adalah disewa daripada Spanco dan sehingga ini adakah pihak kementerian puas hati dengan perkhidmatan Spanco termasuklah dari segi kadar sewa dan sebagainya. Sama ada kajian telah dibuat secara keseluruhannya, sama ada lebih murah membeli kenderaan kita *maintain* ataupun kita terus sewa daripada Spanco sampai bila-bila. Saya berfikir oleh kerana ia telah pun melampaui satu tempoh yang lama, lebih kurang 10 tahun sudah sampai masanya untuk kita kaji sama ada ia lebih menjimatkan ataupun lebih membebankan.

Ketiga Tuan Pengerusi ialah tentang satu perkara yang mungkin sensitif tetapi perlu juga saya sebut iaitu, tentang pemberian tetap kepada kerajaan negeri. Setakat ini kita sedia maklum bahawa pemberian tetap kepada kerajaan negeri berasaskan kepada bilangan penduduk tetapi dengan kadar yang telah pun berubah-ubah. Sama ada kerajaan akan terus kekal dengan sistem yang ada, dengan kadar yang ada ataupun ada satu kaedah lain untuk memberikan bantuan dalam bentuk kewangan kepada kerajaan-kerajaan negeri dalam bentuk pemberian tetap supaya kerajaan negeri lebih bernafas lega di dalam mengurus pentadbiran mereka, khususnya di dalam komitmen mereka termasuklah kerajaan-kerajaan di peringkat ketiga iaitu PBT apabila setiap tahun kerajaan terpaksa membayar bonus kepada kakitangan kerajaan sama ada sebulan, setengah bulan dan sebagainya.

Setiap tahun kerajaan negeri terpaksa berdepan dengan situasi yang sedemikian termasuk di dalam menguruskan perbelanjaan, di dalam menunaikan segala permintaan di peringkat kerajaan negeri yang lebih kepada keperluan yang mendesak terutamanya yang berkaitan dengan keperluan semasa. Kita sedia maklum banyak juga kerajaan negeri yang terpaksa menanggung hutang yang banyak walaupun ianya berkaitan dan berkait rapat dengan pembangunan yang hebat, tetapi saya berpendapat juga kerajaan negeri patut diberikan pemberian yang lebih supaya mereka dapat merasa lega.

Akhirnya Tuan Pengerusi, saya dapati di dalam Butiran 21100 kerajaan masih memberikan bantuan kewangan kepada IWK. Dan persoalannya pertama, sama ada IWK boleh berdikari ataupun masih tidak boleh berdikari sampai bila? Dan adakah perkara ini berterusan untuk tempoh beberapa tahun lagi mungkin lima tahun, enam tahun dan sebagainya, dan apakah tindakan kementerian dan kerajaan untuk memastikan bahawa perkara ini tidak berterusan sampai bila-bila? Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi di B.12 halaman 194, Butiran 020000 - Kumpulan Wang Tabung Pinjaman Pelajaran dan B.11 halaman 191, Butiran 022400 KL International Airport Berhad (KLIAB), dan B.10 halaman 184, Butiran 080000 - Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).

Tuan Pengerusi dalam sistem hasil negara ini di pihak Kementerian Kewangan pun sudah mengakui bahawa ada beberapa aspek itu masih ketinggalan zaman. Di sini saya hendak menekankan bahawa dengan sistem yang begitu tidak dapat menyahut perkembangan semasa ini, kita perlu melantik pakar bukan sahaja pakar di dalam negara dan juga pakar di luar negara. Seperti di World Bank, Bank Dunia yang mempunyai pakar

percukaian yang baik, kita perlu melantik pakar-pakar ini untuk mengkaji dengan menyeluruhnya sistem percukaian di Malaysia ini. Sebab Tuan Pengerusi yang ada sekarang ini bagi saya ialah panel di dalam Kementerian Kewangan ini adalah tidak mencukupi untuk mengkaji semua. Misalnya kita hendak melaksanakan *value added tax* GST kita dan itu memang kita tidak boleh elakkan kerana banyak negara termasuk Singapura dan Thailand pun sudah melaksanakan berapa tahun sudah, kita masih tidak dapat melaksanakan kerana beberapa faktor yang tertentu.

Tetapi walau bagaimanapun setakat ini kita pun tidak lagi - walaupun ada dialog di sana di sini memberitahu rakyat jelata, apakah hendak mereka buat untuk membayar GST atau VAT ini? Sebab itulah saya menyeru sekali lagi pihak kementerian untuk mempertingkatkan langkah, untuk melaksanakan kerana kita ada hanya lebih satu tahun sahaja untuk melaksanakan VAT atau GST ini.

Seterusnya mengenai KL International Airport. Kita di sini hendak minta RM702 juta, dan di sini saya tidak nampaklah apa maksud, apakah sebabnya kita perlukan RM702 juta, apakah bayaran balik pinjaman untuk KLIA kita? Saya berharaplah iaitu pihak kementerian dapat menerangkan apakah maksud Butiran 022400. Di sini saya hendak menekankan bahawa berapa kali sudah saya memberitahu dalam Dewan ini, kita mesti mengkaji papan-papan tanda (*signboard*) di KLIA kita supaya semuanya dapat disempurnakan. Sebab kita termasuklah Ipoh Timor, saya dan beberapa rakan di Dewan ini kita biasa termasuk Arau, kita biasa tengok papan tanda walaupun tidak ada teleskop kita perlu teleskop kadangkala. Tetapi yang perlu sekali itu ialah pihak kementerian ataupun pihak KLIA.

Kita mengkaji, macam mana kita boleh meningkatkan KLIA kepada tahap yang lebih tinggi lagi. Ini termasuklah saya nampak beberapa bahasa digunakan dan memang kita perlukan, kerana ini menarik pelancong dari negara-negara Arab, negara China, negara India dan sebagainya. Tetapi yang penting sekali kita tidak boleh adakan kakitangan yang fasih di dalam bahasa ini juga. Hanya satu dua perkataan, itu tidak cukup. Kita hendak tarik pelancong, kadangkala kita hendak tahu sama ada ini pelancong yang tulen atau pelancong yang tidak tulen seperti Yang Berhormat bagi Arau kadangkala tidak tulen juga.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Arau tidak ada masalah.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak ada?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak ada.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya nampak ada sedikit. [*Ketawa*] Itulah, yang penting sekarang ini, kita mesti adakan kakitangan yang fasih dalam pelbagai bahasa termasuk Mandarin supaya kita dapat menarik. Saya sering kali, apabila saya ada di KLIA, nampak orang yang saya kenal. Saya tanya apakah masalah? Dia kata, "Ada pelancong dari China ditahan sekarang", kerana tidak fasih dalam bahasa dan sebagainya dan mungkin disyaki bukan pelancong tulen dan sebagainya.

Saya berharap kita dapat meningkatkan lagi perkhidmatan di dalam KLIA termasuklah kehilangan bagasi yang teruk, walaupun ada satu dua penangkapan orang dalaman, tetapi yang penting sekali, kita mesti memastikan semua bagasi yang melalui KLIA itu selamat dan akhir sekali mengenai Kumpulan Wang Tabung Pinjaman Pelajaran kita ini. Di sini juga butiran itu tidak lengkap. Bagaimana tidak lengkap? Saya cari seluruh bahagian untuk Perbendaharaan tidak dapat. Tetapi kita minta RM116 juta lebih untuk Kumpulan Wang Tabung Pinjaman Pelajaran.

Di sini kita hendak menanya pihak kementerian dan mungkin ada penyelarasan dengan pihak Kementerian Pengajian Tinggi, tetapi yang penting sekalinya lebih RM50 juta yang hutangnya, 50 ribu orang yang belum bayar balik. 50 ribu orang hutang, RM50 juta yang belum bayar balik. Ini satu perkara yang sedihlah. Sebab apa di Malaysia, kita nampak orang semua kaum yang pinjam tetapi tidak bayar balik, dan pihak kementerian dan Kementerian Pengajian Tinggi hanya minta wang diluluskan dalam Dewan yang mulia ini, tetapi kita mestilah ada kaedah yang lebih cekap, lebih efektif, lebih berkesan untuk

mendapatkan balik wang yang dipinjam oleh pelajar-pelajar yang tidak mempunyai etika, yang tidak mempunyai nilai, perlulah kita adakan kursus sebelum kita bagi mereka wang.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, boleh gulung.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, sudah hendak gulung sudah ini. Saya mencadangkan mungkin....

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dr. Tan Seng Giaw: ... apa kosong lagi? Ada 50 ribu orang tidak bayar balik wang yang dipinjam, dan di sini kita minta lebih RM100 juta lagi diperuntukkan untuk maksud pinjaman pelajaran. Jadi macam mana tidak ada isi. Saya mencadangkan mungkin kita adakan satu kursus bagi semua yang hendak pinjam dan adakan satu nilai etika yang....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Nanti kena minta peruntukan tambahan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak payah, gunakan yang cukup, lebih itu, kalau RM110 juta kita gunakan sebahagian yang kecil mungkin RM1 juta untuk kursus khas bagi peminjam supaya mereka membayar balik, sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Parit.

4.55 ptg.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya hanya hendak membangkitkan dua perkara di bawah perbahasan dalam Jawatankuasa ini. Pertamanya berkenaan Kepala 040000 - Perkhidmatan Perakaunan. Saya mengharapkan pihak Kementerian Kewangan memperbaiki sistem pembayaran kepada kerja-kerja yang telah dijalankan oleh kontraktor-kontraktor yang melaksanakan kerja-kerja yang dibuat oleh jabatan atau agensi kerajaan. Perkara ini amat penting kerana kelewatan pembayaran kepada kerja-kerja yang telah disiapkan itu menyebabkan kontraktor-kontraktor berkenaan menghadapi masalah.

Tuan Pengerusi, saya ingin menarik perhatian Tuan Pengerusi dan juga pihak kementerian berkenaan dengan laporan yang dikeluarkan oleh Mingguan Malaysia pada hari Ahad 23 Oktober yang lalu, yang menyatakan menyebut rintihan Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia yang diwakili oleh Naib Presidennya yang menyatakan, "Seramai tidak kurang daripada 100 kontraktor tenat akibat daripada kegagalan pihak kementerian menjelaskan bayaran yang telah disempurnakan oleh kontraktor-kontraktor ini".

Kalau mengikut laporan itu, ada sebahagian daripada kerja-kerja itu telah disiapkan 4-5 tahun yang lalu dan kebanyakan pembinaan itu melibatkan kerja-kerja sekolah dan politeknik. Jadi kelewatan ini memberikan implikasi yang besar Tuan Pengerusi. Pertamanya, dalam usaha kerajaan untuk menaikkan imej agensi kerajaan khususnya dalam membentuk satu *delivery system* yang kemas dan cekap akan tergendala dan bukan itu sahaja, apa yang lebih teruk ialah menjejaskan kontraktor itu sendiri seperti yang saya sebutkan awal-awal tadi. Akibat daripada itu, ramai kontraktor yang mungkin bankrap dan ramai pekerja termasuk mereka yang golongan profesional seperti jurutera-jurutera yang bekerja dengan syarikat-syarikat berkenaan akan diberhentikan. Jadi kita berharap pihak kementerian mengambil langkah yang bersungguh-sungguh dalam memastikan sistem pembayaran ini disempurnakan dan diperkemas lagi. Sepatutnya dalam era teknologi ini, pembayaran begini dapat dipercepatkan kerana kita banyak menggunakan sistem IT dan tidak manual.

Perkara kedua Tuan Pengerusi, ialah berkaitan dengan pemberian tetap kepada kerajaan negeri seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Ledang tadi. Saya juga cadangkan supaya formula ini dikaji semula. Tujuan pemberian kepada kerajaan negeri ini ialah untuk membantu kerajaan negeri dalam menyelesaikan masalah kewangan mereka. Jadi kalau boleh saya mencadangkan supaya formula ini dikaji semula berdasarkan kepada tahap kewangan kerajaan negeri dan kualiti hidup di negeri-negeri berkenaan. Negeri-negeri yang belum maju seperti Sabah dan Sarawak terutamanya Sabah dan negeri-negeri

lain seharusnya diberi pemberian yang berlebihan bagi membantu negeri-negeri tersebut untuk melaksanakan masalah prasarana, masalah kekurangan air, masalah perumahan, masalah kemiskinan dan sebagainya. Bagi negeri-negeri maju, mungkin yang boleh berdikari, peruntukan ini boleh dikurangkan dan mungkin tidak perlu seperti Selangor sudah mencapai negeri maju...

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa pembesar suara] [Ketawa]*

Tuan Nasaruddin bin Hashim: Saya tidak pernah cerita begitu, maksudnya untuk membantu negeri-negeri yang belum maju ini, kerana masalah utama ini ialah menyelesaikan masalah kewangan yang dihadapi oleh negeri tersebut. Jadi saya haraplah perkara ini dikaji semula bagi mencapai matlamat pemberian geran ataupun pemberian bantuan kewangan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sabak Bernam.

Tuan Nasaruddin bin Hashim: Sila.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih sahabat saya. Saya ingat menyentuh mengenai Selangor telah diisytiharkan negara maju supaya jangan diberikan peruntukan itu saya ingat saya harap dapat ditarik balik. Kita hendak supaya yang maju itu terus maju dan saya sangat bersetuju yang mundur itu lebih daripada yang lain. Apa pandangan daripada Yang Berhormat?

Tuan Nasaruddin bin Hashim: Tuan Pengerusi, sebenarnya saya bersetuju juga, tetapi yang lebih penting ialah ini sebagai satu dorongan. Bagi negeri yang telah maju mereka telah berjaya menyelesaikan masalah kewangan. Jadi kita kena bantulah, negeri Yang Berhormat kurang maju, bagaimanapun itu saya terpulangkan kepada pihak kementerian kerana pihak kementerian Yang Berhormat lebih bijak dan lebih mengetahui masalah sebenar di tiap-tiap negeri itu. Setakat itu sahaja Tuan Pengerusi, perkara yang saya hendak sebutkan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Lipis.

5.01 ptg.

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya mohon untuk membahaskan Maksud Bekalan 10, Butiran 010000 di bawah Butiran 010400 – Pengurusan Pinjaman Perumahan. Pinjaman perumahan ini bagi saya perlu cepat dari segi kerjanya sebab ia boleh melibatkan kewangan kepada peminjam. Kewangan yang berat kepada peminjam. Sebagai contohnya saya ada menghantar surat dan borang untuk mendapatkan berapa jumlah pinjaman saya lagi. Pegawai di Bahagian Pinjaman Perumahan mengatakan isi borang dan jawapan akan diberi dalam masa tiga hingga ke empat minggu, jadi tiga ke empat minggu itu bagi saya agak lama dan kalau proses yang lain-lain itu lagi lama menyebabkan peminjam akan dikenakan faedah oleh pemaju. Jadi ini boleh membebankan peminjam kerana pinjaman perumahan yang diberi tidak termasuk faedah yang dikenakan kepada pemaju. Jadi mungkin juga di Bahagian Pinjaman Perumahan itu tidak cukup pegawai atau staf, jadi kita berharaplah Kementerian Kewangan boleh menambah staf ataupun pegawai di Bahagian Pinjaman Perumahan itu.

Yang keduanya, saya hendak membincangkan Butiran 030000 - Perkhidmatan Sistem dan Kawalan, ini dari segi bank, saya minta pihak Kementerian Kewangan, Bank Negara khususnya memberi perhatian kepada bank-bank kerana ada caj yang dikenakan yang rasanya tidak munasabah. Sebagai contohnya, kontraktor kecil untuk mendaftar balik kelas F dan sebagainya mereka terpaksa mendapat pengesahan penyata kewangan mereka. Jadi ada bank untuk mendapatkan satu penyata mengenakan cop dan tandatangan pada penyata dan mengenakan bayaran sebanyak RM50. Ada bank pula mengenakan bayaran RM10, jadi bayaran itu tidak sama, jadi ini rasa saya untuk dapat satu cop dan tandatangan, RM50 itu rasanya mahallah. Jadi ini rasa saya antara caj-caj yang tidak munasabah yang dikenakan kepada pendeposit. Sebenarnya mereka menyimpan duit sepatutnya dibayar faedah tetapi mereka dikenakan pula caj perkhidmatan.

Ketiganya, dari segi CITOS, ketidakadilan CITOS ini, jadi bila peminjam tidak membayar pinjaman mereka CITOS dikenakan kepada peminjam dan penjaminnya sekali. Jadi ini sudah tentu penjamin tidak dapat apa-apa daripada pinjaman itu tetapi mereka pula menjadi mangsa dan produk yang dibuat pun dibuat oleh bank sendiri. Bank yang mencipta produk, pinjaman peribadi, kad kredit dan sebagainya tetapi bank tidak mahu bertanggungjawab. Jadi mereka melepaskan tanggungjawab itu terus kepada peminjam ataupun kepada penjamin. Sepatutnya penjamin tidak dikenakan CITOS dahulu, jadi dengan cara ini bolehlah penjamin mencari duit atau sebagainya untuk membayar hutang bagi pihak peminjam, tetapi kalau mereka sendiri sudah dikenakan CITOS ini menyebabkan mereka semuanya menjadi tidak upaya dan penjamin juga terutamanya kalau mereka itu peniaga dan sebagainya membuat untuk berurusan dengan bank, jadi menyebabkan mereka tidak boleh berurusan kesan daripada CITOS yang dikenakan. Rasanya tidak adil, jadi kita minta pihak Kementerian Kewangan melihat perkara ini, kalau hendak CITOS, CITOS lah peminjam dahulu, lepaskanlah penjamin supaya penjamin juga boleh mencari jalan untuk melunaskan pinjaman dan sebagainya. Pihak bank juga sepatutnya mengambil tanggungjawab, bukan 100% dikenakan kepada peminjam dan penjamin tetapi sekurang-kurangnya 50% mereka kena ambil tanggungjawab kerana produk itu mereka mereka yang cipta, dan tentulah ada dia punya liabilitinya kalau produk mereka silap dan sebagainya.

Yang ketiga, saya hendak bercakap tentang kastam. Hari ini kita lihat kastam ini Butiran 060000 - Perkhidmatan Kastam. Hari ini kita lihat kastam kata telah mendapat balik dalam berita *Utusan Malaysia*, RM6 juta, jadi kita pun mengucapkan ribuan terima kasih dan tahniah kepada perkhidmatan kastam ini kerana telah berusaha bersungguh-sungguh. Baru-baru ini kastam ada masalahnya dan saya percaya masalah tersebut mungkin juga disebabkan ketidakpuasan hati staf-staf di dalam kerana kadang-kadang jawatan-jawatan tertinggi dalam kastam itu diambil-alih oleh orang lain daripada perkhidmatan lain. Perkhidmatan kastam ini bukan perkhidmatan tertutup, jadi di sini saya mencadangkan supaya sebarang kenaikan pangkat pegawai dalam perkhidmatan kastam....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulung.

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman:mestilah diberi kepada kastam itu sendiri.

Yang terakhirnya ialah Maksud Bekalan B.11, Butiran 021400 - Bekalan Air Luar Bandar. Jadi saya percaya yang ini patutnya di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar tetapi ada dalam Kementerian Kewangan, yang ini mungkin kerana bayaran konsultan dan sebagainya. Apa yang saya hendak perkatkan di sini bekalan air ini sepatutnya serahkan kepada Jabatan Kerja Air ataupun Jabatan Bekalan Air yang mengendalikannya, bukan konsultan. Sebab ada satu kes dalam kawasan saya di mana paip itu sampai sekarang sudah lama sangat dibuat oleh konsultan tetapi tidak siap-siap, sekarang ini sudah siap tetapi airnya tidak ada. Sebab katanya tekanan rendah dan apabila kita tanya pada Jabatan Bekalan Air, mereka mengatakan kerja itu dibuat oleh konsultan dan konsultan belum lagi menyerah dan mereka tidak berbincang dengan Jabatan Bekalan Air semasa mereka membuat reka bentuk dan sebagainya, mungkin ada salah reka bentuk menyebabkan air tidak mengalir dalam paip itu dan sekarang bebannya adalah kepada penduduk-penduduk di luar bandar.

Jadi saya mencadangkan di sini supaya kerja-kerja bekalan air ini bagilah kepada yang pakar dan bagi saya yang pakar dalam pekerjaan ini adalah Jabatan Kerja Air ataupun Jabatan Bekalan Air. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Wah, tiba-tiba ramai. Ya, Tumpat.

5.09 ptg.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap ringkas sahaja tentang beberapa perkara dalam kes Perbendaharaan ini. Pertamanya merujuk kepada Butiran-butiran 00200, 06000, 08000, 10000, 11000 dan

15000. Semuanya berkaitan dengan pengkomputeran – Butiran 002000 - Pengkomputeran Jabatan Hasil Dalam Negeri, kemudian Butiran 06000 - Pengkomputeran Jabatan Akauntan Negara, Butiran 08000 - Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Kerajaan, Butiran 10000 – Pengkomputeran, Butiran 15000 - Pengkomputeran JPPH yang kesemuanya bernilai lebih daripada RM200 juta.

Saya ingin memohon pertanyaan kepada pihak kementerian dan kenapa pada kali ini agak besar jumlahnya dan berbagai-bagai jabatan semuanya menumpu kepada perbelanjaan untuk pengkomputeran. Saya ingin bertanya, apakah nama syarikat-syarikat perunding yang digunakan, dan apakah nama syarikat-syarikat pembekal yang terlibat dalam membekalkan komputeran ataupun alat-alat komputer kepada empat atau lima agensi-agensi yang saya sebutkan tadi? Sebab jumlahnya besar dan tiba-tiba banyak jabatan yang menumpu kepada komputer.

Keduanya, merujuk kepada Butiran 13000 - Cyberview Sdn. Bhd. belanja langsung RM140,600,000 dan pinjaman RM50 juta menjadikan yang akan diluluskan RM190,600,000, sekali lagi sekitar RM200,000 dibelanjakan untuk Cyberview Sdn. Bhd. Saya ingin bertanya, apakah tujuan peruntukan ini? Adakah ia sekali lagi melibatkan pembangunan-pembangunan infrastruktur, pembangunan-pembangunan berbentuk hartanah *real property* yang mana sebenarnya banyak pengkaji mengatakan, "Masalah terbesar dalam Cyberview dan MSC inilah tumpuannya tersilap kepada hartanah, dan bukan kepada membekalkan infrastruktur yang tulen untuk keperluan bidang-bidang teknologi, bidang-bidang komputer, bidang-bidang internet dan sebagainya". Jadi adakah sekali lagi tumpuan perbelanjaan ini ke arah yang berbentuk hartanah dan tidak sangat kepada yang berbentuk keperluan sebenar sebuah projek IT?

Seterusnya perkara Butiran 20000 - CIQ Johor Bahru. Dipohon peruntukan RM20,000,000 daripada harga anggaran projek RM1,266,000,000. Sebagaimana kita maklum, CIQ Johor Bahru ini ada kaitan dengan jejambat, atau jambatan baru yang sedang dirancang oleh pihak Kerajaan Malaysia dan jelas telah ditolak oleh Kerajaan Republik Singapura. Jadi adakah perbelanjaan yang sebesar ini dan perbelanjaan yang seterusnya untuk tahun 2006 ini akan terus kita lakukan, memandangkan proses diplomasi, perbincangan antara kita dengan Singapura nampaknya sekali lagi tidak berjaya bagi pihak kita, manakala bagi pihak kita khususnya Perbendaharaan telah membenarkan syarikat-syarikat Kerajaan Republik Singapura, Tamasek Holdings dan sebagainya membeli harta-harta, saham-saham dalam syarikat-syarikat kepunyaan Khazanah Negara kepunyaan Perbendaharaan manakala di pihak kita, kita tidak dapat apa-apa konsesi ataupun kemudahan ataupun kerjasama daripada pihak Republik Singapura dan dalam konteks ini kita terus berbelanja untuk CIQ Johor Bahru, manakala hasil penghujung matlamat kita masih lagi belum pasti kerana Singapura masih belum lagi memberi kerjasama terhadap projek tersebut.

Seterusnya kepada Butiran 020500 - Subsidi Gas Cecair (LPG), Diesel dan Petrol bernilai RM8.5 bilion. Ini satu jumlah yang besar dan kerajaan sentiasa beberapa kali, akhir-akhir ini menggunakan jumlah ini dan jumlah totalnya lebih kurang RM25 bilion termasuk dalam Ucapan Belanjawan Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan untuk seolah-olah meletakkan tanggungjawab dan beban ini, seolah-olah ini adalah masalah rakyat, kerana rakyat menggunakan kereta, menggunakan petrol, menggunakan gas, maka kerajaan terpaksa memberi subsidi, maka ini dijadikan sebagai satu masalah dan beban pada rakyat.

Saya ingin bertanya sebenarnya kepada Perbendaharaan, dari RM8.5 bilion ini bagaimana pecahan penerimanya? Adakah individu-individu ataupun ianya syarikat-syarikat, syarikat tenaga, IPP dan syarikat-syarikat yang lain, kilang-kilang dan sebagainya. Daripada RM8.5 bilion ini sebenarnya banyak mana pergi kepada syarikat-syarikat dan sebanyak mana yang sebenarnya digunakan oleh rakyat secara *retail*, dengan izin.

Seterusnya, begitu juga dengan Butiran 022100 - Pemberian Kemudahan Asas Kecil - RM1 bilion, Butiran 022200 - Pemberian Kemudahan Projek Khas - RM2 bilion, campur dua-dua ini RM3 bilion. Saya juga ingin mengetahui agihannya, sebab ini saya yakin adalah berkaitan dengan projek-projek kecil, pemberian-pemberian oleh ahli-ahli politik, pemimpin-pemimpin politik kerajaan, jumlah RM3 bilion adalah besar dan saya ingin

mendengar apakah agihannya? Dan saya ingin bandingkan agihan ini dengan apa yang dijanjikan dalam ucapan belanjawan untuk memberi tumpuan kepada negeri-negeri dan wilayah-wilayah yang miskin dalam negara kita ini.

Seterusnya Butiran 022400 - KL International Airport Berhad (KLIAB), jumlahnya RM702,000,000. Saya ingin mengetahui apakah tujuan ini, sebab KLIA adalah sebahagian daripada sebuah syarikat awam Malaysia Airport Berhad dan kita memberi lagi RM702,000. Adakah ini untuk menanggung perbelanjaan-perbelanjaan yang mana KLIA dikira berhak untuk menuntut pembiayaan daripada Perbendaharaan. Misalnya, adakah ini untuk tujuan menanggung pembiayaan litar formula satu atau sebagainya?

Seterusnya Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Butiran 010000 hingga ke 140000 iaitu Kumpulan-kumpulan Wang Amanah dan sebagainya dalam sepanjang senarai yang ada ini. Ini sebagaimana yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, saya ingin rujuk satu lagi Kumpulan Wang Amanah yang dinamakan Kumpulan Wang Amanah Negara. Ini adalah satu Kumpulan Wang Amanah yang mana Petronas menjadi pembiaya utamanya. Dalam laporan yang dibentangkan di Parlimen ini untuk tahun 2003, Kumpulan Wang Amanah Negara, maka dilaporkan di sini bahawa Petronas menyumbang pada tahun berkenaan dan mengikut apa yang saya lihat akaunnya tiap-tiap tahun RM100 juta. Maknanya Petronas yang mempunyai keuntungan berpuluh-puluh bilion ringgit hanya menyumbang RM100 juta sahaja tiap-tiap tahun kepada satu Kumpulan Wang Amanah Negara.

Saya ingin menanya Perbendaharaan sama ada dasar ini, iaitu sumbangan yang sebegitu kecil oleh Petronas ini perlu diteruskan ataupun kerajaan menukar dasar dan mendesak Petronas supaya memberi sumbangan yang lebih besar kepada tabung Kumpulan Wang Amanah Negara ini, sebagai menandakan peranan dan memberikan bayangan sebenar keuntungan besar yang diperolehi tiap-tiap tahun oleh Petronas. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tuanan.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin turut serta dalam perbahasan ini, bermula dengan Butiran 050000 iaitu Tabung Bantuan Bencana Negara. Dalam butiran ini saya ingin tahu, adakah pihak Kementerian Kewangan telah menyediakan dana untuk menyelesaikan masalah bencana alam yang berlaku seperti banjir lumpur di kawasan Telipok, yang telah berlaku beberapa bulan yang lepas? Dan kerajaan negeri melalui pejabat daerah daripada tabung kebajikan mereka telah memberikan bantuan sebanyak RM150 kepada tiap-tiap mangsa dan kerajaan juga telah mengumumkan bantuan sebanyak RM500 akan diberikan kepada setiap mangsa. Tetapi sehingga hari ini belum lagi dan pemimpin-pemimpin di kawasan tersebut, wakil rakyat dan sebagainya telah meminta supaya bantuan kepada mangsa-mangsa banjir tersebut diberikan sebelum hari raya ini, tetapi hari ini tinggal berapa hari lagi hari raya? Saya ingin tahu sama ada akan dilunaskan, akan diberi bantuan sebab rakyat sudah bertanya. Kita telah beri begitu cepat juga bantuan kepada bencana alam di negeri luar, misalnya di Pakistan dan sebagainya, tapi di negeri kita sendiri bila ada bencana seperti ini, kita tidak begitu cepat untuk memberi bantuan.

Seterusnya Tuan Pengerusi, saya ingin beralih ke Butiran 120000 - Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin. Kita mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan setinggi penghargaan kepada kerajaan kerana mewujudkan wang amanah ini sebab sebenarnya ramai daripada pelajar kita khususnya daripada pelajar miskin tentu sekali tidak akan dapat meneruskan pelajaran mereka, menyambung pelajaran mereka di peringkat tinggi bermula daripada sekolah rendah jika sekiranya tidak ada bantuan daripada pihak kerajaan.

Persoalannya di sini di sekolah rendah kerajaan memberi baucar tuisyen dan berbagai-bagai lagi bantuan untuk sekolah rendah, tetapi apabila sampai ke sekolah menengah saya ingin tahu sama ada dana ini juga akan diperuntukkan untuk mereka. Kita wakil-wakil rakyat sering ditemui oleh rakyat dan bertanya yang mereka mempunyai anak di sekolah menengah dan mereka tahu bahawa apabila mereka ke sekolah menengah dan seterusnya ke universiti menghadapi pelbagai kesulitan dari segi kewangan. Kita sering

menghadapi masalah memberi penjelasan kepada mereka bagaimana kita boleh memberi bantuan selain daripada pinjaman PTPTN yang menghadapi banyak masalah itu. Bagaimana pula dengan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin ini ditadbir untuk membantu orang miskin ini.

Seterusnya saya beralih ke Butiran 140000 - Kumpulan Wang Amanah Pinjaman Perumahan Untuk Golongan Berpendapatan Rendah Sabah/Sarawak.. Saya lihat dalam butiran ini, ini adalah satu butiran yang baru sebab dalam Anggaran Perbelanjaan Tahun 2005 peruntukannya kosong, tidak ada apa-apa peruntukan tetapi pada tahun hadapan tahun 2006, peruntukan sebanyak RM212 juta telah diperuntukkan.

Saya ingin tahu apa sebenarnya Kumpulan Wang ini? Mana pinjaman perumahan untuk golongan berpendapatan rendah di Sabah dan Sarawak ini. Pertama sekali kita tahu kita tidak tahu latar belakangnya, saya mohon penjelasan daripada pihak kementerian apakah sebenarnya tujuan dana ini dan siapakah yang akan nanti mendapat manfaat dan bagaimanakah ia akan dilaksanakan, adakah akan dilaksanakan oleh kerajaan negeri ataupun siapa sebenarnya pelaksana. Sebab Tuan Pengerusi, di negeri Sabah ini apabila melibatkan wang daripada Kerajaan Persekutuan kita menghadapi banyak masalah apabila nanti disalurkan kepada agensi-agensi seperti Jabatan Pembangunan Persekutuan dan sebagainya. Banyak persoalan yang timbul.

Seterusnya Tuan Pengerusi, saya ingin beralih ke Butiran 021400 - Bekalan Air Luar Bandar. Pada tahun 2005 ini, saya lihat dalam butiran ini tidak ada apa-apa peruntukan tetapi pada tahun hadapan tahun 2006, peruntukan yang besar juga iaitu RM212 juta. Saya ingin tahu Yang Berhormat Lipis tadi mengandaikan ini adalah untuk bayaran konsultan, tetapi kita ingin tahu apakah sebenarnya tujuan dana ini. Apa bezanya dengan wang ataupun peruntukan yang diberikan melalui Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Kemajuan Wilayah.

Tuan Pengerusi, di negeri Sabah sebagai contoh di kawasan saya sendiri, apabila kita bercerita berkenaan air luar bandar ini sememangnya semua kampung sudah diberi kalau kita hanya bekalkan dengan paip graviti. Tetapi bila kita bercerita tentang bekalan air luar bandar daripada yang diperuntukkan melalui Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Kemajuan Wilayah, bekalan air luar bandar yang dimaksudkan ialah bekalan air bersih. Maknanya *treated water*.

Jadi kalau kita lihat dari segi bekalan air *treated water* memang masih banyak lagi, cabarannya begitu tinggi terutama sekali di Sabah dan Sarawak dan sebenarnya peruntukan RM212 juta ini tidaklah berapa besar jika sekiranya kita lihat perincian masalah yang dihadapi dalam bekalan air luar bandar. Jadi saya ingin penjelasan lebih lanjut tentang butiran ataupun peruntukan yang telah diperuntukkan dalam butiran ini.

Seterusnya Tuan Pengerusi, saya beralih kepada Butiran 03000 - Bayaran Tuntutan, Insurans dan Pampasan, juga Butiran 030200 - Pampasan Kerana Tuntutan Yang Dibuat Kepada Kerajaan. Tuan Pengerusi, di kawasan saya ada satu projek yang amat penting iaitu loji satu *treatment* pelan ataupun loji untuk penapisan air untuk bekalan air seluruh kawasan Kota Kinabalu dan juga kawasan Tuaran dan melibatkan pengambilan tanah lebih daripada 32 buah rumah pemilik tanah, pemilik rumah dan sebagainya.

Padahal masa ini saya selaku wakil rakyat juga daripada pejabat daerah kita berhadapan dengan masalah rakyat yang sememangnya bila kita ambil tanah untuk dibangunkan untuk kemudahan rakyat juga mereka menentang dan sebagainya kerana pampasan yang begitu rendah. Pampasan yang telah ditawarkan kepada penduduk-penduduk di situ hanyalah RM10,000 seekor sedangkan tanah di kawasan itu bukan sahaja dikatakan *prime land* tetapi juga para pemilik tanah di situ adalah orang-orang yang berpendapatan rendah. Ada di kalangan mereka tanah di situ adalah satu-satunya tanah milik mereka. Setakat hari ini kita masih lagi berusaha untuk mencari tapak pemindahan untuk mereka.

Persoalan yang saya ingin bawa di sini ialah dari segi kadar itu. Apakah sebenarnya kadar yang diamalkan oleh kerajaan apabila memberi pampasan kepada rakyat ataupun orang-orang yang terkena dengan projek kerajaan. Sebagai contoh hari ini, projek

yang sama yang saya maksudkan tadi, mereka yang terlibat menuntut supaya kerajaan memberi harga pada kadar RM60,000 seekor berbanding dengan apa yang telah ditawarkan. Jadi dalam proses itu mengambil masa yang begitu lama sedangkan masalah air di Kota Kinabalu dan Tuaran ini begitu kritikal yang perlu kita selesaikan.

Selain daripada itu, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk bertanya kepada Yang Berhormat daripada kementerian sama ada pihak kerajaan negeri ataupun agensi-agensi yang terlibat telah menghantar kepada Kementerian Kewangan pampasan untuk lebih 20 batang jalan raya di kawasan Tuaran yang terlibat.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Wilfred Madius Tangau:dengan jalan raya.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulung.

Tuan Wilfred Madius Tangau:yang sudah sekian lama....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Boleh gulung.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Okey, okey. Terima kasih Tuan Pengerusi. Sudah sekian lama, ada yang sudah lebih 20 tahun dan sehingga pada hari ini ada yang sudah meninggal menunggu pampasan tetapi hari ini belum lagi diselesaikan.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, saya ingin sedikit sahaja dalam Butiran 01000 - Perkhidmatan Kewangan dan juga dalam Butiran 010500 - Pengurusan Belanjawan. Dalam Laporan Audit tahun 2004 yang dibentangkan di Dewan ini kita dapati bahawa negeri Sabah di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah, negeri Sabah telah disenaraikan 13,000 projek kecil luar bandar dan dalam Laporan Audit menyatakan bahawa hanya 6,000 yang telah dilaksanakan, ada lagi lebih kurang 1,000 yang sedang dilaksanakan dan ada lebih kurang 4,000 projek yang belum dilaksanakan. Audit menyatakan bahawa projek 4,000 dalam senarai ini tidak dapat dilaksanakan oleh kerana tidak ada peruntukan.

Persoalannya di sini ialah bagaimanakah senarai itu telah disenaraikan oleh EPU dan akhirnya tidak boleh dilaksanakan oleh kerana tidak ada peruntukan. Saya ingat ini menunjukkan satu pengurusan yang tidak baik, mencerminkan sesuatu yang tidak baik kepada kerajaan dan saya ingin bertanya bagaimanakah pihak Kementerian Kewangan dalam hal ini kerajaan persekutuan menyelaraskan dengan pihak kerajaan negeri untuk memastikan supaya perkara begini tidak timbul sebab ini memalukan kita sebagai kerajaan Barisan Nasional. Kita ini kerajaan yang baik, mempunyai prestasi yang baik janganlah sehingga ada projek sebegitu banyak. Kalau projek 100 atau 200 kita boleh faham tapi 4,000 dalam senarai tidak dapat dilaksanakan oleh kerana tidak ada peruntukan.

Akhir sekali dalam soal wang kerajaan negeri kita faham khususnya di negeri Sabah saya ingat dalam negeri lain juga di antara perkara cabaran yang paling besar ialah dalam soal pengurusan air dan dana untuk menyelesaikan masalah. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk bertanya kepada pihak kementerian apakah penyelesaian pihak kementerian untuk menyelesaikan keperluan kewangan sebanyak lebih kurang RM2 bilion menyelesaikan masalah bekalan air negeri Sabah. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli Yang Berhormat, masa cukup 5.30 petang. Perbincangan terhadap Kementerian Kewangan boleh kita sambung semula pada hari esok.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat saya tangguhkan mesyuarat ini sehingga jam 10.00 pagi hari esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.